

فتيٰقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"HIDAYAH Allah itu ialah rahmat yang tertinggi. Andainya ia menjadi milik kita, bermakna kita-lah orang yang paling kaya mencakup semua rahmat: Rahmat dunia dan rahmat akhirat." - Titah sempena sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada 2 Disember 2001.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



عائيشة ايمان

MANISNYA IMAN

"DARi Abi Umamah Al-Bahiliyyu berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Barang siapa membaca Al-Quran kerana kesungguhannya Al-Quran itu akan datang pada Hari Kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya.' - (Riwayat Al-Ismailiyyin)

TAHUN 49 BILANGAN 44

RABU 3 NOVEMBER 2004/1425 رابو 19 رمضان

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

JAGA KESUCIAN, KEMULIAAN AL-QURAN

BERAKAS, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa sebagai umat Islam adalah menjaga kesucian dan kemuliaan Al-Quran.

Bertitah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi tahun 1425 Hijrah di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa, baginda bertitah supaya kita sama-sama menjadikannya suluh dan penagih berkat di dalam semua pekerjaan dan jadikan ia panduan kekal sehingga bila-bila.

Baginda juga bertitah menyatakan jika kita terlanjur membelakangkannya, segeralah kembali kepadanya, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam untuk menjaga kesucian dan kemuliaan Al-Quran itu. Marilah kita sama-sama menjadikannya suluh dan penagih berkat di dalam semua pekerjaan kita. Kita jadikan ia panduan kekal sehingga bila-bila. Jika kita terlanjur membelakangkannya, segeralah kembali kepadanya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani," titah baginda.

Awal dari itu, baginda bertitah, tradisi memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran adalah sesuatu yang indah kerana ia menunjukkan kita umat Islam menjunjung tinggi Al-Quran itu serta seiring dengan itu juga mengambil berat isi kandungannya untuk dijadikan panduan hidup.

Al-Quran, titah baginda, mengandungi dalil-dalil yang membuktikan kewujudan Allah, kekuasaan dan keluasan ilmu-Nya serta Al-Quran juga memberikan gambaran mengenai hari

Liputan Haji Ahat HI dan Aliddin HM

akhir zaman, ia menceritakan mengenai Hari Akhirat yang terdapat di dalamnya Syurga dan Neraka Allah.

Dengan membaca dan memahami Al-Quran, titah baginda, akan memperkuhi lagi keimanan kita. Iman yang digilap dengan Al-Quran adalah iman yang sahih.

Baginda bertitah menjelaskan bahawa Al-Quran juga mengandungi cerita dan sejarah umat-umat yang terdahulu, seperti peristiwa Nabi Noh Alaihissalam dengan bahteranya serta orang-orang yang tenggalan kerana mengingkari seruannya, cerita Firaun yang mengingkari keesaan Allah, yang bersikap bongkak dan kejam, yang akhirnya terkubur di dalam dasar laut bersama-sama bala tentaranya.

Baginda selanjutnya menambahkan titah, dengan menyatakan sikap Qarun yang sombong dengan kekayaannya, yang telah ditelan oleh bumi bersama-sama dengan hartanya.

"Begitulah iktibar dari-pada Allah, cerita-cerita ini, adalah semuanya pengajaran dan teladan, sayugia ianya jangan diabaikan," titah baginda.

Seterusnya baginda bertitah, Al-Quran disebut juga sebagai Al-Furqan bagi membezakan perkara-perkara yang hak dengan perkara-perkara yang batil. Ia menerangkan mana yang baik dan mana yang buruk, kerana itu pengetahuan dan pemahaman mengenai isi Al-Quran itu boleh memandu jiwa ke arah jalan yang diredai Allah.

Baginda bertitah, membaca Al-Quran adalah suatu ibadah. Di antara hikmahnya, menurut seorang ulama, Abu Laits As Samarqandi: "Kalau seseorang itu hendak selamat dari seksa kubur, maka dia hendaklah melazimkan empat perkara iaitu hendaklah dia menjaga sembahyangnya; hendaklah dia bersedekah; hendaklah dia membaca Al-Quran dan hendaklah dia membanyakkan membaca tasbeih, kerana ini semua akan dapat menyinari kubur dan melapangkannya."

Bersempena bulan Ramadan yang penuh rahmat ini baginda bertitah mengajak kita supaya sama-sama membanyakkan membaca Al-Quran dan berdoa semoga segala amal salih yang kita lakukan akan diterima oleh Allah Subhanahu Wa-taala dan kita semua mendapat keampunan dan rahmat-Nya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada Awangku Md. Wafiuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain, pemenang pertama kategori 'B'. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8 dan 9).

Amil mesti jujur dan amanah

TEMBURONG, 26 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata, salah satu kelayakan yang utama seorang amil yang dilantik ialah mempunyai kejujuran dan sifat amanah.

Kejujuran dan sifat amanah itu, jelas Yang Berhormat, adalah berat, sebagai misal jika seorang menyerahkan wang zakat fitrah bagi dirinya berjumlah \$1.93 dan diberikannya wang berjumlah \$2.00, ertinya ada baki tujuh sen, adalah menjadi kewajipan amil mengembalikan baki

Oleh
Haji Ahmad HS

tujuh sen itu kepada pembayar fitrah tersebut.

Ini pun, tambahnya, satu kerja, kerana wang kecil (usin pacah) tidaklah mudah untuk didapati dan para amil hendaklah berusaha untuk menyediakan duit-duit syiling tersebut.

"Perkara ini nampaknya kecil dan remeh tetapi perkara seperti ini menyangkut dan berhubung dengan kejujuran serta sifat amanah," tegasnya.

Dari segi lain, kata Yang Berhormat, para amil

juga diamanahkan untuk menyerahkan agihan zakat kepada fakir miskin dan muafak.

Ini pun, jelasnya, bukan kerja yang boleh dipandang ringan kerana wang agihan untuk disampaikan kepada asnaf fakir miskin dan muafak itu adalah suatu amanah di tangan amil. Amanah itu hendaklah diserahkan secukupnya dan dengan sempurna.

Di majlis itu, Yang Berhormat melahirkan kepercayaan bahawa pegawai-pegawai masjid menjunjung tinggi akan kejujuran dan sifat amanah yang diberikan kepada mereka dan mereka memang orang-orang yang berkecayaan dilantik menjadi amil kerana mereka adalah orang yang jujur dan amanah dan takut kepada Allah.

Di majlis itu Menteri Hal Ehwal Ugama juga meletakkan sijil di tempat yang dikhaskan bagi johan pertandingan Landskap Daerah Temburong dan seterusnya menyaksikan sekitar kawasan landskap Masjid Kampong Belais serta menanam pokok buah-buahan di kawasan masjid berkenaan.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Pindaan-pindaan Pemasyhuran Perlembagaan (2004): Jadi asas kekuatan wawasan negara - Muka 2

Tingkatkan kegiatan takmir di masjid masing-masing - Muka 4

Tradisi ziarah kubur di bulan Ramadan - Muka 5

ICT diperkenalkan sebagai mata pelajaran wajib - Muka 7

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi tahun 1425 Hijrah - Muka 8 dan 9

Perlembagaan penting jamin kestabilan, keadilan dan kemajuan negara - Muka 10

Ziarah-menziarahi di bulan Syawal 'Pupuk ukuhawah, eratkan silaturahmi' - Muka 2 ANEKA

TAHUKAH AWDA

VIENTIANE, Republik Demokratik Rakyat Lao akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 pada 19 - 30 November 2004. Lao PDR yang berpenduduk 5.4 juta orang (2001), berkeluasan 236,800 kilometer persegi. Eksport utamanya kopi, pakaian, kayu, produk hutan dan Gypsum, sejenis sulfat kalsium yang digunakan sebagai baja. Negara itu yang menjadikan agama Buddha sebagai agama rasmi menggunakan mata wang Kip. - Sumber: www.aseansec.org/4933.htm & www.aseansec.org/4741.htm.

PENGLIHATAN HILAL SYAWAL 1425H/2004M

BANDAR SERI BEGAWAN. - Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang ditetapkan untuk melakukan rukyah penglihatan anak bulan Syawal 1425 Hijrah pada petang hari Sabtu, 29 Ramadan 1425 Hijrah bersamaan 13 November 2004 Masihi di Bukit Shahbandar, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Lumut,

Daerah Belait (berseberangan dengan BLNG); Padang Tembak, Bukit Agok, Daerah Tutong dan Bukit Ambok, Daerah Tutong.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

Pengumuman 1 Syawal (awal Syawal bagi tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei sebaik-baik sahaja hasil penglihatan rukyah disabitkan seperti lazimnya pada petang hari Sabtu, 29 Ramadan 1425 Hijrah bersamaan 13 November 2004 Masihi.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
قُومُوهُ دَانَ مَهَا قِيَابِغْ

Dari Sidang Pengarang

3 NOVEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 19 رمضان

MENGHAYATI NUZUL AL-QURAN DENGAN TADARUS

TRADISI memperingati Nurul Al-Quran yang telah diturunkan selama 23 tahun pada lebih 1,400 tahun yang lalu adalah sesuatu yang indah dan cukup tinggi nilainya. Ini kerana ia mencerminkan bahawa kita umat Islam sangat menjunjung tinggi kemuliaan Kitab Suci Al-Quran itu sendiri, di samping mengambil berat akan isi kandungan serta semangat yang terkandung di dalamnya sebagai panduan dan asas penghidupan.

Kitab Suci Al-Quran mengandungi dalil-dalil yang membuktikan tentang kewujudan Allah, kebesaran kekuasaan-Nya serta keluasan ilmu-Nya. Ia juga memberikan gambaran mengenai hari akhir zaman serta menceritakan juga di dalamnya mengenai Syurga dan Neraka. Ia juga mengandungi cerita dan sejarah umat Islam yang terdahulu, mengenai perjuangan menegakkan syiar Islam dan juga cerita mengenai sikap ingkar yang telah membawa padah kepada mereka. Ternyata hukum Allah berlaku dengan tuntas seperti yang terparap dalam kisah keingkaran Firaun yang mengingkari keesaan Allah Subhanahu Wataala. Firaun yang bersikap bongkak dan kejam akhirnya terkubur di dasar laut bersama-sama bala tenteranya. Begitu juga sikap Qurun yang sombong dengan kekayaannya juga telah ditelan bumi bersama-sama dengan hartanya.

Dalam Sambutan Nurul Al-Quran Peringkat Negara bagi tahun 1425 Hijrah, titah seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seharusnya kita tanai dan ambil iktibar. Baginda bertitah menyeru kita sebagai umat Islam bahawa kita adalah bertanggungjawab untuk sama-sama menjaga kesucian dan kemuliaan Al-Quran. Baginda juga berseru untuk sama-sama menjadikan Al-Quran sebagai suluh dan penangih berkat dalam semua pekerjaan kita. Kita hendaklah menjadikannya sebagai panduan kekal hingga bila-bila masa dan hendaklah kembali kepadanya jika kita terlanjur membelakangkannya.

Dengan memperingati Nurul Al-Quran dan rentetan sejarah yang sudah lalu, sekurang-kurangnya akan mampu menyedarkan kita agar kembali berpegang kepada ajaran Al-Quran yang memisahkan manusia antara yang baik dengan yang buruk, sebagai asas panduan penghidupan di bawah petunjuk Allah. Sesungguhnya memahami sejarah Al-Quran tidak hanya memadam mendengar ceramah atau kuliah sahaja bahkan Al-Quran yang merupakan sebagai wahyu Ilahi yang Maha Tinggi itu hendaklah dibaca, dimanfaatkan dan disebarkan serta dijadikan landasan dalam penghidupan kita sehari-hari. Apatah lagi di bulan puasa yang penuh mubarak ini, kita dianjurkan membaca dan menghayatinya selain dari amalan-amalan puasa dan Salat Sunat Tarawih. Kesan daripada penghayatan Al-Quran melalui aktiviti tadarus adalah satu kesan dan nilai positif bagi setiap individu apabila meneliti intipati Al-Quran itu sendiri. Ia juga boleh mengangkat darjat seseorang Muslim itu menjadi seorang yang mulia dan dihormati.

Cendekiawan Islam juga ada berpendapat bahawa untuk memahami Al-Quran secara mendalam, konsep tadarus perlulah dipertingkatkan bukan berasaskan jumlah berapa ayat atau juzuk yang telah dibaca atau membaca sekadar untuk beribadah kepada Allah yang khatam dulu, tetapi sewajarnya lebih menjurus kepada menghayati dan memahami ayat tersebut agar umat Islam dapat membentuk keperibadian yang luhur dan pembersihan jiwa yang sememangnya disyariatkan dalam Islam. Usaha bertadarus yang kitani giatkan saban tahun baik di bulan Ramadan atau di luar bulan Ramadan, dari sebaris ayat dengan memahami maksudnya sehingga meningkatkan mutu bacaan, adalah proses perubahan jati diri yang lebih baik, disertai dengan usaha bersungguh-sungguh ke arah mencari keredaan Allah. Dengan yang demikian, Al-Quran mestilah terus dibaca terutama di luar bulan Ramadan kerana kelebihan-nya yang berlipat ganda, sedangkan memandang Al-Quran pun sudah mendapat pahala apatah lagi bila membacanya.

Tegasnya, usaha-usaha berterusan secara istiqamah untuk membaca dan mempelajari serta mengamalkan intipati Al-Quran serta sentiasa untuk menghidupkan aktiviti tersebut di masjid-masjid, surau, pejabat atau rumah-rumah persendirian adalah usaha yang murni dalam usaha membangun sebuah generasi yang salih dan masyarakat yang bahagia dan sejahtera.

Sekali imbas, aktiviti seperti bertadarus di sepanjang bulan Ramadan ini bukan sahaja menyemarakkan semangat cintakan Al-Quran tetapi ia menjadi sumber motivasi dalam penghidupan kita sehari-hari. Bahkan amalan secara berkumpulan ini akan dapat menyedarkan kita sebagai umat Islam terhadap amalan-amalan hidup bermasyarakat yang mana saling memerlukan antara satu dengan yang lain, di samping dalam mengukuhkan tali persaudaraan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Secara tidak langsung aktiviti tadarus yang mulia ini boleh menjadi penyumbang ke arah penyatuan masyarakat dan paling minima dapat merapatkan ukhuwah sesama jiran tetangga dan menghapuskan perbezaan taraf dalam masyarakat, walaupun pertemuan seumpama itu berlaku hanya sekali dalam setahun.

Inilah nilai hadiah yang paling agung dan sumbang paling bermakna mengenai peristiwa yang berkait rapat dengan pengajaran yang terbit daripada peristiwa Nuzul Al-Quran bagi mereka yang benar-benar mencari dan menaigai panduan memperbaiki hidup serta keredaan Allah. Sesungguhnya penghayatan peristiwa ini dapat menjadikan seseorang insan Muslim sebagai seorang yang hebat dan cemerlang dan diangkat darjat kemuliaannya di sisi Tuhan. Kita seharusnya bersyukur di atas penurunan Kitab Suci Al-Quran kepada kita dan bukan kepada makhluk lain sebagai satu rahmat dan anugerah yang maha agung. Ia diturunkan dan diungkapkan kepada kita supaya kita membaca dan memahami setiap maksudnya serta mengadaptasikan segala ajaran dan intipatinya dalam kita melayari penghidupan ini.

HALUAN...

Pindaan-pindaan Pemasyhuran Perlembagaan (2004)

JADI ASAS KEKUATAN WAWASAN NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalamiyyeen, Wabihae Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihice Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Syukur ke hadirat Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, kerana dengan kemurahan dan rahmat-Nya jua kita dapat berhimpun di hari yang mulia ini dan telah selamat sempurna Menandatangani Pemasyhuran Pindaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 2004.

45 tahun yang lalu, ayahanda beta Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah mengisytiharkan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam atas nama baginda dan bagi pihak pengganti-pengganti baginda. Orang-orang tua kita telah bekerja keras dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan semua hak menentukan masa depan kita sendiri. Ianya adalah satu perjuangan adil dan suci. Keazaman mereka telah membolehkan kita mencapai pemerintahan sendiri pada tahun 1959.

Peristiwa bersejarah ini telah diperingati dengan Pemasyhuran Perlembagaan yang bukan saja mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan tetapi juga merupakan langkah permulaan ke arah negara mencapai kemerdekaan penuh. Semangat perpaduan serta keyakinan orang-orang Brunei telah mendorong kita mencapai kedaulatan negara pada tahun 1984.

Kemerdekaan memberikan kita tanggungjawab. Beta sendiri dengan rela hati serta bertawakal kepada Allah menerima tanggungjawab ini untuk membentuk masa depan negara dengan penumpuan di bidang ekonomi, penyediaan pekerjaan bagi rakyat, peningkatan pendidikan dan kesihatan.

Terkandung juga tanggungjawab itu ialah meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam dan menyediakan infrastruktur pembangunan.

Hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat juga ditubuhkan di seluruh dunia.

Pada waktu yang sama, keamanan juga diberikan dalam memelihara keamanan dengan menguatkan lagi undang-undang dan peraturan. Rakyat telah diseru supaya berdiri teguh menentang sebarang percubaan untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini.

Tidak syak lagi, dasar ini telah membolehkan rakyat memperbaiki taraf ekonomi mereka serta mendapatkan peluang-peluang terbaik ke arah menikmati kehidupan yang benar-benar senang lagi bahagia.

Amalan 'mesra rakyat' juga, alhamdulillah telah dapat beta lakukan dengan meneruskan perjumpaan demi perjumpaan dengan rakyat melalui cara tradisi kita. Cara ini sesungguhnya menjadi pengukuh lagi kepada hubungan yang sangat baik dan istimewa di antara raja dan rakyat.

Bagi kepentingan negara dan rakyat, beta sangatlah berhasrat untuk memperkenalkan struktur perundangan yang formal, di mana dengan itu, Jawatankuasa Meneliti Semula Perlembagaan 1959 telah mencadangkan beberapa perubahan terhadap Perlembagaan.

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Negara sebulat suara berpendapat bahawa pindaan-pindaan berke-

naan adalah mampu untuk mencerminkan kedudukan kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang telah kita amalkan semenjak 600 tahun.

Dengan pindaan-pindaan tersebut, Perlembagaan akan menjadi asas yang lebih kuat untuk memenuhi wawasan beta terhadap negara ini. Dengannya, Negara Brunei Darussalam dapat diterajui menuju ke suatu hala yang mantap dan berkeupayaan yang sebenar-benarnya.

Kita telah mencapai satu tahap ekonomi yang baik. Orang-orang Brunei memang suka bekerja keras untuk sampai kepada tahap tersebut. Tetapi ini saja belumlah memadai. Masih banyak lagi yang mahu dilakukan. Kita adalah bangsa yang mempunyai kebolehan, cita-cita dan keupayaan. Kita mesti sanggup berkorban dan bekerja lebih keras demi masa depan yang gemilang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pemasyhuran Pindaan Perlembagaan bertempat di Lapau, Bandar Seri Begawan pada hari Rabu 14 Syaaban 1425/29 September 2004.

hususnya bagi generasi akan datang. Memang ada banyak lagi yang perlu kita lakukan. Perlembagaan ini boleh membantu kita untuk menuju kegemilangan tersebut.

Pada waktu yang sama, Perlembagaan juga akan menyediakan lebih banyak peluang bagi rakyat untuk melibatkan diri dalam perundangan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara. Perkara sedemikian akan lebih mengukuhkan lagi sistem kerajaan serta perpaduan di antara kita.

Mengenai dengan Majlis Mesyuarat Negara yang telah mengadakan persidangnya, beta gembira kerana perbincangan-perbincangan di dalamnya berjalan dengan baik dan membina, seperti yang dihasratkan. Beta harap, majlis ini akan menjadi sebuah institusi yang teguh dan setia demi masa depan negara.

Dalam perkara melak-

sanakan sistem perwakilan yang dicadangkan, beta ingin mengingatkan supaya lebih berhati-hati, demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Ianya tidak diragukan lagi memerlukan kajian lebih teliti serta juga infrastruktur bagi proses pemilihan perwakilan, sehingga ianya benar-benar dapat diadakan dengan teratur dan aman.

Beta percaya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menaruh harapan tinggi kepada kerajaan dalam apa jua yang berkaitan dengan masa depan mereka. Oleh itu marilah kita sama-sama memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan serta sentiasa pula memastikan yang kestabilan yang dinikmati selama ini adalah terus terpeliharakan dengan baik.

Sekian, Wallahil Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KITA telah mencapai satu tahap ekonomi yang baik. Orang-orang Brunei memang suka bekerja keras untuk sampai kepada tahap tersebut. Tetapi ini saja belumlah memadai. Masih banyak lagi yang mahu dilakukan. Kita adalah bangsa yang mempunyai kebolehan, cita-cita dan keupayaan. Kita mesti sanggup berkorban dan bekerja lebih keras demi masa depan yang gemilang khususnya bagi generasi akan datang. Memang ada banyak lagi yang perlu kita lakukan. Perlembagaan ini boleh membantu kita untuk menuju kegemilangan tersebut.



Majlis Membuka Semula Gendang Nobat Jaga-jaga berlangsung di Bangunan Lapau dengan dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet dan para pembesar negara. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Majlis Membuka Gendang Nobat Jaga-jaga

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Oktober. - Gendang Nobat Jaga-jaga kini dibuka semula setelah ditutup selama 20 hari di atas kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Haji Hassan bin Pengiran Sabtu Kemaluddin pada 7 Oktober lalu.

Majlis Membuka Semula Gendang Nobat Jaga-jaga berlangsung di Bangunan Lapau di sini dengan dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Per-

Oleh
Abdullah Asgar

anakan, Pehin-pehin Manteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Setelah Gendang Nobat Jaga-jaga dibuka, majlis diteruskan dengan bacaan tahlil yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, manakala doa tahlil dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Sementara doa selamat

dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Kemudian majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, seterusnya Majlis Berbuka Puasa.

Almarhum Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Haji Hassan kembali ke rahmatullah ketika berusia 83 tahun, beliau diangkat menjadi Yang Amat Mulia pada bulan Ogos 1977 serta pernah menjadi Ahli

Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Yang Amat Mulia pernah bertugas di Bahagian Bengkel, Jabatan Kerja Raya dan juga pernah menjadi Ketua Kampong Bendahara Lama di Kampong Ayer.

Semasa hayatnya Yang Amat Mulia pernah dikurniakan Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan antaranya Dato Seri Laila Jasa (DSLJ); Darjah Setia Negara Brunei (SNB); Pingat Hassanul Bolkhiah Sultan (PHBS); Pingat Jasa Kebaktian (PJK); Pingat Kerja Lama (PKL) dan Pingat Puspa.

Masjid Kg. Sungai Besar diisytiharkan pemenang pertama

Oleh
Haji Ahmad HS

JALAN KOTA BATU, 21 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain yang dalam rangka lawatan kerja (Safari Ramadan) ke masjid-masjid zon 1 Daerah Brunei dan Muara menyampaikan hadiah-hadiah kepada masjid-masjid pemenang.

Masjid Kampong Sungai Besar diisytiharkan sebagai pemenang pertama

dalam Pertandingan Landskap Masjid-masjid Zon 1 Daerah Brunei dan Muara. Sementara tempat kedua, Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkhiah Kampong Bolkhiah, manakala Masjid Kampong Serdang menduduki tempat ketiga dan Masjid Kampong Tamoi di tempat keempat.

Yang Berhormat juga

seterusnya meletakkan sijil ke tempat yang dikhaskan bagi Johan Pertandingan Landskap Zon 1 bagi Masjid Kampong Sungai Besar.

Masjid Sungai Besar adalah masjid yang kedua dilawati oleh Yang Berhormat dalam seri lawatan kerja (Safari Ramadan) di mana lawatan pertamanya ialah ke Masjid Mohamad Bolkhiah Serusop.

Terdahulu dari itu atur cara lawatan bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihaah beramai-ramai yang diketuai oleh Imam Masjid Kampong Sungai Besar, Awang Haji Shamsul bin Haji Abdul Latif.

Kemudian diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengusaha Pertandingan Landskap Peringkat Zon Brunei 1, Awang Haji Razak bin Haji Tahir yang antara lain berkata, masjid-masjid di kawasan Brunei 1 telah merancang pelbagai langkah dan usaha ke arah penakmiran masjid yang sempurna dan berkualiti iaitu dengan merancang aktiviti-aktiviti yang berbentuk ilmiah dan kemasyarakatan semata-mata untuk khidmat bakti melahirkan insan berilmu dan beriman.

Masjid Kampong Sungai Besar memenangi dalam Pertandingan Landskap kerana masjid tersebut memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh jemaah hakim yang antara lain mengambil kira mempunyai kreativiti pengolahan yang baik dan kecantikan landskap, mempunyai landskap yang subur serta keselamatan yang terjaga pada landskap, di samping penglibatan pegawai masjid dan para jemaah dalam sama-sama mengusahakan landskap dalam usaha memperolehi sumber kewangan bagi membina landskap.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain meletakkan sijil di tempat khas bagi menandakan kejohanan Pertandingan Landskap Zon 1 bagi Masjid Kampong Sungai Besar. - Gambar oleh Hamadi HM.



MENTERI Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada wakil Masjid Kampong Sungai Besar yang memenangi Pertandingan Landskap Zon 1. - Gambar oleh Hamadi HM.

Negara galakkan penyertaan dalam bidang sains

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan sentiasa menggalakkan penyertaan negara ini terutama dalam kegiatan sains yang mempunyai nilai yang tinggi.

"Negara akan terus menyertai program-program dan aktiviti di peringkat serantau dan antarabangsa, di samping memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar dari negara ini," jelas Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abd. Majid.

Beliau berucap demikian di Majlis Doa Selamat Bagi Rombongan Negara Brunei Darussalam Ke AESOTOPE dan penyerahan bendera negara berlangsung di Dewan Utama Kementerian Pendidikan di sini.

Oleh
Abdullah Asgar

Dayang Apsah turut mengingatkan pelajar dan guru pegawai supaya menjaga nama baik negara ketika menyertai program itu di luar negara.

Katanya, pelajar juga akan menghadiri 'Multi-media Classroom Activity' dan mesyuarat serta perbincangan bersama saintis muda dari negara ASEM selain mengadakan lawatan yang sudah disusun oleh pihak penganjur.

Seramai dua orang penuntut dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab dan dua pegawai dari Kementerian Pendidikan akan mewakili negara dalam Program Saintis Hari Esok Asia-Eropah di Genoa, Itali atau 'Asia-Europe

Scientists of Tomorrow (AESOTOPE) bulan ini.

Penyertaan negara dalam program yang berkaitan dengan sains di peringkat serantau mahupun peringkat antarabangsa meningkat setiap tahun dan buat julung kalinya Yayasan Asia-Eropah menganjurkan Program AESOTOPE.

Rombongan yang diketuai Pegawai Pendidikan Pusat STEP, Dayang Jauyah Tuah dan Guru Pengawas Projek, Ang Bee Biaw, sementara pelajar terdiri dari Nor Zatil Najibah binti Haji Mustafa dan Siti Amirah binti Haji Abd. Hamid akan berlepas akhir bulan ini dan dijangka pulang pada 4 November depan.

Beliau berkata, sebanyak tiga projek Negara Brunei Darussalam yang dipertandingkan dan hanya dua projek yang terpilih dari 32 pro-

jek yang dihantar oleh negara anggota ASEM.

Peserta negara akan membentangkan projek yang bertajuk 'Selirung Island A Truly Unique Mangrove Forest In Brunei'. Projek tersebut adalah hasil usaha Guru Pengawas Projek, Ang Bee Biaw bersama dua pelajar, Nor Zatil Najibah dan Siti

Kadar Bayaran Pos dan Had Berat dan Ukuran (Barang Pos selain daripada Bungkusan)

Bil./Perkara	Berat tidak melebihi	Brunei	Singapura dan Malaysia	Semua tempat lain	Had berat	Had Ukuran
1. BURAT	20g 50g 100g 250g 500g 1kg 2kg	20sen 30sen 50sen \$ 1.00 \$ 2.00 \$ 3.00 \$ 4.50	30sen 40sen 60sen 1.15 2.10 3.50 5.50	50sen 80sen \$ 1.10 2.30 4.10 6.70 10.70	2kg	MAKSUM Panjang, lebar dan dalam disesuaikan 900mm Ukuran terbesar 600 mm.
2. KERTAS BERCEKAP	50g 100g 250g 500g 1kg 2kg	15sen 25sen 30sen 50sen 75sen \$ 1.25	20sen 30sen 35sen 60sen \$ 1.00 1.40	35sen 45sen 75sen \$ 1.25 2.25 3.50	2kg	Dalam bentuk gulung, panjang campur dua kali ganda garis pusat 10.40mm. Ukuran terbesar 900 mm.
3. BUKU DAN RISALAH MELEBIHI 2KG	Setiap tambahan 1kg	50sen	75sen	\$ 1.50	5kg	MINIMUM Tidak kurang dari 90 mm x 140 mm
4. BUNGKUSAN KECIL	100g 250g 500g 1kg	20sen 40sen 75sen \$ 1.25	30sen 50sen \$ 1.00 1.75	60sen \$ 1.20 2.00 2.50	1kg	Dalam bentuk gulung, panjang campur dua kali ganda garis pusat 170 mm. Ukuran terbesar tidak kurang dari 100 mm
5. CETAKAN TIMBUL UNTUK ORANG BUTA	-	Percuma	Percuma	Percuma	7kg	
6. POSKAD	-	10sen	20sen	25sen		MAKSUM 50 mm x 105 mm MINIMUM 140 mm x 90 mm



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid bergambar ramai bersama Pegawai Pendidikan Pusat STEP, Dayang Jauyah dan Pengawas Projek, Ang Bee Biaw dan para pelajar yang menyertai Program Saintis Hari Esok AESOTOPE di Genoa, Itali sejurus menyerahkan bendera negara. - Gambar oleh Ramlil Tengah.

Tingkatkan kegiatan takmir di masjid masing-masing

TUTONG 23 Oktober. - Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid di negara ini diperingatkan supaya terus mengembangkan syiar Islam dan meningkatkan lagi usaha kegiatan-kegiatan takmir masjid masing-masing.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menekankan kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai tiga pokok utama dalam meningkatkan takmir masjid.

Katanya, pertama hendaklah disusun dan dipertingkatkan terus semua kegiatan pemakmuran masjid; kedua, aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang menjadi fungsi dan peranan masjid hendaklah dipelbagaikan dan ketiga, penyebaran ilmu pengetahuan dan khidmat bakti berupa nasihat kepada masyarakat hendaklah dijadikan salah satu peranan masjid.

Yang Berhormat menegaskan perkara itu Semasa Lawatan Kerja (Safari Ramadan) ke Masjid Kampong Danau dan Kampong Penapar pagi tadi di Masjid Kampong Danau.

"Ketua-ketua bagi setiap zon masjid hendaklah berunding dan meneliti bersama-sama dengan pegawai-pegawai masjid serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dalam kawasan masing-masing mengenai perkara-perkara yang dititahkan itu," jelasnya.

"Hendaklah memastikan adanya jadual-jadual yang lengkap mengenainya termasuk nama-nama Mualim dan orang-

Oleh
Abdullah Asgar

orang yang memberi nasihat disiapkan, bagi memperkembangkan lagi jadual-jadual aktiviti-aktiviti takmir masjid yang sedia ada, demi mencapai kehebatan masjid yang menyerlah dan cahaya masjid tetap bersinar," katanya.

Di majlis itu Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah dan sijil kepada masjid yang memenangi Pertandingan Landskap Bagi Masjid-masjid Zon 1 dan Zon 2 Daerah Tutong.

Bagi Zon 1, Masjid Kampong Danau memenangi pertandingan berdasarkan beberapa kriteria dan syarat-syarat yang

ditentukan seperti kebersihan, keselamatan dan persekitaran masjid.

Sementara bagi Zon II, Masjid Kampong Penapar memenangi pertandingan bagi zon itu. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan juga melawat ke masjid-masjid yang memenangi pertandingan landskap tersebut.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyampaikan hadiah dan sijil kepada masjid yang memenangi Pertandingan Landskap bagi Daerah Tutong (atas). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



MENTERI Hal Ehwal Ugama dan rombongan bertadarus membaca Al-Quran sempena lawatan kerja ke Masjid Kampong Danau. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan mengetuai rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertadarus di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Bertadarus di Masjid STKRJ Lambak Kiri

BERAKAS, 18 Oktober. - Membacakan Kitab Suci Al-Quran telah dijanjikan pahala yang besar oleh Allah kepada si pembaca dan pendengarnya, akan tetapi di dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan kebajikan ini pahalanya digandakan 10 kali ganda oleh Allah.

Oleh itu masyarakat Islam di negara ini berlumba-lumba mendapatkan pahala yang dijanjikan itu seperti yang dilakukan oleh para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran ke masjid-masjid di negara ini.

Petang tadi rombongan tersebut bertadarus di Masjid Skim Tanah Kurnia

Oleh
Abdullah Asgar

Rakyat Jati Lambak Kiri (STKRJ) diketuai oleh Timbalan Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan.

Turut hadir ialah kedua-dua Setiausaha Tetapnya, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan dan Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin serta beberapa orang pegawai kanan kementerian tersebut.

Penduduk-penduduk kampung di STKRJ dan kampung-kampung berhampiran juga hadir bagi menyemarakkan majlis yang berkebajikan itu.

Rombongan KHEDN bertadarus di Masjid Kg. Keriam

TUTONG, 19 Oktober. - Umat Islam di negara ini mengambil peluang merebut ganjaran pahala yang berlipat ganda sempena kedatangan bulan Ramadan dengan mengadakan amalan-amalan tertentu termasuk Majlis-majlis Bertadarus di semua masjid-masjid dan rumah-rumah persendirian seluruh negara.

Oleh
Samle HJ

Seperti lazimnya, pada setiap tahun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya turut menganjurkan Majlis Bertadarus ke masjid-masjid dengan memulakan

kunjungan ke masjid Kampong Keriam di daerah ini, petang tadi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan mengepalai rombongan berkenaan.

Juga hadir ialah kedua-dua Setiausaha Tetap, Dato

Paduka Haji Md. Yusof dan Dato Paduka Haji Abdul Rahman serta para pegawai kanan jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Majlis yang juga dihadiri oleh penduduk Kampong Keriam itu diteruskan dengan Majlis Bertahlil dan Berbuka Puasa. Rombongan dari kementerian berkenaan juga menyampaikan sumbangan kepada masjid berkenaan.

Di samping meningkatkan amal ibadat di sepanjang bulan Ramadan Al-Mubarak ini, aktiviti bertadarus dengan berkunjung ke masjid-masjid itu juga dihasratkan bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, penduduk kampung serta umat Islam umumnya.



Majlis Bertahlil JPM

Oleh
Abu Bakar HAR

atas).

Antara yang hadir di majlis itu ialah Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Sementara bacaan Surah Yaasin dan tahlil masing-masing dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan mengepalai rombongan kementerianannya di Majlis Bertadarus di Masjid Kampong Keriam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Rencana ...

AMALAN menziarahi kubur merupakan amalan mulia yang sudah menjadi tradisi bahkan ia juga sudah menjadi adat dalam penghidupan kita masyarakat Melayu Brunei. Amalan ini lebih digiatkan lagi apabila menjelang bulan Ramadan apatah lagi di ketika Hari Raya Aidilfitri. Amalan ini juga sangat digalakkan dalam Islam kerana ia banyak mendatangkan manfaat kepada kita sebagai umat Islam. Antaranya ia dapat mengingatkan kita mengenai kematian yang pasti akan ditempuhi oleh segenap orang. Di samping itu ia juga akan mengingatkan kita mengenai asal usul kita daripada tanah dan dikembalikan juga kepada tanah.

Perkara ini sesuai dengan hadis riwayat Al-Imam Muslim yang antara lain berkata: "Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka ziarahlah perkuburan kerana perbuatan demikian akan mengingatkan kamu kepada kematian." Seluruh lapisan masyarakat Islam di negara kita ini tidak kira kecil, besar, tua atau muda akan berduyun-duyun turun menziarahi kubur. Perkara sedemikian juga menjadi amalan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

Begitu juga kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta juga mengamalkan menziarahi kubur sambil membaca Surah Yaasin dan tahlil.

Trend atau aliran sedemikian adalah sangat membanggakan. Ini kerana perbuatan sedemikian melambangkan tahap kesedaran kita mengenai mengingati mati sekali gus menggambarkan bahawa tahap kesedaran beragama adalah tinggi. Pada ketika inilah kesedaran suasana dan persekitaran tanah-tanah perkuburan orang-orang Islam berubah daripada semak-samun menjadi sebuah kawasan yang bersih dan rapi. Bagaimanapun, menziarahi kubur mempunyai tertib dan peraturannya yang seharusnya dipatuhi kerana kita adalah sangat dianjurkan untuk menghormati ahli-ahli kubur serta menjaga kehormatan persekitarannya, kerana jika dilanggar, ia boleh saja merosakkan akidah dan keimanan kita.

Pertama yang sunat dilakukan sebelum menziarahi kubur ialah mengambil air sembahyang

dan memakai pakaian yang elok serta sempurna dan menutupi aurat sama ada bagi lelaki atau perempuan. Dan apabila sampai di kawasan perkuburan hendaklah memberi salam kepada ahli-ahli kubur. Kemudian kita disunatkan juga membaca Al-Quran seperti membaca Surah Yassin, bertahlil dengan menghidangkan pahala bacaan tadi kepada ahli kubur. Kemudian barulah merenjis air ke atas kubur berkenaan dan seterusnya disunatkan bersedekah dan pahala sedekah itu dihidangkan juga kepada ahli kubur.

Dalam pada itu, larangan-larangan dan tegahan-tegahan ketika berada di kubur atau ketika menziarahi kubur hendaklah juga dipatuhi. Antaranya ialah dilarang untuk meratap atau memekik-mekik disebabkan perasaan terlalu dukacita kerana meninggalnya orang yang



MEMBACA ayat-ayat suci Al-Quran, bertahlil dan berdoa adalah sunat dilakukan ketika menziarahi tanah perkuburan.

TRADISI ZIARAH KUBUR DI BULAN RAMADAN

OLEH
HAJI DAYANG HK

kita sayangi. Kita juga dilarang untuk bercakap mengenai perkara-perkara yang tidak berfaedah. Duduk di atas kubur pula adalah makruh hukumnya jika ianya bertepatan dengan kedudukan mayat di dalam kubur. Bagaimanapun tidaklah ada larangan untuk duduk di sekitar atau di sekeliling kubur. Begitu juga untuk memijak kubur dengan sengaja tanpa keperluan atau hajat, tetapi tidaklah menjadi kesalahan jika tiada jalan lain dan terpaksa. Melakukan perkara-perkara khurafat juga adalah ditegah sama sekali.

Perkara-perkara khurafat juga adalah dilarang sama sekali kerana ia boleh saja menjejaskan akidah dan keimanan kita. Perkara

seperti mengusap-usap tanah perkuburan, mencium kubur atau nisan dan perkara yang seumpamanya adalah haram hukumnya. Sebagai umat Islam kita hendaklah jangan melakukan perkara sedemikian semata-mata kerana adat atau kebiasaan. Sesungguhnya kita digalakkan untuk saling menghormati ahli kubur kerana hormat-menghormati tidak hanya terhad kepada yang hidup sahaja tetapi antara yang hidup dan yang sudah meninggal dunia juga dianjurkan untuk berbuat sedemikian.

Tahun ini, ketika bulan Ramadan memasuki minggu kedua atau separuh bulan puasa, sudah kelihatan ramai yang berduyun-duyun menziarahi ku-

bur. Masing-masing membawa ahli-ahli keluarganya sambil membaca Yaasin dan bertahlil. Sesungguhnya suasana ini adalah amat syahdu tambahan lagi apabila yang diziarahi itu adalah kubur orang yang tersayang atau orang terdekat dalam keluarga.

Sayugia juga kita sama-sama beringat, apabila kita berziarah ke kubur sering kita dapati keadaan tanahnya masih basah atau 'damal' dan ini menyebabkan kita akan menggunakan sesuatu untuk menjadi lapik duduk. Selalunya yang paling mudah kita jadikan lapik ialah kertas surat khabar. Sering didapati lapik surat khabar yang digunakan untuk duduk itu adalah terdiri daripada muka surat yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran sama ada yang dicetak dalam tulisan Arab atau yang sudah dimelayukan. Perkara ini

mungkin tidak disedari dan dengan yang demikian haruslah kita mengambil sikap positif dalam hal ini untuk memastikan terlebih dahulu bahawa kertas akhbar yang kita jadikan lapik tidak mengandungi sebarang tulisan yang berasaskan ayat-ayat suci.

Satu lagi trend atau aliran baru yang kini kita dapati di banyak tanah perkuburan ialah adanya penjaja yang menjual 'aing asah-asahan' dengan harga yang sederhana. Ini adalah satu perkara yang memudahkan para pengunjung tanah perkuburan kerana tidak perlu lagi membawa 'aing asah-asahan' sendiri bagi tujuan menjirus tanah perkuburan. Perkara menjirus atau merenjis air ke kubur pernah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke atas kubur anak Baginda Sayidina Ibrahim.

Membawa anak-anak ke kubur adalah dianggap sebagai satu langkah bijak dalam menanamkan sikap atau sifat menghormati orang yang telah tiada. Di samping itu ia juga mengajar mereka mengenai erti kehidupan dan nilai ketiadaan seseorang. Ia juga mengajar mereka mengenai ketinggian akhlak dan kemurnian beragama. Dengan yang demikian juga mereka akan terdedah dengan sikap dan amalan kebersihan diri dan persekitaran.

Dengan yang demikian di bulan baik Ramadan Al-Mubarak ini, marilah kita sama-sama meraih sebanyak pahala yang mungkin kerana inilah bulannya untuk mengaut sebanyak pahala yang boleh setelah selama sebelas bulan yang lalu bergiat mengejar kemewahan duniawi. Biarlah amalan atau tradisi menziarahi kubur ini akan kekal dalam kehidupan dan budaya kita orang Melayu Brunei agar bangsa kita akan menjadi terpuji dan terkenal sebagai bangsa yang beragama dan mulia.

Sesungguhnya amalan menziarahi kubur mengandungi nilai yang tinggi khususnya dalam mengingati mati sekali gus mengingatkan kita untuk sentiasa peka dan sedar bahawa hidup ini hanyalah perhentian sementara dalam proses panjang penghidupan yang telah dilalui dalam perjalanan mengutip pahala-pahala untuk bekalan di akhirat.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga saudara-saudara kita yang mendahului kita akan ditempatkan dalam golongan orang-orang yang beramal salih dan beriman serta dikurniakan Syurga sebagai balasan. Amin ...



MEMBERSIH tanah perkuburan adalah antara perkara yang mulia untuk dilakukan ketika menziarahi tanah perkuburan.



KAUM wanita juga tidak ketinggalan untuk sama-sama menziarahi tanah perkuburan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerma Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyampaikan derma kewangan kepada salah seorang anak yatim kakitangan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Anak-anak yatim terima sumbangan Hari Raya

KUALA BELAIT, 21 Oktober - Nasib anak-anak yatim di negara ini sentiasa terbelah lebih-lebih lagi Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang dan persiapan ke arah itu memerlukan perbelanjaan kewangan.

Schubungan itu seramai 21 orang anak yatim kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait yang berusia 17 tahun ke bawah meneri-

ma derma berbentuk kewangan yang berlangsung di Bangunan Blok B hospital berkenaan di sini.

Derma tersebut disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerma Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar. Majlis anjuran Ahli Jawatankuasa Aktiviti Agama Hospital SSB diselenggarakan dengan Majlis Bertadurus, Tahlil, Doa Arwah, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak

Berita dan gambar-gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

Berjemaah serta Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital SBB, Awang Muhd. Jamal bin Haji Tersad berharap derma tersebut akan dapat memberi sedikit keringanan kepada anak-anak yatim berkenaan untuk membeli juadah

berbuka puasa dan persiapan menyambut Hari Raya nanti.

Beliau juga menyeru anak-anak yatim terbabit agar menghadapi cabaran yang dihadapi dengan tabah hati. Majlis seumpama itu merupakan aktiviti tahunan jabatan tersebut bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadan.

Bertadurus Kem. HEDN

LABI, 23 Oktober - Sepanjang bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini pelbagai acara keagamaan boleh dilakukan selain berpuasa seperti membanyakkan membaca Al-Quran dan berzikir untuk mendapatkan keredaan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Membaca Al-Quran beramai-ramai atau bertadurus di masjid-masjid dan surau-suru di negara ini sudah menjadi amalan umat Islam semasa bulan Ramadan. Schubungan itu rombongan Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan Majlis Bertadurus diselenggarakan dengan Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di Masjid Al-Mashor, Kampong Sungai Mau di sini.

Rombongan diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan dan juga disertai oleh Setiausaha-setiausaha Tetap kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Abdul

Rahman dan Dato Paduka Awang Haji Md. Yusoff serta beberapa orang ketua jabatan di bawahnya.

Rombongan tersebut juga singgah di Masjid Sungai Liang untuk menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih. Di majlis itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan sumbangan wakaf daripada kementerian itu berupa kipas dan alat penyedut habuk bagi kedua-dua masjid berkenaan yang diterima oleh Imam Masjid masing-masing.



MEMBERSIHKAN Rumah Allah merupakan amalan mulia lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan dan segala pahala kebajikan akan diterima berlipat kali ganda.

Gerai Ramadan jadi tumpuan orang ramai

KUALA BELAIT, 18 Oktober - Seperti lazimnya sempena bulan Ramadan, penduduk di Daerah Belait berpeluang mendapatkan juadah berbuka puasa melalui jualan Gerai Ramadan di dua tempat berasingan. Di Kuala Belait ditempatkan di kawasan Gerai Tudung Saji, manakala di Seria pula di kawasan Pasar Baru Lorong Tiga.

Gerai berkenaan yang disediakan setiap tahun oleh Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria bukan saja menyediakan khemah-khemah di petak-petak jualan malahan kemudahan lainnya seperti surau kecil bagi keperluan melakukan ibadat sambil berniaga di bulan yang penuh keberkatan serta tempat pembuangan sampah yang teratur.

Jabatan berkenaan menyatakan memandangkan peningkatan permintaan-penjualan yang memohon bagi gerai terbabit, mereka menambah lagi penyediaan petak tahun ini kepada 164 petak yang diisikan pelbagai jenis jualan bukan saja juadah berbuka puasa malahan barangan lainnya

bagi keperluan persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri seperti pakaian, perhiasan rumah, bunga-bunga hidup dan kering.

Menurut jabatan itu, peningkatan permohonan berniaga di bulan Ramadan semakin meningkat dari tahun ke setahun, sementara itu gerai di kawasan Seria juga tidak kurang mendapat sambutan peniaga yang tinggal berdekatan dengan kawasan itu.

Sejumlah 68 petak disediakan di kawasan berkenaan. Bagaimanapun sedikit perubahan dibuat tahun ini dengan menempatkan jualan-jualan kuih yang sudah siap dimasak di bahagian dalam pasar, manakala jualan masakan secara spontan dan panggang api ditempatkan di kawasan luar pasar berkenaan.

Gerai Ramadan di kedua-dua buah kawasan itu mula beroperasi jam 2.00 hingga 6.00 petang diadakan selama sebulan bermula dua hari lepas dan akan berakhir menjelang malam raya pertama. Seperti lazimnya Gerai-gerai Ramadan akan dikunjungi ramai para pen-

uduk bukan saja kalangan umat Islam, malahan pelbagai bangsa yang gemar menikmati pelbagai jenis makanan buatan orang-orang Melayu.

Gerai tersebut sedikit sebanyak dapat menambatkan hasil pendapatan para peniaga yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berniaga secara sambilan, bagaimanapun dalam keghairahan berniaga dan membeli juadah untuk berbuka puasa kebersihan juga perlu diutamakan.

Makanan yang dijual mestilah ditutup dengan rapat supaya habuk dan lalat tidak mencemari makanan tersebut, selain pakaian dan kebersihan diri penjual dan mereka yang menyajikan makanan tersebut juga perlu dititikberatkan, sementara pihak pembeli pula harus pandai mengurus kewangan mereka, merancang apa yang perlu dibeli serta mengawal hawa nafsu jangan sampai berlaku pembaziran kerana perbuatan membazir itu adalah perbuatan syaitan.

Kempen gotong-royong bersihkan masjid

KUALA BELAIT, 15 Oktober - Masjid adalah Rumah Allah Subhanahu Wataala akan bertambah meriah menjadi kunjungan umat Islam untuk sama-sama mengerjakan ibadat sembahyang lima waktu, lebih-lebih lagi sepanjang

malam bulan Ramadan bagi Sembahyang Sunat Tarawih, membaca ayat-ayat suci Al-Quran seterusnya dibanjiri para jemaah mengerjakan Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Schubungan itu bagi

menyambut kedatangan bulan Ramadan yang penuh mubarak, Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Muhammad Jamalul Alam yang diketuai oleh Imam Awang Ahmad Dani mengadakan kempen membersihkan kawasan masjid

berkenaan secara gotong-royong dan disertai oleh belia-belia masjid dan Kumpulan Muslimah Kuala Belait.

Kempen tersebut juga dibantu oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba, Kuala Belait yang diketuai oleh Haji Adanan bin Haji Dullah merupakan antara aktiviti tahunan masjid berkenaan, di samping sebagai kerja amal sempena ketibaan bulan Ramadan, bulan yang digalakkan beribadat dan bersewaka serta melakukan kerja-kerja berkebajikan.

Selain itu kempen tersebut juga sebagai usaha mempererat lagi hubungan siraturrahim di kalangan jemaah dan masyarakat serta penduduk di daerah ini, di samping meningkatkan sikap suka bekerjasama melakukan sesuatu yang berkebajikan supaya akan mendapat manfaat dan keredaan Allah Subhanahu Wataala.



GERAI-GERAI Ramadan dikunjungi orang ramai terutama selepas waktu bekerja untuk membeli juadah berbuka puasa.

ICT diperkenalkan sebagai mata pelajaran wajib

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Oktober. - Perkembangan Teknologi Info Komunikasi (ICT) dan digital serta dunia tanpa sempadan atau sistem langit terbuka, memerlukan kita sentiasa bersedia dalam arus perubahan tersebut. Ke arah itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperuntukkan sejumlah kewangan yang besar bagi perkembangan tersebut seperti dalam projek e-kerajaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan berucap demikian di Pertandingan Akhir Kuiz Inforama 2004 yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) di sini.

Dalam bidang pendidikan, tambah beliau, Kementerian Pendidikan telah melengkapkan sekolah-sekolah rendah dan

**Oleh
Siti Aishah HS**

menengah serta institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini dengan kemudahan-kemudahan ICT dan akses kepada internet yang pada asasnya untuk digunakan sebagai pemudah cara kepada proses pembelajaran demi untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam semua peringkat.

Beliau juga menjelaskan bahawa kemudahan terbaru ialah dengan menyediakan 'interactive white board' di sekolah-sekolah dan dengan adanya kemudahan tersebut diharapkan dapat dimanfaatkan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran.

"Sebagai lanjutan kepada usaha-usaha yang telah dibuat selama ini dalam bidang ICT, mulai

tahun ini Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan ICT sebagai satu mata pelajaran yang wajib diikuti dan dipelajari oleh semua murid sekolah-sekolah rendah kerajaan dan juga swasta secara berperingkat-peringkat," tambah beliau.

Di pertandingan akhir itu, peringkat pertama dimenangi oleh Sekolah Rendah Anggerik Desa, diikuti Sekolah Rendah Lumut dan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah di tempat kedua dan ketiga.

Manakala di pertandingan peringkat kedua, tempat pertama dimenangi oleh Sekolah Menengah Chung Hwa, tempat kedua dan ketiga pula masing-masing dimenangi Sekolah St. Andrew dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Bagi pertandingan pe-

ringkat ketiga, MSPSBS muncul sebagai juara diikuti Sekolah St. George di tempat kedua dan Sekolah Menengah Chung Hwa di tempat ketiga.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.

Tujuan Pertandingan Kuiz Inforama itu diadakan ialah untuk mempromosikan kesedaran kepada orang ramai dan para penuntut mengenai kepentingan penggunaan teknologi maklumat masa kini, mewujudkan semangat di kalangan para penuntut selain memperkenalkan mengenai penggunaan komputer, berkomunikasi secara elektronik dan menggunakan pengurusan sumber maklumat melalui operasi sistem yang digunakan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan menyampaikan hadiah kepada sekolah yang memenangi Pertandingan Akhir Kuiz Inforama 2004. - Gambar oleh Hamadi HM.

Majlis Pembukaan Tadarus di Masjid Omar 'Ali Saifuddin

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Oktober. - Ramadan adalah bulan yang mulia, di bulan ini juga pahala dilipatgandakan dari bulan-bulan lain bagi mereka yang membuat amal kebajikan dan di bulan inilah Al-Quran diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Bagi mengambil berkat dan sukut di bulan ini, Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran telah berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin bagi menandakan bermulanya tadarus sepanjang bulan Ramadan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama yang juga selaku tetamu kehormat, Dato Seri Setia Awang Haji Yusof bin Haji Ismail, diikuti dengan tadarus yang dimulai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Abdul Wahid.

Majlis tersebut disi-

**Oleh
Haji Ahmad HS**

kan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei (RTB). Di samping itu masjid-masjid, balai-balai ibadat dan surau-surau serta orang perseorangan di negara ini juga mengadakan majlis yang sama bagi sama-sama merebut pahala yang berlipat ganda yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Dalam kita memulakan ibadat puasa, beberapa persediaan perlu kita miliki untuk menyambut kedatangan bulan yang penuh rahmat antaranya ialah persediaan kerohani-an dengan membanyakkan istighfar dan memohon ampun. Bersihkan hati daripada segala kepercayaa, keghaiban dan anggapan yang berlawanan dengan akidah Islam yang berpersikatan tauhid.

Di samping itu persediaan mental juga diper-

lukan iaitu dengan memahami, merasai dan menghargai nilai Ramadan dengan sebenar-benarnya. Paculah seluruh kekuatan dan kemampuan yang ada untuk merebut dan meraih segala kebajikan yang banyak mungkin.

Persediaan fizikal pula ialah untuk menjalani ibadat yang dituntut seperti puasa pada siang hari, Sembahyang Sunat Tarawih, Witir dan Tahajud serta tadarus Al-Quran pada malam hari yang memang memerlukan badan yang sihat dan cer-

gas. Manakala persediaan emosi juga amat penting dengan kita melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana Allah Subhanahu Wataala telah meminjamkan kita usia dengan memberikan kesempatan sekali lagi untuk menyambut kedatangan bulan yang mulia ini.

Sambutlah kehadiran Ramadan dengan perasaan yang bercampur antara harap dan takut. Harap supaya Allah memberikan pertolongan, mempermudah kita melaksanakan ibadat, mengampunkan segala dosa, menghadihkan Syurga dan menyelamatkan kita daripada seksa api Neraka.

Di samping itu, kita merasa takut jika amalan yang dilakukan tidak sempurna dan tuntutan puasa yang sebenarnya tidak dapat kita penuhi. Sebenarnya puasa yang hakiki bukan sekadar meninggalkan makan dan minum pada siang hari, malah meninggalkan segala yang haram dan dilarang oleh agama, baik perbuatan atau perkataan.



MAJLIS Pembukaan Tadarus Al-Quran telah berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin sebagai menandakan bermulanya tadarus sepanjang bulan Ramadan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Pembabitan bumiputera dalam perniagaan ketara di bulan Ramadan

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Oktober. - Fenomena pembabitan bumiputera khususnya orang Melayu dalam perniagaan runcit secara bermusim sepanjang bulan Ramadan bagaikan 'cendawan tumbuh selepas hujan'.

"Di sepanjang Ramadan, aktiviti perniagaan orang Melayu begitu menyelerah sehinggakan ada kalangan peniaga yang 'tidak cukup tangan' untuk melayan pelanggan-pelanggan yang berkecambah ke gerai-gerai jualan mereka," jelas Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Saji bin Haji Mudin.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika merasmikan Jualan Istimewa Hari Raya Tahun 2004 anjuran Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dan dikendalikan oleh Badan Penyelaras Peniaga-peniaga Bangunan Letak Kereta Bertingkat dan Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera di sini.

**Oleh
Samle HJ**

Katanya, bolehlah dirumuskan perniagaan runcit sepanjang Ramadan mampu memberikan keuntungan kepada pengusahanya sekali gus boleh mendidik orang Melayu berjinak-jinak untuk menceburi perniagaan berkenaan.

Bagaimanapun beliau melahirkan rasa kesal apabila kebanyakan orang tempatan terutama orang Melayu yang terbahit hanya aktif dan bersemangat ketika bulan puasa sahaja.

"Ini terbukti apabila gerai-gerai yang banyak wujud di bulan Ramadan tiba-tiba hilang sebaik sahaja bulan Syawal menjelma," ujarnya.

Menurutnya, ia kemungkinan para peniaga sementara yang terbahit akan memberi alasan mereka hanya diberikan lesen beraja sementara bagi menjalankan per-

niagaan pada bulan Ramadan sahaja.

Beliau menambah, alasan kesukaran untuk mencari tempat perniagaan adalah tidak dapat diterima kerana di pusat bandar dan sekitarnya masih banyak ruang-ruang kedai untuk di sewa bagi kegiatan perniagaan.

"Saya penuh yakin orang-orang Melayu juga mampu bersaing di bidang perniagaan bersama-sama dengan bangsa-bangsa lain," jelasnya.

Beliau menekankan jika peniaga-peniaga Melayu dapat menghidupkan semangat yang tinggi dan kegigihan yang ditunjukkan di sepanjang bulan Ramadan, tidak mustahil mereka akan mampu menjayakan hasrat kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai golongan peniaga Melayu yang berjaya dari bidang perniagaan 'informal' kepada sektor formal.

Jualan Istimewa Hari Raya Tahun 2004 yang

diadakan di Dewan Pameran Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera di ibu negara telah menyediakan barang-barang keperluan menarik bagi persiapan sambutan Hari Raya bagi tahun ini termasuk beraneka jenis pakaian dan perhiasan rumah.



PENGERUSI Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Saji menyaksikan pelbagai barangan yang dijual sempena Jualan Istimewa Hari Raya Tahun 2004. - Gambar oleh Masri Osman.



BAGINDA ketika berkenan menganugerahkan hadiah dan cenderamata kepada johan dalam kategori 'A' yang disandang oleh Awang Muhammad Najib bin Haji Aliakbar.



BAGINDA ketika berkenan menganugerahkan hadiah dan cenderamata kepada johan dalam kategori 'C', Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali.



BAGINDA ketika berkenan menganugerahkan hadiah dan cenderamata kepada johan dalam kategori 'D', Dayang Noorimi binti Mohammad Salimi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1425 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



PESURUHJAYA-PESURUHJAYA Tinggi dan Duta-duta Besar dari negara-negara sahabat juga hadir di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa.

MAJLIS SAMBUTAN AL-QURAN PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1425

Liputan Haji Ahat Hi dan Aliddin HM
Gambar-gambar oleh Harun HR, Abdullah HAD, Pg. Rafee PDPHM dan Mohd. Zul-Izzi HD

oleh Awang Haris bin Haji Subuh, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Seterusnya sembah aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, antara lain menjelaskan mengenai meningkatnya penyertaan dalam Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Surah-surah Pilihan pada tahun ini di mana seramai 275 orang telah menyertainya dan ini menunjukkan peningkatan 43 peratus dari tahun sebelumnya.

Majlis diteruskan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Acara kemuncak Majlis sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1425 Hijrah ialah permakluman keputusan Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Surah-surah Pilihan.

Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan iaitu kategori 'A' adalah bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun dengan menghafaz keseluruhan ayat-ayat lazim bermula dari Surah An-Nas hingga Surah Ad-Dhuha termasuk Surah Al-Ghaasyiah dan Surah Al-'Ala, johan dalam kategori ini telah disandang oleh Awang Muhammad Najib bin Haji Aliakbar; naib johan dimenangi oleh Dayang Hanna Hasibah binti Haji Bagol dan Dayang Faqihah binti Haji Sulaiman @ Nurul Hafizah menduduki tempat ketiga.

Sementara dalam kategori 'B' pula bagi peserta yang berumur 10 hingga 15 tahun dengan menghafaz Surah Al-Boruuj, Surah Ath-Thariq, Surah Al-Fajr, Surah Al-Balad, Surah As-Sajdah, Surah Yaasiin, Surah Adh-Dhuha, Surah Ar-Rahman, Surah Al-Waqiah dan Surah Al-Mulk, johan disandang oleh Ak. Mohammad Wafiuddin bin Pg. Haji Zulkarnain, naib johan dimenangi oleh Dk. Norak-

BERAKAS, 31 Oktober.-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1425H berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Acara-acara Keagamaan Dalam Kalender Islam dan ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disembahkan oleh Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman, johan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1425 Hijrah dan bacaan tafsirnya pula



KELIHATAN para pegawai dan kakitangan kerajaan perempuan yang hadir di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran

NUZUL
T
1425H



Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Surah-surah Pilihan merakamkan gambar kenangan bersama Yang Maha Mulia dan kerabat diraja serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Nuzul Al-



KEBERANGKATAN baginda di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Acara-acara Keagamaan Dalam Kalender Islam dan ahli-ahli jawatankuasa yang lain.



SEBAHAGIAN Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir di majlis tersebut (bawah kiri).

BAGI memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (bawah kanan).

berkenan menganugerahkan hadiah dan cenderamata kepada para pemenang dalam pertandingan tersebut.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1425 Hijrah dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan dengan tema sambutan 'Cintakan Negara Berteraskan Iman'.

Majlis berakhir dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1425 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan atas kiri).



JOHAN kategori 'A' disandang oleh Awang Muhammad Najib bin Haji Aliakhtar ketika mempersembahkan bacaannya.



JOHAN kategori 'B', Ak. Mohammad Wafiuiddin bin Pg. Haji Zulkarnain ketika mempersembahkan bacaannya.



JOHAN kategori 'C', Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali ketika mempersembahkan bacaannya.

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah terima sumbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Oktober. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) hari ini menerima sumbangan berjumlah \$8,908.00 daripada syarikat-syarikat, jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah menengah.

Majlis Penyampaian Sumbangan berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di sini dan bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai.

Mendahului senarai penyumbang ialah Syarikat Fabrica Interior Furnishing Company menyumbangkan sebanyak \$5,045.00 iaitu 100 peratus hasil kutipan jualan amal sehari yang diadakan oleh syarikat berkenaan pada 10 Oktober yang lalu. Sumbangan disampaikan oleh Pengurus Am Fabrica Interior Furnishing Company, Steven Pang.

Kemudian diikuti oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum yang menyumbangkan sejumlah \$1,000.00. Sumbangan adalah hasil kutipan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan sempena acara Walkaton 2004 yang diadakan oleh jabatan berkenaan. Derma disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassan Bolkiah pula mendermakan sebanyak \$1,790.00 iaitu 10 peratus dari hasil Walkaton Amal 2004 yang diadakan pada 29 April lalu. Sumbangan diserahkan oleh Pemangku Pengetua sekolah berkenaan, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Jamil.

Manakala Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna menyumbangkan sebanyak \$573.00 iaitu tiga peratus dari hasil kutipan acara Jogathon 2004 yang disampaikan oleh Pengetuanya, Dayang Razala binti Abdullah.

Sementara Nas Industries Sendirian Berhad menyumbangkan sejumlah \$500.00 yang disampaikan

**Oleh
Haji Ahmad HS**

oleh Pengurus Penjualan Nas Industries Sendirian Berhad, Richard Raut Rining.

Semua sumbangan derma diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani.

Majlis Penyampaian Sumbangan adalah lanjutan daripada beberapa Majlis Penyampaian Sumbangan kepada DANA.

Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Pelancaran Bazar Ramadan Kompleks YSHHB, yang dirasmikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani.

Sebanyak 32 buah gerai yang dikendalikan oleh peniaga Kompleks YSHHB menyertai bazar yang berlangsung selama sebulan bermula hari ini dan berakhir 14 November tahun ini.

Bazar tersebut menjual berjenis-jenis keperluan semasa bulan Ramadan dan persediaan menyambut kedatangan Syawal. Di samping itu turut dijual termasuklah kain-kain tenunan Brunei, pakaian dan juga perabot dari Syarikat Classic Design Furniture, Handy Handicraft.



PEGAWAI Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Ahmad Ghazali ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Negara Brunei Darussalam - Latar Belakang, Struktur dan Fungsi Kerajaan' kepada 9 orang Penolong Penguasa Polis yang baru menamatkan latihan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



KETUA Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani menerima sumbangan derma dari sebuah sekolah menengah (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Dimuliakan menyaksikan pelbagai barangan yang dijual di Bazar Ramadan yang berlangsung di Kompleks YSHHB. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Perlembagaan penting jamin kestabilan, keadilan dan kemajuan negara

Oleh Haji Ahmad HS

GADONG, 23 Oktober. - Perlembagaan adalah penting kerana ia menjamin kestabilan, keadilan dan kemajuan sesebuah negara, kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan rakyat akan mematuhi Perlembagaan dan tidak akan bertindak mengikut sesuka hati masing-masing. Ia juga membolehkan sesebuah negara diperintah secara sistematik dan adil.

Demikian intipati ceramah bertajuk 'Negara

Brunei Darussalam - Latar Belakang, Struktur dan Fungsi Kerajaan' yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Ahmad Ghazali bin Haji Tengah.

Sesi ceramah tersebut berlangsung di Pusat Pembelajaran Berterusan Polis, Polis Kawalan Diraja Beribni di sini.

Terdahulu sebelum itu, beliau juga menyentuh sejarah perkembangan pemerintahan Negara Brunei Darussalam yang telah mula wujud dengan sistem beraja tahun 977 dengan raja pertamanya iaitu Awang Alak Betatar yang memeluk agama Islam, yang menandakan pemerintahan tradisi kesultanan telah bermula.

Menurutnya lagi, setelah Sultan Omar 'Ali Saifuddin menaiki takhta dalam tahun 1953, Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan telah ditubuhkan, sehingga dalam tahun 1959 Perlembagaan Berulus Negeri Brunei diwartakan.

Beliau yang juga Ketua Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan/Pameran menjelaskan Perlembagaan yang telah diwartakan sebagai Perlembagaan Berulus Negeri Brunei Tahun 1959 telah mengalami beberapa pengubahan dan yang terkini ialah Perlembagaan yang digubal

dan dibentangkan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan bulan lepas.

Dalam ceramahnya beliau juga menyentuh mengenai sistem kerajaan berkementerian, di mana katanya bermula Januari 1984, sistem pemerintahan telah berubah kepada sistem berkementerian yang menjelaskan lagi kuasa memerintah tertinggi terletak di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku ketua negara dan ketua kerajaan.

Di samping itu, katanya, Perlembagaan juga memperuntukkan bagi lantikan Perdana Menteri dan Menteri-menteri. Sebelum Negara Brunei Darussalam merdeka pada tahun 1984 pegawai tertinggi dalam kerajaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Besar yang dibantu oleh Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Pegawai Kewangan Negara.

Menurut salah seorang Pegawai Penolong Pe-

ngusaha Polis, ceramah tersebut merupakan ceramah berjadual yang telah diaturkan untuk mereka yang terkandung dalam rancangan latihan dalam negeri.

Sebelum ini, jelasnya, mereka telah pun mendengar beberapa ceramah antaranya dari Jabatan Adat Istiadat, Biro Kawalan Narkotik, Biro Menegagah Rasuah dan penempatan sehari di Mahkamah Besar.

Selain itu, tambahnya, mereka juga menjalani latihan dan kursus di luar negeri iaitu di Maktab Polis Diraja Malaysia, Cheras, selama 10 bulan bermula akhir tahun 2003.

"Semasa di sana kami telah menjalani latihan dan kursus seperti berkawal, mengenali pelbagai senjata, menembak dan latihan fizikal," katanya.

Setelah menamatkan latihan dan kursus dalam negeri, seramai 9 orang Penolong Penguasa Polis itu akan ditempatkan di Balai-balai Polis seluruh negara termasuk di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

Penutupan restoran di bulan Ramadan bagi menghormati bulan Ramadan

GADONG, 25 Oktober. - Pemilik restoran dan kedai-kedai minum di negara ini memberikan pelbagai komen mengenai menutup perniagaan masing-masing di siang hari bulan Ramadan yang sudah diamalkan sekian lama.

Ada di antara komen-komen tersebut bersetuju dan ada pula sebaliknya tetapi bagi yang tetap membuka perniagaan di siang hari meluahkan beberapa masalahnya tersendiri.

Namun salah sebuah restoran yang sempat ditinjau Kulij Restaurant yang menyediakan berbagai pilihan sajian dari makanan dan minuman serta pesanan ringkas tidak

Oleh Abdullah Asgar

mempunyai sebarang masalah menutup perniagaan mereka di siang hari bulan Ramadan.

Menurut pengendalinya, Awang Kahlid bin Abdullah, sejak membuka restoran itu beberapa tahun lalu di Jerudong Park, beliau sudah mengamalkan menutup perniagaan menjelang saja Ramadan walaupun sedikit mengalami kerugian namun itu dianggap perkara lumrah dalam suasana perniagaan.

Katanya, untuk menampung sedikit kerugian kerana restoran tidak dibuka di siang

hari, mereka mengadakan 'buffet' berbuka puasa dengan pelbagai hidangan dan sajian untuk pengunjung.

Sebagai menarik lebih ramai pengunjung untuk mencuba juadah di sana setiap penghujung Ramadan diadakan cabutan tiket bertuah dengan menyediakan pelbagai hadiah termasuk barangan elektrik, perhiasan rumah, mainan kanak-kanak dan telefon mudah alih ternyata mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

"Kami hanya mengenakan bayaran \$5.00 bagi orang dewasa dan \$3.00 bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun untuk berbuka puasa di

restoran kami," tambahnya.

Dengan bayaran itu, jelasnya, akan diberikan kupon untuk diisikan nama dan nombor telefon bagi mudah dihubungi dan cabutan akan diadakan pada malam akhir Ramadan.

Tahun lalu, katanya, kerugian di siang hari akibat menutup perniagaan berbalas dengan mengadakan 'buffet' seperti itu dan usaha serta cara itu akan diteruskan selagi restoran beroperasi.

Kulij Restaurant mempunyai lebih 15 orang pekerja termasuk tiga orang tukang masak dari Thailand beragama Islam, selebihnya pelayan, pemandu dan pekerja biasa.



GAMBAR HIASAN ... Bagi menghormati bulan Ramadan yang mulia restoran-restoran yang dimiliki oleh orang Islam ditutup pada siang hari bulan Ramadan. - Gambar oleh Hamadi HM.

ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1425H/BERSAMAAN 2004M

MAJLIS Ugama Islam Negara Brunei Darussalam dalam surat pemberituannya bertarikh 22 September 2004 sukacita memaklumkan kepada umat Islam di negara ini bahawa :

* Menurut Mazhab Syafie, zakat fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.

* Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka/Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

* Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.

* Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun 1425H bersamaan 2004M ialah 2 kilo 268 gram atau dengan nilai wang seperti berikut :

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1425H BERSAMAAN 2004M (NILAIAN BERAS)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		KILO	GRAM
1.	Seorang	2	268
2.	2 orang	4	536
3.	3 orang	6	804
4.	4 orang	9	72
5.	5 orang	11	340
6.	6 orang	13	608
7.	7 orang	15	876
8.	8 orang	18	144
9.	9 orang	20	412
10.	10 orang	22	680
11.	11 orang	24	948
12.	12 orang	27	216
13.	13 orang	29	484
14.	14 orang	31	752
15.	15 orang	34	20
16.	16 orang	36	288
17.	17 orang	38	556
18.	18 orang	40	824
19.	19 orang	43	92
20.	20 orang	45	360
21.	21 orang	47	628
22.	22 orang	49	896
23.	23 orang	52	164
24.	24 orang	54	432
25.	25 orang	56	700
26.	26 orang	58	968
27.	27 orang	61	236
28.	28 orang	63	504
29.	29 orang	65	772
30.	30 orang	68	40

(i) jika Beras Wangi \$2.84 (ii) jika Beras Siam \$1.93
(Dengan nilai wang ini bertaklid kepada Mazhab Hanafi).

* Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).

* Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka dari kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu gaul adalah pada harganya, iaitu sebagai berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin.

* Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1425H BERSAMAAN 2004M (NILAIAN WANG)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		Beras Siam	Beras Wangi
1.	Seorang	\$1.93 sen	\$2.84 sen
2.	2 orang	\$3.86 sen	\$5.68 sen
3.	3 orang	\$5.79 sen	\$8.52 sen
4.	4 orang	\$7.72 sen	\$11.36 sen
5.	5 orang	\$9.65 sen	\$14.20 sen
6.	6 orang	\$11.58 sen	\$17.04 sen
7.	7 orang	\$13.51 sen	\$19.88 sen
8.	8 orang	\$15.44 sen	\$22.72 sen
9.	9 orang	\$17.37 sen	\$25.56 sen
10.	10 orang	\$19.30 sen	\$28.40 sen
11.	11 orang	\$21.23 sen	\$31.24 sen
12.	12 orang	\$23.16 sen	\$34.08 sen
13.	13 orang	\$25.09 sen	\$36.92 sen
14.	14 orang	\$27.02 sen	\$39.76 sen
15.	15 orang	\$28.95 sen	\$42.60 sen
16.	16 orang	\$30.88 sen	\$45.44 sen
17.	17 orang	\$32.81 sen	\$48.28 sen
18.	18 orang	\$34.74 sen	\$51.12 sen
19.	19 orang	\$36.67 sen	\$53.96 sen
20.	20 orang	\$38.60 sen	\$56.80 sen
21.	21 orang	\$40.53 sen	\$59.64 sen
22.	22 orang	\$42.46 sen	\$62.48 sen
23.	23 orang	\$44.39 sen	\$65.32 sen
24.	24 orang	\$46.32 sen	\$68.16 sen
25.	25 orang	\$48.25 sen	\$71.00 sen
26.	26 orang	\$50.18 sen	\$73.84 sen
27.	27 orang	\$52.11 sen	\$76.68 sen
28.	28 orang	\$54.04 sen	\$79.52 sen
29.	29 orang	\$55.97 sen	\$82.36 sen
30.	30 orang	\$57.90 sen	\$85.20 sen

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1. BANDAR SERI BEGAWAN 'A' Mengandungi :			
	- Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Emran bin Haji Kuncang.		Di Masjid Omar Ali Saifuddin
1.	Bolkiah Kem dan Sekitarnya (yang bukan terdiri daripada ABDB dan keluarganya).	- Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Metassan bin Haji Tahir.	
2.	Istana Edinburgh		
3.	Jalan Perayaan		
4.	Jalan Merdeka	- Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abd. Hamid.	
5.	Jalan Bahagia		
6.	Jalan Rakis		
7.	Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan		
8.	Airport Lama		
9.	Kedai-Kedai BSB.	- Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.	
10.	Jalan Residency		
11.	Barrek Hospital		
12.	Pusar Ulak		Di Masjid Omar Ali Saifuddin
13.	Jalan Mahara Lela	- Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.	
14.	KM 1 Jalan Tutong hingga simpang Istana Darul Hana		
15.	Jalan Telepok		
16.	Jalan Melabau	- Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim	
17.	Jalan Temanggong		
18.	Dari simpang Jalan Gadong hingga Jambatan Gadong		
19.	Jalan Kumbang Pasang	- Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Haji Damit	
20.	Jalan Ong Sum Ping		
21.	Jalan Jawatan Dalam		
22.	Jalan Mahohai		
23.	Jalan Sekolah	- Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin	Di Masjid Omar Ali Saifuddin.
24.	Jalan Dato Marsal		
25.	Workshop JKR		
26.	Jalan Lintang		
27.	Jalan Simping Sekolah		
28.	Jalan Padang		
29.	Jalan Dato Taib		
30.	Jalan Tasek		
31.	Jalan Tasek Lama hingga Terrace Hotel		
32.	Jalan Stoney		
33.	Jalan Dato Ibrahim		
34.	Jalan Istana Darussalam		
35.	Kg. Pengiran Pemanca Lama		
36.	Kg. Sungai Kedayan A dan B		
37.	Kampung Kianggeh dan sekitarnya		
38.	Kg. Ujong Tanjong		
39.	Kg. Kuala Sg. Peminyak		
40.	Kg. Ujong Bukit		
41.	Kg. Limbongan		

2. BANDAR SERI BEGAWAN 'B' Mengandungi :			
a.	Simpang Istana Nurul Iman hingga ke Kilometer 6 Jalan Tutong.	Awang Haji Ibrahim bin Mohd Salleh. (Ketua Kampong Medewa/Telanai)	Di Rumah Amil.
b.	Kg. Telanai,		
c.	Kg. Medewa.		

3. BANDAR SERI BEGAWAN 'C' Mengandungi :			
a.	Istana Nurul Iman,	Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Haji Omar.	Di Surau Istana.
b.	Istana Darul Hana dan sekitarnya,		
c.	Hijau Baiduri,		
d.	Kg. Bandong.		
4. BANDAR SERI BEGAWAN 'D' Mengandungi :			
1.	Balai Bomba Bandar Seri Begawan Brunei (Khas untuk Pegawai dan Kakitangan serta keluarganya).	* Ustaz Haji Adanan bin Ahmad (Guru Agama Jabatan Perkhidmatan Bomba)	Surau Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei.
5. POLIS DIRAJA BRUNEI Mengandungi :			
a.	Polis Diraja Kawasan Gadong dan kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong).	APO SM 2825 Haji Abdullah bin Haji Karim	Di Surau Polis Gadong.
b.	Polis Diraja (Ibu Pejabat Polis Diraja Daerah Brunei Muara dan keluarga mereka sahaja).	SGT 1671 Pg Haji Ludin bin Pg Metahir	
c.	Kawasan Polis Kawalan Diraja.		

BAGI KAWASAN KAMPUNG AYER DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	a) Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda 'A' b) Kampong Bakut Siraja Muda 'B' c) Kampong Bakut Berumput	Pengiran Bakar bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda 'A')	Di Rumah Amil
2.	a) Kampong Bukit Salat b) Kampong Sumbiling Lama	Awang Haji Osman bin Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa (Ketua Kampong Sumbiling Lama/Bukit Salat)	Di Rumah Amil.
3.	Masjid Kampong Tamoi a) Kampong Pengiran Bendahara Lama b) Kampong Pengiran Tajuddin Hitam c) Kampong Tamoi Tengah d) Kampong Tamoi Hujung e) Kampong Pengiran Kerma Indera Lama	Awang Haji Daud bin Haji Abd. Kadir (Imam Masjid Kampong Tamoi) Awang Haji Sabtu bin Haji Abdullah (Imam Masjid Kampong Tamoi)	Di Masjid Kampong Tamoi
4.	a) Kg. Burong Pinggai Ayer. b) Kg. Sg. Asam.	Awang Haji Kamis bin Nasir (Bilal Masjid Pehin Datu Imam Haji Abd Mokti)	Di Masjid Pehin Datu Imam Haji Abd Mokti.
5.	Kg. Lurong Dalam.	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu (Ketua Kampong Lurong Dalam)	Di Rumah Amil.

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 11

BAGI KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
6.	a) Kg. Sungai Pandan 'A'. b) Kg. Sungai Pandan 'B'.	Awang Bahrom bin PGH Haji Abdullah Sani (Bilal Balai Ibadat Kg. Sungai Pandan)	Di Balai Ibadat Kg. Sungai Pandan.
7.	a) Kg. Pandai Besi 'A'. b) Kg. Pandai Besi 'B'.	Pg. Haji Ayub bin Pg. Sulaiman. (Ketua Kampong Pandai Besi 'A')	Di Rumah Amil.
8.	a) Kg. Pekan Lama. b) Kg. Pengiran Setia Negara.	Pg. Hj Halus bin Pg. Haji Kadar (Ketua Kampong Pekan Lama)	Di Rumah Amil.
9.	Kg. Lurong Sikuna.	Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang (Ketua Kampong Lurong Sikuna)	Di Rumah Amil.
10.	Kg. Saba: a) Kg. Saba Darat 'A'. b) Kg. Saba Darat 'B'. c) Kg. Saba Laut. d) Kg. Saba Tengah. e) Kg. Saba Ujong.	* Awang Afendi bin Haji Taha (Bilal Balai Ibadat Kg. Saba)	Di Balai Ibadat Kg. Saba.
11.	a) Kg. Pekilong Muara. b) Kg. Setia Pahlawan.	Awang Hj Meraji bin Penglima Raja Dato Paduka Hj Mohiddin (Ketua Kampong Pekilong Muara)	Di Rumah Amil.
12.	Kg. Peramu.	Awang Haji Chuchu bin Jambol @ Haji Awang. (Ketua Kampong Peramu)	Di Rumah Amil.
13.	a) Kg. Sungai Siamas. b) Kg. Ujong Kelinik.	Awang Haji Merali bin Haji Matzin (Ketua Kampong Sungai Kebun)	Balai Ibadat Kg. Sg. Siamas.
14.	Kg. Sungai Kebun.	Awang Haji Mazlan bin Haji Maimon (Imam Masjid Al Muhtadee Billah) *Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Md Hussin (Imam Masjid Al Muhtadee Billah)	Di Masjid Al Muhtadee Billah Kg. Sungai Kebun.
15.	a) Kg. Setia 'A'. b) Kg. Setia 'B'. c) Kg. Lupak Luas. d) Kg. Tarap Bau. Dan Kawasan Sekitarnya.	Awang Haji Sungoh bin Suro (Imam Masjid Yayasan Sultan Wangsa Hj. Muhammad) Awang Haji Hassan bin Haji Lusin (Imam Masjid Pehin Perdana Wangsa Hj. Muhammad)	Di Masjid Pehin Perdana Wangsa Haji Muhammad, Kg. Setia.
16.	a) Kg. Bolkiah 'A'. b) Kg. Bolkiah 'B'.	Awang Airwan bin Haji Malik (Imam Masjid Pehin Perdana Wangsa Haji Hassan Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A') Awang Ramlie bin Haji Ladis (Imam Masjid Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A')	Di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A'.

KAWASAN PEDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	a) Kg. Bunut Kilometer 8, Jalan Tutong. b) Kg. Tasek Meradun.	Awang Haji Juffe bin Haji Mega (Imam Masjid Kg. Bunut) Awang Haji Maidin bin Haji Kassim (Ketua Kampong Tasek Meradun / Bunut)	Di Masjid Kg. Bunut. Di Rumah Amil.
2.	Bengkurog: a) Kg. Bengkurog. b) Kg. Burong Lepas. c) Kg. Sinarubai.	Awang Haji Salleh bin Hashim (Imam Masjid Kg. Bengkurog) Awang Haji Zainal bin Haji Othman (Guru Agama Terlatih)	Di Masjid Kg. Bengkurog.
3.	Kg. Kilanas dan Sekitarnya.	*Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud (Imam Masjid Kg. Kilanas) Awang Haji Ghafar bin Haji Abd Ghani (Imam Masjid Kg. Kilanas)	Di Masjid Kg. Kilanas.
4.	Kg. Tanjong Bunut.	Awang Haji Salleh bin Haji Sabli (Imam Surau Kg. Tanjong Bunut) *Awang Haji Kanderishah bin Haji Takong (Imam Surau Kg. Tanjong Bunut)	Di Surau Kg. Tanjong Bunut.
5.	Kg. Jangsak dan Sekitarnya.	Awang Zulhazmi bin Salleh (Pegawai Hal Ehwal Masjid) *Awang Haji Awang bin Haji Metussin (Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah) Haji Sh. Edham bin Haji Sh. Nekman (Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah)	Di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah.
6.	Sengkurog 'A': a) Kg. Pasai 1. b) Kg. Pasai 2. c) Kg. Mengawang. d) Kg. Limpuan. e) Kawasan Simpang Jln. Jerudong hingga Jambatan Sungai Sengkurog. f) Kawasan Simpang Jalan Mulaut hingga Simpang 87. g) Jln. Ban 2A hingga Simpang 31. h) Jln. Ban 2A hingga Simpang 37. i) Jln. Ban 3A hingga Simpang 43. j) Jln. Ban 3A - Simpang 254 hingga Simpang 59. k) Jln. Sungai Tampoi mulai Simpang 59 hingga 91. l) Pusat Tahanan Jerudong	*Awang Muhammad Khalid bin Haji Timbol (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahim (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurog) Awang Haji Hamdini bin Haji Gharif (Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurog)	Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurog.
	Sengkurog 'B': a) Kg. Sengkurog. b) Kg. Padang. c) Kg. Pulau Gapor. d) Kg. Pulie Manang. e) Kg. Selayun. f) Kg. Tagap.	Awang Haji Musa bin Haji Tahir (Pelapis Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurog)	Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurog.

g) Kg. Sg. Tampoi Hulu. h) Kg. Sg. Tampoi Hilir. i) Kg. Bukit Tajau. j) Jln. Tagap Jerudong. k) Jln. Jerudong. l) Jln. Selayun Jerudong.	Awang Haji Ali bin Haji Mohd Salleh (Pelapis Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurog)	
7. Kg. Tanjong Nangka	Pengiran Haji Abd Malik bin Pg. Besar (Ketua Kampong Tanjong Nangka)	Di Rumah Amil.
8. Kg. Mulaut.	Awang Haji Ismail bin Haji Abd Wahab (Imam Surau Kg. Mulaut) Awang Mahuddin bin Haji Salleh (Imam Surau Kg. Mulaut)	Di Surau Kg. Mulaut.
9. Kg. Jerudong dan Sekitarnya.	Awang Ariffin bin DP Haji Abu Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Kamaruzzaman bin Hj. Jakar (Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam)	Di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kg. Jerudong.
10. a) Kg. Katimahar. b) Kg. Kulapis. c) Kg. Lugu.	Awang Haji Hassan bin Haji Taha (Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kg. Katimahar) Awang Haji Isa bin Haji Saban (Bilal Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kg. Katimahar)	Di Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kg. Katimahar.
11. Panchor Murai: a) Kg. Panchor Murai. b) Kg. Batong. c) Kg. Imang.	Awang Haji Mohd Saadullah bin Haji Salleh. (Imam Masjid Kg. Panchor Murai)	Di Masjid Kg. Panchor Murai.
12. Masin: a) Kg. Masin. b) Kg. Bebatik.	*Awang Haji Asmat bin Haji Tuah (Imam Masjid Kg. Masin) *Pg. Haji Mahmud bin Pg. Haji Othman (Imam Masjid Kg. Masin)	Di Masjid Kg. Masin.
13. Pengkalan Batu: a) Kg. Pengkalan Batu. b) Kg. Parit. c) Kg. Batu Ampar.	Awang Haji Mohd Jani @ Jabbar bin Haji Abd Majid (Imam Masjid Kg. Pengkalan Batu) *Awang Haji Shukry bin Abdullah (Bilal Masjid Kg. Pengkalan Batu)	Di Masjid Kg. Pengkalan Batu.
14. Limau Manis: a) Kg. Limau Manis. b) Kg. Kuala Lurah. c) Kg. Batang Perhentian. d) Kg. Bukit. e) Kg. Wasan.	Awang Haji Yusoff bin Haji Salleh (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Pg. Haji Metasin bin Pg. Haji Kula (Imam Masjid Kg. Limau Manis)	Di Masjid Kg. Limau Manis.
15. Kg. Junjongan.	Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim (Imam Masjid Kampong Junjongan) Awang Haji Abidin bin Haji Metaresad (Imam Masjid Kampong Junjongan)	Di Masjid Kg. Junjongan.
16. Lumapas: a) Kg. Lumapas 'A'. b) Kg. Lumapas 'B'. c) Kg. Panchor. d) Kg. Kilugus. e) Kg. Singkirap.	*Awang Rozisham bin Haji Chuchu @ Abd Karim (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Banin bin Haji Banang (Imam Masjid Kg. Lumapas) Awang Haji Daud bin Gagah (Bilal Masjid Kg. Lumapas)	Di Masjid Kg. Lumapas.
17. Kasat: a) Kg. Kasat. b) Kg. Buang Sakar.	Awang Haji Makshud bin Haji Malik (Imam Masjid Kg. Kasat)	Di Masjid Kg. Kasat.
18. Putat: a) Kg. Putat. b) Kg. Baong.	Awang Haji Hamrin bin Haji Mangshor (Imam Masjid Kg. Putat) Awang Haji Rungging bin Haji Malik (Imam Masjid Kg. Putat)	Di Masjid Kg. Putat.
19. Menunggol: a) Kg. Menunggol. b) Kg. Riong. c) Kg. Gadong Batu.	Awang Haji Salihi bin Haji Tarif (Imam Masjid Kg. Menunggol)	Di Masjid Kg. Menunggol.
20. Kawasan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah: a) Kg. Kiarong. b) Kg. Kiulap. c) Kawasan Pengkalan, Gadong. d) Kawasan Berek elektrik dan sekitarnya. e) Kawasan Maktab Duli Pg. Muda Al-Muhtadee Billah	- Yang Dimulikan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya bin Haji Ibrahim. - Yang Dimulikan Pehin Khatib Haji Awang Mustafa bin Haji Murat - Yang Dimulikan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz - Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong - Mudim Awang Haji Tamin bin Haji Putting - Mudim Awang Haji Abd Latif bin Haji Saman - Mudim Awang Haji Safar bin Haji Laji @ Kifley	Di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.
21. Kawasan Pengkalan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Rimba (Khas Untuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Keluarga Sahaja).	Awang Haji Othman Bin Mohd Noor (Guru Agama ATUDB Rimba)	Pejabat Guru Agama ATUDB Rimba.
22. Rimba: a) Kg. Rimba.	*Awang Puspita Wira bin Haji Md Noor (Ketua Kampong Rimba)	Di Rumah Amil.
23. Rimba: Kg. STKRJ Rimba.	Awang Haji Sisa bin Haji Ahmad (Ketua Kampong STKRJ Rimba)	Di Rumah Amil.
24. Rimba: Kg. Kawasan 4, RPN Rimba.	Awang Haji Asli bin Haji Abd Latif (Ketua Kampong Kawasan 4, RPN Rimba)	Di Rumah Amil.

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 12

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
25.	Rimba: Kg. Kawasan 2, RPN Rimba.	*Awang Mohamad bin Haji Kabon (Ketua Kampong Kawasan 2, RPN Rimba)	Di Rumah Amil.
26.	Tungku: a) Kg. Tungku, b) Kg. Katok, c) Kg. Perpindahan Rakyat Jati Kg. Tungku.	Awang Haji Hassan bin Haji Apong (Kakitangan Kementerian Pendidikan)	Di Rumah Amil.
27.	Kg. Mata-Mata Gadong.	Awang Haji Masir bin Haji Mohammad (Imam Balai Ibadat Kg. Mata-Mata Gadong)	Di Balai Ibadat Kg. Mata-Mata Gadong.
28.	Kg. Beribi.	Awang Haji Abd Wahab bin Haji Md. Daud (Imam Masjid Kg. Beribi) Awang Haji Omar bin Haji Ismail (Imam Masjid Kg. Beribi)	Di Masjid Kg. Beribi.
29.	Universiti Brunei Darussalam dan Sekitarnya.	*Awang Asminan bin Awang Haji Chuchu (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Jamudin bin Haji Dollah (Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam) Awang Haji Abd Warith bin Haji Raini (Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam)	Di Masjid Universiti Brunei Darussalam.
30.	Kg. Perpindahan Mata-Mata: a) Kg. Perpindahan Kg. Sumbiling Baru, b) Kg. Perpindahan Kg. Sultan Lama, c) Kg. Perpindahan Kg. Pulau Baru-Baru.	Awang Haji Mahari bin Haji Metussin (Imam Masjid Kg. Perpindahan Mata-Mata) Awang Jamal bin Munap (Bilal Masjid Kg. Perpindahan Mata-Mata)	Di Masjid Kg. Perpindahan Mata-Mata.
31.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Bolkiah Kem (Untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja).	*Awang Haji Aziz bin Haji Samat (Imam Surau, ABDB Bolkiah Kem) Awang Haji Osman bin Ibrahim (Bilal Surau, ABDB Bolkiah Kem) *Ustad Jemain bin Haji Kaliman (Guru Agama)	Di Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem.
32.	Perpindahan Berakas: a) Kg. Jaya Bakti, b) Kg. Jaya Setia, c) Kg. Burong Pinggai Berakas.	*Awang Haji Ahmad bin Haji Mohd Hassan (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ahmad Termizi bin Haji Md Daud (Guru Agama Terlatih)	Di Masjid Sufri Bolkiah.
33.	Kawasan Masjid Lambak: a) Kg. Lambak 'A', b) Kg. Lambak 'B'.	*Awang Haji Abd Aziz bin Haji Abd Ghani (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd Afdzillah bin Haji Mohd Yusof (Imam Masjid Lambak)	Di Masjid Lambak.
34.	Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kg. Lambak Kiri.	Awang Jufri bin Haji Hidup (Pegawai Hal Ehwal Masjid) *Awang Haji Asnan bin Haji Saman (Imam Masjid RPN Kg. Lambak Kiri) Awang Haji Zahid bin Haji Md Zain (Imam Masjid RPN Kg. Lambak Kiri)	Di Masjid RPN, Kg. Lambak Kiri.
35.	Kg. Perpindahan Lambak Kanan.	*Awang Azryn bin Haji Awang Damit (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ali bin Haji Timbang Al-Hafiz (Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan) Awang Haji Shahminan bin Haji Awg Tengah (Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan)	Di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.
36.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Berakas Kem (untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja).	*Awang Haji Hitam bin Haji Ismail (Imam Surau ABDB, Berakas Kem) Awang Haji Ahmad bin Haji Mokhtar (Guru Agama Berakas Kem)	Di Surau ABDB, Berakas Kem.
37.	Masjid Mohammad Bolkiah: a) Kg. Serisop dan termasuk kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, b) Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya. c) Kg. Pancha Delima.	Awang Haji Muslim bin Haji Abd Razak (Imam Masjid Mohammad Bolkiah) *Awang Haji Jofri bin Haji Abidin (Imam Masjid Mohammad Bolkiah) Awang Haji Mohd Ashraf bin Haji Bujang (Bilal Masjid Mohammad Bolkiah)	Di Masjid Mohammad Bolkiah.
38.	Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal: a) Kawasan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan sekitarnya, b) Kg. Delima Satu, c) Kg. Delima Dua.	Awang Haji Abd Rahman bin Haji Md Taib (Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal) Awang Haji Abdullah bin Haji Tahir (Bilal Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal)	Di Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.
39.	Anggerek Desa: a) Kg. Anggerek Desa, b) Kg. Pulaie, c) Kg. Orang Kaya Besar Imas.	Awang Haji Burhanuddin bin Haji Damit (Imam Masjid Kg. Pulaie) Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji (Imam Masjid Kg. Pulaie)	Di Masjid Kg. Pulaie.
40.	Kg. Madang dan Sekitarnya.	Pg. Haji Ali bin Pg. Maun (Ketua Kampong Madang)	Di Rumah Amil.
41.	Kg. Manggis I dan II.	Awang Haji Mohd. Limbang bin Lamudin (Ketua Kampong Kg. Manggis)	Di Rumah Amil.
42.	Sungai Hanching: a) Kg. Sungai Hanching, b) Kg. Sungai Tilong, c) Kg. Sungai Akar, d) Kawasan Pusat Latihan Polis Diraja Jalan Muara.	*Awang Haji Mahlee bin Haji Awang Besar (Imam Masjid Kg. Sungai Hanching) Awang Haji Sari bin Nasir (Imam Masjid Kg. Sungai Hanching)	Di Masjid Kg. Sungai Hanching.
43.	Kg. Salambigar dan Sekitarnya.	Awang Haji Abd. Halim bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kg. Salambigar) Awang Haji Abd Ghafar bin Haji Menudin (Imam Masjid Kg. Salambigar) *Pg. Haji Ismail bin Pg. Haji Tuah (Imam Masjid Kg. Salambigar)	Di Masjid Kg. Salambigar.
44.	Tanah Jambu: a) Kg. Tanah Jambu, b) Kg. Salar.	Awang Abd. Azis bin Haji Md Yassin (Imam Masjid Kg. Tanah Jambu) Awang Haji Amron bin Awang (Imam Masjid Kg. Tanah Jambu)	Di Masjid Kg. Tanah Jambu.
45.	Kg. Kapok.	Pg. Haji Shahril Azman bin Pg. Haji Metussin (Pegawai Hal Ehwal Masjid) *Pg. Haji Hafizuddin bin Pg. Haji Bakar (Imam Masjid Kg. Kapok) Awang Haji Jalil bin Haji Putera (Bilal Masjid Kg. Kapok)	Di Masjid Kg. Kapok.
46.	Muara: a) Kg. Sabun, b) Kg. Serasa, c) Kawasan Rumah Pegawai-Pegawai Kerajaan Tanjong Pelumpong, d) Kawasan Balai Polis Muara e) Kawasan Balai Bomba Muara, f) Kg. Masjid Lama.	*Awang Nuzli bin Haji Jumat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Serbini bin Kula (Imam Masjid Setia Ali Muara) Awang Haji Ridi bin Mudi (Imam Masjid Setia Ali, Muara) *Awang Haji Alias bin Haji Ibrahim (Bilal Masjid Setia Ali, Muara)	Di Masjid Setia Ali, Muara.
47.	Kg. Perpindahan Serasa Muara.	Awang Haji Hamdan bin Haji Bakar (Imam Masjid Perpindahan Serasa) Awang Haji Rosli bin Haji Ladis (Imam Masjid Perpindahan Serasa)	Di Masjid Kg. Perpindahan Serasa, Muara.
48.	Kawasan Angkatan Laut Diraja Brunei Muara (untuk Angkatan Laut Diraja dan keluarga mereka sahaja).	Mohd. Khairul Azmi bin Haji Salleh (Imam Surau ATLDB, Muara Kem) Zakaria bin Hj Jalin (Imam Surau ATLDB, Muara Kem)	Di Surau Angkatan Tentera Laut Diraja Muara Kem.
49.	Kg. Sungai Buloh.	Pg. Haji Abd Razak bin Pg. Haji Tengah (Imam Masjid Kg. Sungai Buloh) Ak. Haji Mohd. Lizam bin Pg. Haji Merali (Bilal Masjid Kg. Sungai Buloh)	Di Masjid Kg. Sungai Buloh.
50.	Kg. Batu Marang.	*Awang Haji Mohammad Khairul Azmy bin Haji Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Tohara bin Ohsang (Imam Masjid Kg. Batu Marang) *Awang Haji Ahmad @ Salleh bin Haji Bini (Imam Masjid Kg. Batu Marang)	Di Masjid Kg. Batu Marang.
51.	Kg. Mentiri.	Pg. Haji Marzuki bin Pg. Haji Abd Rahman (Imam Masjid Kg. Mentiri) Awang Haji Aji bin Haji Abd Rahman (Imam Masjid Kg. Mentiri)	Di Masjid Kg. Mentiri.
52.	Kg. Perpindahan Mentiri.	*Ak. Mohd Ali Hanafiah bin Pg. Haji Timbang (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Pg. Rosman bin Pg. Haji Shahbudin (Imam Masjid Kg. Perpindahan Mentiri) Awang Faidil Rosemady bin Mohammad (Bilal Masjid Kg. Perpindahan Mentiri)	Di Masjid R.P.N. Mentiri.
53.	Kg. Sungai Besar.	Awang Haji Samsul bin Haji Abd Latif (Imam Masjid Kg. Sungai Besar) Awang Sanip bin Haji Nasar (Imam Masjid Kg. Sungai Besar)	Di Masjid Kg. Sungai Besar.
54.	a) Kg. Sungai Bunga, b) Kg. Pulau Baru-Baru.	Pg. Mohd Fadzillah bin Pg. Mahmud (Bilal Masjid Kg. Sungai Bunga) Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad (Bilal Masjid Kg. Sungai Bunga)	Di Masjid Kg. Sungai Bunga.
55.	Kg. Sungai Matan.	Awang Sufri bin Haji Kalong (Guru Agama)	Di Rumah Amil.
56.	Kawasan Masjid Kampong Serdang. a) Kg. Serdang b) Kg. Sungai Belukut	Awang Haji Talipudin bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kg. Serdang) Awang Ali Noor bin Haji Yaitya (Bilal Masjid Kg. Serdang)	Di Masjid Kg. Serdang.
57.	Kg. Puduk.	Awang Haji Zari bin Haji Karim (Imam Masjid Kg. Puduk) *Awang Mohammad Sani bin Sahat (Bilal Masjid Kg. Puduk)	Di Masjid Kg. Puduk.
58.	a) Kg. Pelambayan, b) Kg. Dato Gandi.	Awang Haji Sumardi bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kg. Pelambayan) *Awang Haji Mohammad Sharine Hadiman bin Haji Sahari (Bilal Masjid Kg. Pelambayan)	Di Masjid Kg. Pelambayan.
59.	Kawasan Masjid Kg. Pintu Malim: a) Kg. Pintu Malim b) Kg. Sungai Lampai c) Kg. Kota Batu	Awang Haji Ali Yusof bin Haji Arshad (Imam Masjid Kg. Pintu Malim) Awang Haji Latif bin Haji Ariff (Bilal Masjid Kg. Pintu Malim)	Di Masjid Kg. Pintu Malim.
60.	Subok: a) Kg. Subok b) Kg. Belimbing	Awang Jaya bin Haji Yahya (Pegawai Hal Ehwal Masjid) *Awang Haji Zawawi bin Haji Mohd Taib (Imam Masjid Kg. Belimbing, Subok) Awang Norjal bin Sisa (Bilal Masjid Kg. Belimbing, Subok)	Di Masjid Kg. Belimbing, Subok.

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH BELAIT

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Tanjong Belait.	*Awg Abu Nor Ali Samsul bin Hj Mohammad (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Ahmedani bin Haji Abd Rahman (Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam) Awang Haji Zainal bin Idris (Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam) Awg Haji Abd Malik bin Abu Bakar (Merbut Masjid Mohammad Jamalul Alam)	Di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.
2.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Roundabout KM6, Kuala Belait	*Awg Mohd Aliyani bin Ismail (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd Said bin Hj Mohd Yassin (Imam MasjidPerpindahan Kg. Pandan, Belait) Awang Mohd Alias bin Bakar (Imam Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Belait) Awang Mohd Zakaria bin Roseta (Bilal Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Belait)	Di Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Kuala Belait.
3.	Dari Kg. Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait.	Awang Haji Omarali bin Haji Hussin (Imam Masjid Kg. Sg. Teraban)	Di Masjid Kg. Sungai Teraban.
4.	Dari Anduki hingga Lorong Satu, Seria	Mohd Zulhilmi bin Mohd Jefri (Imam Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria.

Lihat muka 14

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 13

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
5.	Dari Lorong Dua hingga Lorong Lima, Setia	*Awg Akup bin Haji Lamat (Pegawai Hal Ehwal Masjid)	Di Masjid Pekan Seria.
6.	Dari Lorong Enam hingga Roundabout KM6, Belait	Awang Hj Mohd Sophiaan bin Roslee (Bilal Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria.
7.	Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G Lumut	Awang Ahmad Yani Zulkarnain bin Hj Yusof (Pegawai Hal Ehwal Masjid) *Awang Hj Ibrahim bin Hj Daud (Imam Masjid Zainab, Lumut) *Awg Hj Shalheem bin Hj Kassim (Bilal Masjid Zainab, Lumut) *Awang Haji Bakar bin Hassan (Pelapis Bilal Masjid Zainab, Lumut)	Di Masjid Zainab, Lumut.
8.	Dari Sempadan Belait /Tutong hingga B.L.N.G Lumut.	*Awg Hj Ibrahim bin Hj Dullah (Imam Masjid Kampong Sungai Liang) Awang Zawawi bin Haji Nordin (Imam Masjid Kampong Sungai Liang)	Di Masjid Kampong Sungai Liang.
9.	Mukim Bukit Sawat & Kawasan Pendalaman 'A'	Awang Haji Abd Hamid bin Haji Abas (Imam Masjid Al-Mashor, Kg. Sg. Mau, Ulu Belait)	Di Masjid Al-Mashor, Kampong Sungai Mau, Ulu Belait.
10.	Kawasan Bukit Sawat & Kawasan Pendalaman 'B'	Awang Haji Abd Hamid bin Haji Othman (Imam Masjid Kg. Bukit Sawat)	Di Masjid Kg. Bukit Sawat, Ulu Belait.
11.	Mukim Labi, Ulu Belait.	Awang Mohd Endy bin Masri (Imam Masjid Kg. Labi) Awang Sofian bin Bidin (Bilal Masjid Kg. Labi)	Di Masjid Kg. Labi, Ulu Belait.
12.	Kawasan Balai Bomba Labi/Sungai Liang/Seria dan Belait.	Asfs. Pg. Rosli bin Pg. Haji Ahmad (Pegawai Bomba)	Di Surau Balai Bomba Seria.
13.	Mukim Melilas, Ulu Belait	*Awg Mohd Shahrul Fauzi bin Abdullah Anjan (Bilal Balai Ibadat Kg. Melilas)	Balai Ibadat Kg. Melilas, Ulu Belait
14.	Mukim Sukang, Ulu Belait	*Awg Shahrizan bin Abdullah (Pmk. Imam Balai Ibadat Kg. Sukang)	Balai Ibadat Kg. Sukang, Ulu Belait

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TUTONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Masjid Hassanah Bolkiah: a) Pekan Tutong, b) Kg. Petani, c) Kg. Bukit Bendera, d) Kg. Sg. Basong, e) Kg. Sg. Besar, f) Kg. Suran, g) Kg. Panchor Dulit h) Kg. Panchor Papan	Awg Samrin bin Samat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awg Hj Abdul Aziz bin Badul (Imam Masjid Hassanah Bolkiah)	Di Masjid Hassanah Bolkiah, Tutong.
2.	Kampung Sengkarai : a) Kg. Sengkarai, b) Kg. Seramangun.	Awang Hj Md Aidil Sofian bin Hj Md Yassin (Imam Balai Ibadat Kg. Sengkarai) Awg Hazrin bin Hj Hassan (Bilal Balai Ibadat Kg. Sengkarai)	Di Balai Ibadat Kg. Sengkarai.
3.	Masjid Kg. Penabai, Kuala Tutong.	Awg Mohd Rosli bin Hj Mohd Yusof (Imam Masjid Kg. Penabai) Awg Mohd Shahrirwandy bin Samsudin (Bilal Masjid Kg. Penabai)	Di Masjid Kg. Penabai, Kuala Tutong.
4.	Masjid Kg. Keriam, Tutong	Awang Hj Mohd Kartolo bin Hj Abang (Imam Masjid Kg. Keriam) Awang Azri bin Haji Abdullah (Imam Masjid Kg. Keriam)	Di Masjid Kg. Keriam, Tutong.
5.	Masjid Kg. Sinaut, Tutong	Awang Hj Masri bin Hj Mohammad (Imam Masjid Kg. Sinaut) Awg Kamarudin bin Hj Md Ali (Bilal Masjid Kg. Sinaut)	Di Masjid Kg. Sinaut, Tutong.
6.	Masjid Kg. Penanjong, Tutong	Awang Hj Salleh bin Hj Abdullah (Imam Masjid Kampong Penanjong) Awg Sukri bin Hj Anuar (Bilal Masjid Kampong Penanjong)	Di Masjid Kg. Penanjong, Tutong.
7.	Masjid Kg. Layong, Tutong	Awang Hj Mohd Deli bin Hj Raya (Imam Masjid Kg. Layong) Awg Samsul bin Hj Yaakub (Bilal Masjid Kg. Layong)	Di Masjid Kg. Layong, Tutong.
8.	Masjid Kg. Kiudang, Tutong	Awg Hj Abu Bakar bin Hj Awg Tengah (Imam Masjid Kg. Kiudang)	Di Masjid Kg. Kiudang, Tutong.
9.	Kampung Bekiau, Tutong	Awg Hj Mohd Taib bin Hj Jaluddin (Ketua Kampung Bekiau)	Di Rumah Amil.
10.	Masjid Kg. Kupang, Tutong	Awg Hj Siadis bin Hj Damit (Imam Masjid Kg. Kupang) Awg Madzlan bin Hj Morieh (Bilal Masjid Kg. Kupang)	Di Masjid Kg. Kupang, Tutong.
11.	Masjid Kg. Penapar, Tutong	Awg Hj Suffri bin Hj Mega (Imam Masjid Kg. Penapar) Awg Norsham bin Rosli (Bilal Masjid Kg. Penapar)	Di Masjid Kg. Penapar, Tutong.
12.	Masjid Kg. Tanjong Maya, Tutong	Awg Khairul Ariffin bin Hj Yusof (Imam Masjid Kg. Tanjong Maya) Awg Mohammad Yushasni bin Hj Mohd Yusof (Bilal Masjid Kg. Tanjong Maya)	Di Masjid Kg. Tanjong Maya, Tutong.
13.	Masjid Kg. Telisai, Tutong	Awg Hj Junaidi bin Hj Sabtu (Imam Masjid Kg. Telisai) Awg Hj Alias bin Hj Taha (Imam Masjid Kg. Telisai)	Di Masjid Kg. Telisai, Tutong.
14.	Masjid Kg. Danau, Tutong	*Awang Haji Sunaidi bin Haji Kassim (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Pg Hassan bin Pg Hj Ismail (Bilal Masjid Kg. Danau)	Di Masjid Kg. Danau, Tutong.
15.	Masjid Kg. Birau, Tutong	*Awg Hj Abd Mulok bin Hj Md Jaya (Imam Masjid Kg. Birau)	Di Masjid Kg. Birau, Tutong.
16.	Masjid Kg. Lamunin, Tutong	Awg Hj Noorazaleeta bin Hj Ratu (Imam Masjid Kg. Lamunin) Awg Hj Ahmad Daud bin Mohd Idris (Bilal Masjid Kg. Lamunin)	Di Masjid Kg. Lamunin, Tutong.
17.	Masjid RPN Kg. Bukit Beruang, Tutong	Awg Rosmadini bin Hj Md Yusof (Imam Masjid RPN Kg. Bukit Beruang) Awg Maksin bin Hj Mokhtar (Bilal Masjid RPN Kg. Bukit Beruang)	Di Masjid RPN Kg. Bukit Beruang, Tutong.

18.	Masjid Kg. Menengah dan Bukit Sulang, Tutong	Awg Hj Abd Nui bin Hassan (Imam Masjid Kg. Menengah dan Bukit Sulang)	Di Masjid Kg. Menengah dan Bukit Sulang, Tutong.
19.	Masjid Kg. Bukit Panggal, Tutong	*Ak Mohamad Fakhrin bin Pg Hj Dani (Imam Masjid Kg. Bukit Panggal) Awg Hj Hasnani bin Hj Talip (Bilal Masjid Kg. Bukit Panggal)	Di Masjid Kg. Bukit Panggal, Tutong.
20.	Masjid Abd Azim, Kg. Luagan Dudok, Tutong	*Awg Hj Kamaludin bin Hj Abd Rahman (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awg Omarali bin Hj Ahmad (Imam Masjid Abd Azim, Kg. Luagan Dudok)	Di Masjid Abd Azim, Kg. Luagan Dudok, Tutong.
21.	Masjid Kampong Bang Dalam / Biong, Tutong	Awg Hj Mohd Yusof bin Ahmad (Imam Masjid Kampong Bang Dalam / Biong)	Di Masjid Kampong Bang Dalam Tutong.
22.	Kawasan A.B.D.B, Tutong Kem	*Hj Mohamad Anndy @ Rafae bin Saile @ Sulaili (Imam Surau A.B.D.B Tutong Kem) Awg Hj Abu Bakar bin Hj Abd Rahman (Bilal Surau A.B.D.B Tutong Kem) Ustaz Ahmad Bakil bin Awang (Guru Agama)	Di Surau A.B.D.B, Tutong Kem, Tutong.
23.	Kawasan A.B.D.B Penanjong Kem, Tutong	*Awg Suhif bin Hj Abdullah (Imam Surau A.B.D.B Penanjong Kem) *Awg Md Sofri Al Jeferiah bin Yahya (Imam Surau Tutong Kem) Awg Hj Hosaini bin Hj Mokhtar (Guru Agama)	Di Surau A.B.D.B Penanjong Kem Tutong.
24.	Balai Bomba Pekan Tutong/Lamunin	Awg Hj Abd Khalek bin Hj Zubaidi (Ahli Bomba, Pekan Tutong)	Di Surau Balai Bomba, Tutong.
25.	Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong	Awg Hj Hammafi bin Hj Md Yassin (Imam Masjid Kg. Lubok Pulau) Awg Suhud bin Hj Razali (Bilal Masjid Kg. Lubok Pulau)	Di Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong.
26.	Masjid Kampong Bukit Udal, Tutong	Pg Su'eb bin Pg Momin (Imam Masjid Kg. Bukit Udal) Awg Hazman bin Hj Husain (Bilal Masjid Kg. Bukit Udal)	Di Masjid Kampong Bukit Udal, Tutong.
27.	Masjid Kampong Benutan, Tutong	Awang Hj Md Hairol Mazlan bin Hj Abd Razak (Pmk. Imam Masjid Kg. Benutan) *Awang Haji Mohd Akin bin Abdullah (Bilal Masjid Kg. Benutan)	Di Masjid Kampong Benutan, Tutong.
28.	Masjid Kampong Bukit, Tutong	Awang Mohd Ghazali bin Md Ariffin (Bilal Masjid Kg. Bukit)	Di Masjid Kampong Bukit, Tutong.
29.	Kampung Belabau, Tutong	Awang Hj Mohd Azley bin Hj Mohd Aliuddin (Pmk. Imam Surau Kg. Belabau)	Di Surau Kampung Belabau.
30.	Kawasan Balai Ibadat Hjh Aminah, Kg. Long Mayan, Tutong	Awang Mohd Eddy Sopian bin Abdullah (Bilal Balai Ibadat Hjh Aminah)	Di Balai Ibadat Hjh Aminah, Kg. Long Mayan, Tutong.

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TEMBURONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Kawasan Bangar 'A': a) Kawasan Pekan Bangar Baru, b) A.B.D.B Bangar Kem, c) Kg. Batang Tuau, d) Kg. Seri Tanjung Belayang, e) Barik Letrik, f) Kg. Samamang, g) Kg. Kinalong, h) Kg. Belingos.	*Awg Shamsudin bin Hj Azahari (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh) Awg Azry bin Hj Mohd Yusof (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh.
2.	Kawasan Bangar 'B': a) Kawasan Pekan Bangar, b) Barik Bomba, c) Kg. Sungai Tanam, d) Kg. Sungai Tanit, e) Kg. Menengah, f) Kg. Belayang.	*Awg Mohd Fuad bin bin Mohd Yusof (Bilal Masjid Utama Mohammad Salleh)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh.
3.	Kawasan Masjid Kg. Selangan: a) Kg. Selangan, b) Kg. Sumbiling, c) Kg. Belaban Baru, d) Kg. Sibulu.	Awg Hj Lisa bin Hj Tengah (Imam Masjid Kg. Selangan)	Di Masjid Kg. Selangan.
4.	Kawasan Masjid Kampong Batu Apoi: a) Kg. Batu Apoi, b) Kg. Negalang, c) Kg. Perpindahan Gadong.	Awg Hj Adam bin Hj Tengah (Imam Masjid Kg. Batu Apoi) Awg Norezam bin Hj Zaini (Imam Masjid Kg. Batu Apoi)	Di Masjid Kg. Batu Apoi.
5.	Kawasan Masjid Pengiran Hj Abu Bakar Kampong: a) Kg. Bokok, b) Kg. Rataie, c) Perpindahan Kg. Rataie, d) Kurnia Tanah Kg. Rataie, e) Kg. Meniup, f) Kg. Bakarut, g) Kg. Simbatang, h) Kg. Kenua, i) Kg. Lepong Lama, j) Kg. Lepong Baru.	Awg Mahdini bin Kamis (Imam Masjid Pengiran Hj Abu Bakar, Kg. Bokok) Awg Julai Adi bin Hj Baha (Imam Masjid Pengiran Hj Abu Bakar, Kg. Bokok)	Di Masjid Pengiran Hj Abu Bakar Kg. Bokok.
6.	Kawasan Masjid Kg. Belais: a) Kg. Belais, b) Kg. Buda-Buda.	*Awg Elde bin Hj Suhaifi (Pegawai Hal Ehwal Masjid)	Di Masjid Kg. Belais.
7.	Kawasan Masjid Kg. Labu Estate: a) Kg. Labu Estate, b) Kg. Senukoh, c) Kg. Piasau-Piasau.	Awg Hj Abd Halim bin Matsom (Guru Agama Terlatih)	Di Masjid Kg. Labu Estate.
8.	Kawasan Masjid Kampong Puni: a) Kg. Puni, b) Kg. Ujong Jalan.	Awg Mohd Aswad bin Hj Mohd Salleh (Imam Masjid Kg. Puni) Awang Hj Said Ahmad bin Hj Aliamat (Imam Masjid Kg. Puni)	Di Masjid Kg. Puni.
9.	Kawasan Kg. Semabat	Awg Maksin bin Mohd Karim (Bilal Balai Ibadat Kg. Semabat)	Di Balai Ibadat Kg. Semabat.
10.	Kawasan Kg. Sibut	Awg Al-Hussaini bin OKK Hj Nordin (Bilal Balai Ibadat Kg. Sibut)	Di Balai Ibadat Kg. Sibut.

* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut

Ahli-ahli jawatankuasa terima sijil penghargaan

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 10 Oktober. - Ahli-ahli Jawatankuasa Persembahan dan Penaja Persembahan Kebudayaan hari ini menerima sijil penghargaan di Majlis Penghargaan setelah selesainya persembahan kebudayaan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan selaku Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Sementara sehari sebelumnya, majlis yang sama juga telah diadakan



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang penaja. - Gambar oleh Ramli Tengah.

di Daerah Tutong yang disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib.

Menerima sijil penghargaan termasuklah ahli-ahli jawatankuasa dan para penaja yang berlangsung

di kediaman rasmi Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Juga dijemput termasuklah penuntut-penuntut sekolah yang terlibat sama di Majlis Ramah Mesra dan Kesyukuran sempena keberangkatan Pengantin

Pihak imigresen perlu meningkatkan prosedur kawalan sempadan

Oleh
Abdullah Asgar

GADONG, 11 Oktober. - Pihak berkuasa imigresen berperanan penting dalam memastikan keselamatan di rantau ini kerana mereka disifatkan sebagai pengawal pintu keluar masuk setiap negara-negara ASEAN.

Menurut Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, peranan pihak imigresen sekarang semakin bertambah dan menjadi penting terutamanya di tahun-tahun kebelakangan ini dengan bertambahnya jenayah rentas sempadan.

"Jenayah rentas sempadan sekarang tidak mengenal sempadan dan oleh

itu pihak berkuasa Imigresen ASEAN harus bekerjasama secara berterusan dalam meningkatkan dan memajukan kaedah-kaedah dan prosedur-prosedur seperti sistem kawalan sempadan bagi mengelakkan pencerobohan penjenayah ke dalam negara-negara ASEAN," jelasnya.

Beliau menegaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Ke-8 Bagi Ketua-ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Ketua Konsular Bahagian hal Ehwal Luar, Kementerian

Hal Ehwal Luar Negeri (DGICM 8) di sebuah hotel di sini.

Katanya, bertambahnya beberapa seminar, latihan serantau, informasi dan pertukaran pengalaman di samping bengkel-bengkel yang dikendalikan melalui kolaboratif negara-negara ASEAN sangatlah membanggakan dan diharapkan lebih banyak usaha seumpama itu akan dapat dilakukan di masa-masa akan datang.

"Kekukuhan di dalam ASEAN bergantung pada memelihara satu identiti bersama serantau dan berkongsi visi bagi masa depan," katanya.

Oleh itu, pandangan dan pertukaran pendapat di



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan berucap membuka rasmi DGICMS 8. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

dalam mesyuarat tersebut adalah signifikan dalam mencapai hasrat bersama dan objektif bagi keamanan, kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau, tambah Yang Dimuliakan.

Mesyuarat tiga hari itu dihadiri oleh semua negara-negara ASEAN dengan hasrat bagi menghalusi beberapa kelemahan yang mungkin terdapat dalam hal-ehwal imigresen di dalam ASEAN sendiri khususnya dengan meningkatnya jenayah rentas sempadan yang memerlukan pendekatan baru untuk mengatasinya.

Di samping itu mereka juga berbincang mengenai hal-ehwal konsular di kalangan anggota di mana beberapa kemajuan telah dicapai melalui semangat ASEAN.

Selain itu para ketua pihak berkuasa imigresen juga membincangkan pelan bagi mengimplementasikan Pelan Tindakan ASEAN bagi hal-hal imigresen yang mencakupi aspek-aspek kemudahan dan keselamatan.

Mereka juga akan berbincang mengenai masalah pendatang haram, jenayah rentas sempadan dan keganasan yang sekarang menjadi masalah global.

Al-Jihad juara Pertandingan Dikir

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 26 Oktober. - Kumpulan Dikir Al-Jihad yang mewakili Batalion Pertama Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB) menjuarai Pertandingan Dikir sempena sambutan Ulang Tahun ATDDB ke-43, di sini.

Pertandingan yang disertai oleh empat pasukan dan berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison, menyaksikan Pasukan Sahabul Bu'ri dari Batalion

Kedua ATDDB menduduki tempat kedua, sementara Pasukan Al-Hijarah dari Batalion Ketiga ATDDB di tempat ketiga.

Pemerintah ATDDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Juga hadir ialah Timbalan Pemerintah ATDDB dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan ATDDB.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bergambar kenangan bersama Ketua-ketua Pengarah Imigresen dan Ketua Konsular Bahagian Hal Ehwal Luar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (DGICMS 8). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

BSP sentiasa berperanan tingkatan pendidikan sains

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 12 Oktober. - Penasihat Hal Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Awang Haji Md. Zaini bin Haji Awang Omar berkata, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) akan sentiasa memainkan peranan dalam memperingkatkan pencapaian pendidikan sains di negara ini sama ada melalui sumbangan tajaan, tenaga, kepakaran dan buah fikiran.

Beliau menyatakan perkara tersebut di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Perkhemahan Sains Kebangsaan Ke-13 anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE) berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas di sini.

Menyentuh mengenai perkhemahan tersebut,

katanya, para peserta harus diberi pendedahan mengenai cara berfikir secara kreatif dan inovatif, di samping dapat menonjolkan potensi kepimpinan dalam diri masing-masing melalui penyertaan aktiviti yang dijalankan.

Perkhemahan Sains Kebangsaan yang disertai oleh penuntut peringkat atas dan buat pertama kalinya penyertaan sekolah rendah seluruh negara ini antara lain bertujuan untuk memberi pemahaman kepada setiap peserta bahawa bidang koku-rikulum dan bidang akademik adalah sama penting.

Selain itu perkhemahan

tersebut juga merupakan langkah ke arah memberi pendedahan kepada penuntut mengenai kegiatan pendidikan luar yang tersusun dalam usaha membentuk

generasi berguna pada masa depan.

Sepanjang perkhemahan itu dijalankan para peserta telah membuat pelbagai aktiviti seperti kajian

sains, elektronik, ceramah motivasi, kesedaran alam sekitar dan kesihatan serta pertandingan berkumpulan.

Para peserta yang me-

ngikuti perkhemahan adalah berdasarkan latar belakang penuntut yang mempunyai potensi kepimpinan dan pencapaian yang baik dalam bidang akademik.



PENASIHAT Hal Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Zaini menyampaikan sijil kepada peserta Perkhemahan Sains Kebangsaan Ke-13 (kiri), sementara gambar kanan, para penuntut yang menyertai Perkhemahan Sains Kebangsaan Ke-13 anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



Majlis Khatam Al-Quran di Istana Nurul Iman

Oleh
Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Oktober. - Majlis Bertadarus Al-Quran yang berlangsung sejak awal Ramadan di Istana Nurul Iman berakhir hari ini dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith yang bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Kemudian majlis diikuti dengan Majlis Khatam Al-Quran yang didahului oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, menyusul selepas itu bacaan tahlil yang dipimpin oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khattib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Bagi menyemarakkan lagi Majlis Khatam Al-Quran persembahan dikir disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid dan bagi memberikan majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Pengiran-pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Mantri-mantri Pedalaman dan Setiausaha-setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kerajaan.



MAJLIS Bertadarus Al-Quran di Istana Nurul Iman berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Penyertaan menghafaz meningkat 43 peratus

BERAKAS, 31 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain berkata, Pertandingan Menghafaz Al-Quran dan Surah-surah Pilihan tahun ini mendapat sambutan yang baik dengan menerima penyertaan yang ramai.

Jumlah penyertaan bagi

Pertandingan Menghafaz Al-Quran, katanya, meningkat 43 peratus iaitu sebanyak 275 orang berbanding dengan penyertaan pada tahun lalu sebanyak 157 orang.

Berucap dalam sembah alu-aluan di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini, Yang Berhormat menjelaskan bahawa peningkatan itu dapat dianggap sebagai satu gam-

baran bahawa semangat umat Islam di negara ini terutamanya kanak-kanak dan para remaja semakin meningkat dalam bidang menghafaz Al-Quran.

"Semoga dengan peningkatan ini akan terus menjadi budaya dalam pembacaan dan penghafazan Al-Quran yang tidak kendur-kendurnya dalam kehidupan sehari-hari," katanya.

Selain peningkatan penyertaan, Yang Berhormat juga telah menyatakan mengenai penambahan juz dalam pertandingan menghafaz iaitu kategori 'C' ditambah dua juz menjadi juz yang

Liputan Haji Ahat HI dan Aliddin HM

dihafaz dari juz 1 hingga juz 8 dan kategori 'D' juga ditambah dua juz menjadi juz yang dihafaz dari juz 1 hingga juz 18.

"Adalah diharapkan semoga peningkatan dan tambahan juz-juz itu akan berterusan di tahun-tahun akan datang, sehingga menuju kepada menghafaz keseluruhan ayat-ayat Al-Quran iaitu 30 juz. Ini akan menambah bilangan penghafaz-penghafaz Al-Quran di negara ini,"

jelasnya.

Menyentuh mengenai sumbangan pula, Yang Berhormat berkata, pihak swasta juga turut serta memberikan bantuan dan sumbangan terutama dalam bentuk material bagi pertandingan ini.

Syarikat Brunei Shell Petroleum, katanya, bermurah hati menyumbangkan hadiah wang tunai berjumlah \$10,000.00 bagi para pemenang dalam pertandingan ini. Bank Islam Brunei Berhad (IBB) menyumbang buku bertajuk 'Soal Jawab Dalam Perbankan Islam Bahagian 2' dan Bank Pembangunan

Islam Brunei Berhad (IDBB) juga turut menyumbang cenderamata untuk para hadirin di majlis itu.

"Sepanjang tahun 1425 Hijrah pihak swasta telah banyak melibatkan diri dalam memberikan sumbangan material bagi sama-sama memeriahkan lagi Majlis-majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam," katanya.

Yang Berhormat berharap, semoga Allah membentangkan usaha-usaha mereka dan memberikan mereka ganjaran yang berlipat ganda di atas amal-amal mereka yang berkebaikan.

Dari muka 1

Di majlis itu, Menteri Hal Ehwal Ugama juga meletakkan sijil di tempat yang dikhaskan bagi johan Pertandingan Landskap Daerah Temburong dan seterusnya menyaksikan sekitar kawalan landskap Masjid Kampong Belais serta menanam seponok pokok buah di kawasan masjid berkenaan.

Dari Masjid Kampong Belais, Yang Berhormat dan rombongan juga mengadakan lawatan ke Masjid Kampong Rataie, Balai Ibadat Kampong Sibut dan ke Rumah Bahagia Majlis Ugama Islam Brunei.

Terdahulu dari itu majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah diikuti persembahan berzanji oleh Pegawai-pegawai Masjid Daerah Temburong serta Majlis Bertahlil bagi Allahyarham Imam Haji Mohammad bin Serbini, bekas Imam Masjid Kampong Belais.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika membuat lawatan kerja ke Masjid Kampong Belais, Temburong. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Bermain mercun atau bahan letupan ditegah

GADONG, 20 Oktober. - Bersempena menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak bermain mercun atau bahan-bahan letupan kerana perbuatan tersebut adalah berbahaya dan boleh mendatangkan kecelakaan, bencana dan menyalahi dari segi undang-undang.

Menurut siaran akhbar PDB, kesalahan-kesalahan daripada perbuatan itu boleh dihukum di bawah akta negara ini seperti berikut:

Akta Ketenteraman Awam Penggal 48:

- Perbuatan mencampur bahan-bahan yang boleh dibuat untuk dijadikan bahan-bahan letupan adalah salah.

- Didapati membawa bahan-bahan letupan tanpa kebenaran adalah salah.

Akta Senjata Api dan Bahan-bahan Letupan, Penggal 58:

- Menjadi kesalahan memiliki senjata termasuk bedil meriam dan bahan-bahan letupan dan jenis-jenis bunga api yang telah diharamkan.

- Mengimport dan menjual tanpa lesen.

Akta Kesalahan Kecil Penggal 30:

- Sesiapa yang meletupkan mercun di tempat awam boleh dijatuhi hukuman denda \$250.00.

Selubungan dengan itu, syarikat-syarikat yang telah dibenarkan mengimport dan menjual bunga api berkenaan adalah diberi amaran supaya

tidak menjual bunga api yang tidak termasuk dalam senarai jenis bunga api dan bilangan yang dibenarkan oleh PDB.

Dalam usaha sama-sama menjaga keselamatan awam di bulan yang mulia ini, kerjasama daripada pihak syarikat-syarikat adalah sangat diharapkan supaya mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan demi mengelakkan sebarang peristiwa duka kepada orang ramai diakibatkan oleh penjualan-penjualan bedil dan bunga api yang tidak dibenarkan (membahayakan).

Pihak PDB menjelaskan, bunga-bunga api yang dibenarkan semestinya dijaga dan disimpan di tempat yang selamat dan kelalaian penjagaan akan menyebabkan kebakaran jika berlaku kebakaran.

Oleh yang demikian pihak PDB menasihatkan orang ramai supaya mengawal dan memata-matai anak-anak yang bermain bunga api bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Semasa bermain bunga api, janganlah ditujukan ke halaman rumah jiran kerana perkara itu boleh menyebabkan kemarahan jiran dan mungkin menyebabkan kejadian kebakaran.

Orang ramai juga diingatkan tidak membeli mercun dan bunga api dari negara jiran dan membawa masuk benda-benda berkenaan adalah salah dari segi undang-undang.

Penyelodupan masuknya mercun, bunga api dan bahan-bahan letupan adalah sama sekali ditegah.

چینتاکن نگارا برترسکن ایمان
CINTAKAN NEGARA BERTERASKAN IMAN

انسانا **ANEKA**

BILANGAN 44

RABU 3 NOVEMBER 2004

1425 ربيع 19 رمضان

PERCUMA

Program belia berniaga di bulan Ramadan

JINAKKAN BELIA TINGKAT EKONOMI

KE ARAH pembangunan bangsa dan negara, belia merupakan penggerak utama ke arah kemajuan dan perubahan kemajuan di masa hadapan.

Di bahu para belia terpicul tanggungjawab ke arah perubahan tersebut perlu diasuh dan dibekalkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan serta pengalaman yang bukan hanya untuk duniawi bahkan juga ukhrawi.

Malah keperibadian yang tinggi dan pengetahuan yang luas amat penting dalam menerajui kehidupan yang semakin mencabar yang menghendaki kehadiran para belia yang cemerlang.

Sebagai generasi harapan, belia perlu memandang ke hadapan dengan mempunyai wawasan yang cemerlang, keperibadian yang mulia dan menyiapkan diri dengan nilai kepimpinan yang bakal menjadi contoh dan ikutan bagi generasi di masa hadapan.

Namun dengan kedatangan bulan mubarak Ramadan pelbagai fadilat yang perlu untuk dimanfaatkan oleh belia di negara ini terutama dalam menimba pengalaman dan ilmu.

Salah satu peluang yang perlu dimanfaatkan oleh para belia adalah melalui pengukuhan ekonomi dengan menjinakkan diri dalam bidang perniagaan.

Keterlibatan para belia sejak akhir-akhir ini dalam bidang berkenaan tidak dapat disangkal, malah lebih menyertai dengan tibanya bulan puasa seperti kegiatan Gerai Ramadan Belia yang diadakan di sana sini.

OLEH ABU BAKAR HAR

Kesempatan berniaga yang penuh dengan hikmah perlu diselitkan dengan niat bersedekah yang mempunyai berkat dan ganjaran yang tersembunyi khususnya dalam menyediakan juadah berbuka puasa.

Dengan keterlibatan seumpama ini para belia tentunya akan merasakan kelebihan pendapatan atas usaha sendiri daripada bulan-bulan yang lain, di samping menimba lebih banyak pengalaman dan memberi kesempatan untuk berinteraksi bersama orang ramai.

Kawasan-kawasan seperti letak kereta Stadium Negara Hassanal Bolkiah mahupun di kawasan Pasar Gadong pastinya tidak asing lagi di negara ini dengan menampilkan ramai golongan belia dengan pelbagai cara untuk menarik pengunjung membeli barangan yang ditawarkan.

Langkah yang dimainkan oleh mereka tentunya akan dapat menimbulkan semangat ingin berusaha yang dimulai secara kecil-kecilan untuk mendapat pendedahan sekaligus mendapat saingan de-

ngan yang lebih berpengalaman dan tua dari mereka.

Melalui sokongan orang ramai berkunjung ke Gerai-gerai Ramadan Belia seolah-olah memberi suntikan semangat kepada para belia untuk terus berdikari sekalipun keuntungan yang diharapkan hari itu belum tentu sama seperti yang dihayati.

Perkara seumpama ini sudah menjadi adat berniaga, ada pasang dan surutnya malah telah menjadi asam garam dalam kehidupan kepada mereka yang menceburi bidang ini.

Menurut dua orang belia yang tidak mahu memperkenalkan diri, mereka mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan dengan menjual roti john dan kebab di kawasan lapang letak kereta berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara melalui kegembiraan atas usaha seperti itu.

Dengan perasaan malu seorang daripada mereka menjelaskan perniagaan mereka itu merupakan langkah permulaan yang didorong oleh rakan-rakan mereka, di samping menyatakan pengalaman pertama yang dianggap janggal apabila menerima kehadiran pengunjung pertama.

Katanya, pendapatan berniaga seumpama itu tidak menentu kadang laku dan sebaliknya, namun usaha seperti itu akan tetap diteruskan di masa akan datang dengan cara

yang lain pula.

Berbanding pula dengan pengalaman Awang Jamaluddin yang memenangi ayahnya menjual ikan bakar di kawasan letak kereta Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang sudah mempunyai pengalaman beberapa tahun.

Katanya, berniaga ikan bakar seperti itu walaupun tidak mempunyai banyak modal, namun pendapatannya jauh lebih baik dari dua belia tadi sekalipun mendapat saingan oleh beberapa buah gerai yang menjual menu yang sama.

Menurutnya, jualan mereka hampir setiap hari laris dibeli walaupun ada sesekali terpaksa dibawa pulang. Ini kerana, para pelanggan yang datang ke gerai mereka adalah pelanggan yang biasa mem-

beli di gerai mereka walaupun bukan di dalam bulan Ramadan di samping memberi harga yang istimewa kepada yang sudah biasa.

Manakala para pengunjung yang mengunjungi gerai seperti ini menyifatkan sebagai suatu kemudahan untuk berbelanja, selain berkesempatan menikmati beraneka jenis masakan dan makanan melalui bermacam rasa, di samping mempunyai banyak pilihan untuk memilih jenis juadah yang dikehendaki.

Namun dalam berbelanja dan memenuhi kehendak selera di bulan Ramadan, kita diingatkan supaya mengelakkan daripada melakukan pembaziran dan mengamalkan berjimat cermat, di samping memperbanyakkan sedekah.



KUNJUNGAN orang ramai ke Gerai Ramadan Belia memberi suntikan semangat para belia untuk terus berdikari.



PENGLIBATAN para belia di bidang perniagaan semakin meningkat, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan.

KESEMPATAN berniaga yang penuh dengan hikmah perlu diselitkan dengan niat bersedekah yang mempunyai berkat dan ganjaran yang tersembunyi khususnya dalam menyediakan juadah berbuka puasa.

ZIARAH-MENZIARAH DI BULAN SYAWAL

'Pupuk ukhuwah, eratkan silaturahmi'

AIDILFITRI akan disambut kurang dari dua minggu sahaja lagi. Umat Islam akan meraikannya sebagai tanda kemenangan setelah berjaya menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan.

Hari Raya Aidilfitri yang disambut bermula dari 1 Syawal setiap tahun itu mempunyai falsafah dan pengajaran yang cukup banyak kepada umat Islam dalam menjalani kehidupan bermasyarakat.

Dalam mensyukuri bergembira merayakan Aidilfitri, umat Islam tidak seharusnya lupa akan falsafah dan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Tanggungjawab kepada orang-orang yang berkecukupan tidak sepatutnya diabaikan. Pada masa yang sama Syawal juga dikenali sebagai bulan memupuk ukhuwah dan mengeratkan silaturahmi.

FOKUS kali ini akan membicarakan mengenai amalan menghidupkan sedekah dan ziarah-menziarahi khususnya sempena menyambut Hari Raya. Tidak syak lagi sambutan Aidilfitri akan dapat memupuk persefahaman dan perpaduan dalam masyarakat khususnya umat Islam.

ZAKAT FITRAH

Salah satu dari lima Rukun Islam yang diwajibkan kepada umat Islam ialah membayar zakat fitrah. Setiap umat Islam wajib membayar zakat fitrah untuk dirinya dan orang-orang yang di dalam tanggungannya menurut kadar yang ditentukan. Di negara kita, zakat fitrah biasanya dikeluarkan menggunakan wang menurut nilai makanan asasi di negara ini iaitu beras.

Tidak syak lagi kewajipan mengeluarkan zakat fitrah ini mempunyai tujuan dan pengajaran

yang cukup bermakna. Kita dapat melihat bahawa dalam ajaran Islam itu sememangnya wujud keadilan sosial serta konsep tolong-menolong dan bantu membantu sesama ummah. Telah ditentukan bahawa setiap harta yang kita miliki itu di dalamnya terdapat hak fakir miskin dan orang-orang yang berhak menerimanya.

Begitulah keindahan ajaran Islam yang syumul dan suci itu. Umat Islam sentiasa digalakkan untuk bersikap pemurah dan mengasihani. Kita harus mensyukuri kerana dikurniakan rezeki yang cukup serta kesihatan yang baik. Maka belanjakanlah sebahagian dari rezeki itu untuk membantu orang-orang yang susah dan memerlukan.

Betapa dalam kehidupan ini, terdapat golongan yang tidak berkemampuan seperti fakir miskin, anak-anak yatim, balu, orang yang kurang upaya dan seumpamanya. Golongan tersebut patut diberikan perhatian dan bantuan oleh masyarakat agar mereka dapat sama-sama merasakan nikmat kehidupan.

Menyentuh amalan bersedekah ini, Allah Subhanahu Wataala telah menjanjikan ganjaran pahala dan keberkatan. Kita tidak perlu khuatir bahawa wang atau harta yang disedekahkan itu akan berkurangan tetapi yakinlah Allah Subhanahu Wataala akan menggantikannya dengan mengurniakan kemurahan rezeki yang berlipat ganda.

Cuma yang sedikit dikesali ialah kurangnya penghayatan kitani selaku umat Islam terhadap kewajipan mengeluarkan zakat fitrah dan sedekah. Masih terdapat sebilangan umat Islam di negara ini yang berkemampuan dan mencukupi syarat

tidak mengeluarkan zakat harta termasuk zakat fitrah.

Seesetengah umat Islam tidak memberikan perhatian berat terhadap kewajiban tersebut. Terdapat umat Islam dengan mudah membelanjakan wang ringgit yang banyak untuk kemewahan, keselesaan dan keseronokan.

Sebagai contoh, sebilangan orang kitani akan berbelanja 'berhabis-habisan' untuk menyambut Hari Raya. Kelengkapan dan perhiasan rumah serta pakaian diganti dengan yang baru, begitu juga juadah disediakan pelbagai jenis tetapi zakat fitrah untuk diri dan keluarga langsung tidak ditunaikan.

Maka pada hari baik dan bulan baik ini samalah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan mengerjakan amal ibadah, menghulurkan sedekah dan berbuat kebajikan sebanyak yang boleh.

Kita renungkan bersama Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Nahl ayat 30 yang tafsirnya :

"Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi, dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertakwa."

Yang penting kita ingati dalam berbuat apa juga kebaikan itu ialah 'na'waitu' perlu bersih dan ikhlas. Bukan untuk menunjuk-nunjuk atau diungkit-ungkit. Membantu dan bersedekah perlu dilakukan dengan ikhlas mengikut yang termampu.

SILATURAHIM

Umat Islam sentiasa digalakkan mengeratkan silaturahmi bermula dengan ucapan salam, bertegur sapa, berbaik-berbaik, hormat-menghormati dan bantu-membantu di antara satu dengan yang lain. Sementara permusuhan

dan persengketaan sangat dilarang dalam Islam kerana ia membawa pelbagai musibah dan porak-peranda dalam masyarakat.

Islam menghendaki umatnya dan seluruh manusia sejagat supaya hidup dalam suasana aman, damai serta harmoni. Hanya dengan wujudnya keamanan dan keharmonian sahaja manusia dapat merasakan hidup bahagia, tenteram dan selesa.

Apa pun, dalam kehidupan ini masih terdapat persengketaan dan perselisihan faham di antara satu dengan yang lain. Umpamanya di antara suami isteri, kata orang 'sedangkan lidah lagi tergigit, ini kan pula suami isteri', antara anak dengan 'indung', adik-beradik, ipar-duai, sanak saudara, jiran tetangga, kawan-kawan, rakan sepejabat dan seumpamanya.

Dalam hal sedemikian, kita hendaklah secepatnya 'membuang' yang keruh dan mengambil yang jernih'. Adalah berdosa bagi seseorang Islam yang tidak bertegur sapa di antara satu dengan yang lain selama tiga hari.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfaal ayat 1 yang tafsirnya :

"Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu."

Dalam Surah Ali' Imran ayat 103 pula, Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya :

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu

orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikian Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya."

Jika sekiranya masih ada di antaranya kita yang masih bersengketa, maka eloklah berbaik-berbaik semula. Buatlah secepatnya pada bila-bila masa dan kalau tidak pun, amat 'bisai' dilakukan bersempena bulan Syawal dan Aidilfitri nanti.

Menjadi kelaziman masyarakat, setiap Hari Raya kita akan saling kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi di antara satu dengan yang lain. Maka gunakanlah kesempatan itu untuk memohon ampun atau sama-sama bermemaafkan. Lupakanlah segala sengketa, bersamalah mengeratkan silaturahmi dan memupuk persaudaraan.

Jangan lupa, dalam hal kunjung-mengunjungi dan maaf-bermaafkan itu kekal amalan 'yang tua, di tuakan dan dihormati, yang sebaya disayangi dan yang muda dikasihi'. Begitu juga dalam kegembiraan merayakan Aidilfitri, ajaran agama perlu dipatuhi, adat resam dan tatasusila murni bangsa jangan ditinggalkan.

UKHUWAH DAN PERPADUAN

Seperka lagi yang dapat dimanfaatkan sempena sambutan Hari Raya nanti ialah usaha memupuk ukhuwah dan perpaduan. Kita jadikan Hari Lebaran itu memupuk ukhuwah Islamiah. Kenal-mengenal dan berbaik-baiklah sesama umat Islam tanpa mengira bangsa dan asal keturunan.

Orang Islam itu bersaudara, mereka saling

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

memerlukan untuk sama-sama mengembangkan syiar Islam. Umat Islam perlu bersatu padu dan tolong-menolong tanpa mengenal bangsa dan warna kulit. Kita umpama anggota tubuh badan, jika satu anggota mengalami kesakitan, seluruh badan akan turut merasai sakit.

Dari Abi Musa Radiallahuanhu, beliau bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Muslim manakah yang lebih baik?"

Baginda menjawab: "Seorang Muslim iaitu orang yang membawa keselamatan Muslim yang lainnya kerana lidah dan perbuatan-nya."

Kita telah banyak membicarakan mengenai agama dan masyarakat Islam. Pada masa yang sama ada baiknya kita melihat manfaat Aidilfitri dalam konteks memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Tradisi kunjung-mengunjungi berhari raya ke rumah rakan-rakan dan sahabat handai yang menjadi kelaziman di kalangan masyarakat pelbagai bangsa dan puak di negara ini hendaklah diteruskan. Ia tidak syak lagi akan dapat membantu mengeratkan persefahaman dan perpaduan.

Masyarakat berbilang bangsa dan puak perlu mengenali dan memahami secara mendalam mengenai agama dan kepercayaan masing-masing. Perlu wujud kefahaman dan sikap saling hormat-menghormati di kalangan penganut pelbagai agama dan kepercayaan.

Rakyat dan penduduk negara ini harus menjadi contoh untuk menggambarkan bahawa masyarakat berbilang agama

dan bangsa boleh hidup harmoni dan sejahtera di bumi darussalam yang bertuah ini. Ke arah itu generasi muda harus didedahkan dengan budaya positif seperti itu.

Dalam kita saling kunjung-mengunjungi dan menjamu selera dengan hidangan dan juadah yang disediakan maka amalan menjaga 'hukum dan sensitiviti' ajaran dan kepercayaan masing-masing hendaklah sentiasa diberikan perhatian. Apa yang menggembirakan kita ialah masyarakat di negara ini cukup memahami 'hukum dan tatacara' tersebut.

Misalnya, jika kita berkunjung ke rumah rakan-rakan Tionghoa semasa Hari Raya Cina, mereka akan menghidangkan jaudah yang halal untuk dimakan oleh orang Islam. Biasanya jaudah akan diletakkan dari syarikat katering yang dimasak oleh orang Islam. Begitu jugalah halnya dengan rakan-rakan kita dari bangsa dan agama lain seperti Murut, Dusun, Iban, Kristian dan Hindu, mereka semuanya memahami keadaan tersebut.

Kita renungkan pula Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 13 yang tafsirnya :

"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)."

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan ucapan Selamat Menyambut Aidilfitri. Pohonkanlah keampunan dan kemaafan atas segala kesalahan, minta dihalalkan yang yang terlanjur dilakukan, semoga dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki.



DI SEPANJANG bulan Ramadan di samping mempertingkatkan amal ibadah di sebelah malam dengan menghadiri majlis-majlis keagamaan, sebahagian umat Islam mempergunakan bulan yang mubarak ini dengan menjalankan perniagaan pelbagai jenis makanan dan minuman di tempat-tempat yang dikhaskan. Gerai-gerai berkenaan yang kini lebih dikenali sebagai 'Gerai Ramadan' bukan sahaja menjadi tumpuan umat Islam bahkan masyarakat bukan Islam yang ingin menikmati pelbagai juadah berkenaan. Gambar kiri yang dirakamkan dalam tahun 1983 memperlihatkan suasana orang ramai berbelanja di gerai-gerai yang terdapat di kawasan bersebelahan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. - Sumber : Bahagian Fotografi, Jabatan Penerangan.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
(Bahagian Perancangan Pembangunan) Bahagian II

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Mengenal pasti tapak-tapak cadangan projek kerajaan dan swasta : a. Menerima sehingga mengenal pasti tapak dan mengedarkan cadangan tapak jabatan pengguna untuk ditetapkan b. Menerima persetujuan jabatan pengguna dan di- keliling kepada ahli-ahli	21 hari 3 minggu
2.	Pandangan dan ulasan bagi pengambilan balik tanah	3 minggu

* Tempoh masa adalah hari bekerja

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Ramadan adalah bulan yang mulia, bulan yang penuh dengan keberkatan. Sesiapa yang beramal ibadat di dalamnya akan mendapat pahala yang berlipat ganda. Di bulan ini berlaku berbagai-bagai peristiwa penting dan bersejarah, antaranya Kitab Suci Al-Quran diturunkan yang juga dikenali sebagai Nuzul Al-Quran. Al-Quran kitab yang agung lagi mulia sebagai panduan kepada umat Islam yang memimpin dan membawa petunjuk dan kebenaran kepada umat manusia.

Di dalam Al-Quran termaktub wahyu Allah Subhanahu Wataala sebagai panduan dan pedoman kepada manusia, kerana itulah umat Islam digalakkan supaya membaca Al-Quran, baik di kala senang atau pun susah, di kala gembira ataupun berduka, kerana ia amalan yang sangat mulia dan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda dan di akhirat nanti orang yang membaca Al-Quran itu akan mendapat syafaat (pertolongan) daripada bacaannya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Faathir ayat 29 yang tafsirnya:

"*Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Al-Quran dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurunkan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka dengan amalan yang demikian mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.*"

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"*Dari Abi Ummah Al-Bahiliyu berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang pada Hari Kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya.*" (Riwayat Al-Imam Muslim).

Untuk pengetahuan


para jemaah sekalian, pahala dan berkat bukan hanya akan diperolehi oleh mereka yang membaca Al-Quran, tetapi juga akan diperolehi oleh orang yang mendengar bacaan Al-Quran. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Araaf ayat 204 yang tafsirnya:

"*Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat.*"

Dalam hal ini, perlu diingat apabila Al-Quran dibacakan terutamanya di Majlis-majlis Peraduan Al-Quran, Tadarus Al-Quran, Khatam Al-Quran dan sebagainya, adalah elok kita diam dan mendengar bacaan Al-Quran agar kita dapat menghayati dan memahami maksud yang terkandung di dalamnya. Perbuatan sedemikian adalah dikira ibadat dan akan mendapat pahala dari Allah Subhanahu Wataala.

Orang yang membaca Al-Quran itu terbahagi kepada dua: Pertama, membaca Al-Quran tanpa mengetahui makna dan ertinya. Kedua, membacanya dan sekali gus memahami isinya. Namun demikian keistimewaan Al-Quran itu, sama ada kita baca dengan memahami ataupun tidak, ia tetap menjadi ibadat yang mendatangkan pahala. Akan tetapi, membaca Al-Quran dengan memahami isinya setentunya lebih berfaedah dan mendatangkan kesan kerana dapat menghayati nilai-nilai dan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran itu.

Al-Quran kitab agung, sebagai panduan dan petunjuk kebenaran kepada umat manusia



DI DALAM Al-Quran termaktub wahyu Allah Subhanahu Wataala sebagai panduan dan pedoman kepada manusia, kerana itulah umat Islam digalakkan supaya membaca Al-Quran, baik di kala senang ataupun susah, di kala gembira ataupun berduka, kerana ia amalan yang sangat mulia dan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda dan di akhirat nanti orang yang membaca Al-Quran itu akan mendapat syafaat (pertolongan) daripada bacaannya.

Al-Quran kitab yang cukup lengkap, mengajak manusia mentauhidkan Allah Subhanahu Wataala dan berakhlak mulia. Di dalamnya juga terdapat hukum-hukum dan peraturan melarang manusia berbuat perkara buruk dan keji. Oleh itu sesiapa yang berpegang dengannya akan selamat di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya Al-Quran itu adalah perlembagaan hidup bagi umat Islam.

Memandangkan kedudukan Al-Quran semulia-mulia kitab, maka wajiblah dihormati dan dimuliakan menurut apa yang telah diajarkan:

- Apabila menyentuh, memegang atau membawa (mengangkat) Al-Quran hendaklah dalam keadaan suci dan berwuduk.

- Tidak meletakkan Al-Quran di tempat yang tidak sepatutnya seperti berselerak di merata tempat sehingga terdedah kepada najis burung dan cicak.

- Al-Quran hendaklah diletakkan di tempat yang terhormat dan jangan diletakkan sesuatu apa pun di atasnya.

- Ketika membacanya diletakkan di atas sesuatu seperti riha, bukan di atas lantai.

- Jangan dijadikan Al-Quran sebagai bantal dan alat bersandar, dan apabila memberikannya kepada seseorang janganlah dilemparkan.

- Tidak meletakkan atau menyelit apa-apa benda di dalam Al-Quran.

- Hendaklah menulis ayat Al-Quran dengan tulisan yang cantik dan dilarang menulisnya di permukaan tanah.

Dalam kehidupan sehari-hari penuntut-penuntut sekolah adalah terdedah kepada kitab-kitab agama termasuk Al-Quran. Oleh itu, para guru dan ibu bapa hendaklah mengambil perhatian dan memahami anak-anak atau penuntut-penuntut cara menghormati dan memuliakan Al-Quran. Jangan sampai Al-Quran yang dimuatkan di dalam beg mereka diletakkan di atas lantai dan kusen kereta sehingga menjadi tempat bersandar dan lebih buruk lagi sehingga

terpijak dan dilangkahi.

Demi menjaga kesucian Al-Quran dan agama Islam, maka adalah menjadi kewajiban kita umat Islam supaya menjaga dan menghormati ayat-ayat Al-Quran yang ditulis pada surat-surat khabar, kad-kad jemputan atau semumpamanya. Janganlah dibuang atau dicampakkan di merata tempat dan dijadikan pembungkus barang, alas kaki, alas duduk dan sebagainya yang boleh menghina kemuliaan ayat Al-Quran.

Di samping kita memperkatakan tentang kesucian dan kelebihan Al-Quran, elok juga kita mengambil ingatan bahawa di bulan Ramadan ini terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan iaitu Lailatulqadar. Sebahagian besar ulama mengatakan bahawa Lailatulqadar itu berlaku pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Di antara sepuluh malam terakhir inilah dijangkakan berlakunya Lailatulqadar dan kemungkinan besar ia berlaku pada malam-malam ganjil iaitu sama ada pada malam ke 21 atau 23 atau 25 atau 27 atau 29, ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"*Dari Abi Salamah ia berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Carilah Lailatulqadar pada malam-malam yang ganjil pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan.*" (Riwayat Al-Imam Bukhari).

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Qadr ayat 1-5 yang tafsirnya:

"*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran pada Lailatulqadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang kebesaran Lailatulqadar itu? Lailatulqadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun Malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka kerana membawa segala perkara yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut. Sejahteralah malam yang berkat itu hingga terbit fajar.*"

وقت سمیعہ، امساك، شوروک دان ضحی

وقت ۲ سمیعہ، امساك، شوروک دان ضحی باگی دائره برونی دان موارا مولای دري هاري رابو، 19 رمضان، 1425 برسمان دغن
3 نوبمبر، 2004 هیفگ کهاري ثلاث، 25 رمضان، 1425 برسمان دغن 9 نوبمبر، 2004 اداله سفرت دباوه این :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروک	ضحی	مسیحی
رمضان									نوبمبر
19	12.05	3.26	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	3
20	12.05	3.26	6.02	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	4
21	12.05	3.26	6.02	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	5
22	12.05	3.26	6.02	7.14	4.37	4.47	6.05	6.30	6
23	12.06	3.26	6.02	7.14	4.37	4.47	6.06	6.30	7
24	12.06	3.26	6.02	7.14	4.37	4.47	6.06	6.30	8
25	12.06	3.27	6.02	7.14	4.37	4.47	6.06	6.30	9

وقت ۲ سمیعہ باگی دائره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دان دائره بلایت دتمبه تیگ مینیت، سمیعہ فرض جمعة دسلوروو نگارا برونی
دارالسلام دمولای دري فوکل 12.45 تفهاري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

MANA YANG LEBIH AFDAL BAGI ORANG MUSAFIR, BERPUASA ATAU BERBUKA?

MENURUT pandangan Imam Syafi'e dan sahabat-sahabatnya Rahimahumullahu Ta'ala Ajma'in, bahawa orang yang berpuasa boleh membuat pilihan sama ada berpuasa atau berbuka.

Persoalannya, mana yang lebih utama di antara berpuasa atau tidak berpuasa?

Dalam hal ini, seseorang itu boleh membuat penilaian sendiri dari aspek, adakah dengan berpuasa ketika dalam pelayaran memudaratkan dirinya atau tidak? Oleh itu, jika berpuasa boleh mendatangkan mudarat atau masyaqqah (kesusahan) ke atas dirinya, maka berbuka adalah lebih utama. Sebaliknya, jika berpuasa tidak mendatangkan mudarat atau kesusahan ke atas dirinya, maka berpuasa adalah lebih utama.

PERBEZAAN PERMULAAN HARI PUASA DAN HARI RAYA ANTARA SESEBUAH NEGERI

Bagi orang yang melakukan pelayaran dari sebuah negeri ke sebuah negeri lain yang mempunyai perbezaan mathla' (tempat terbit anak bulan), apabila dia sampai dan mendapati penduduk negeri yang dituju-nya itu:

i) Jika mereka berpuasa hendaklah dia mengikut berpuasa atau sekadar menahan diri.

ii) Jika penduduk negeri itu belum berpuasa (kerana anak bulan Ramadan tidak sabit dilihat) hendaklah dia mengikut tidak berpuasa.

iii) Jika mereka berhari raya hendaklah dia mengikut sama berhari raya (tidak berpuasa).

Untuk lebih jelas, diterangkan contoh-contoh kedudukan permasalahan di atas, seperti berikut:

i) Sekiranya seseorang membuat pelayaran dari Brunei pada 30 Syaaban dalam keadaan tidak berpuasa (disebabkan anak bulan Ramadan tidak sabit kelihatan di Brunei) menuju ke Singapura dan sampai pada hari yang sama, lalu dia dapati penduduknya sudah mulai berpuasa (disebabkan anak bulan Ramadan sabit kelihatan), maka dalam hal ini wajib ke atasnya menahan diri daripada makan, minum dan lain-lain perkara yang membatalkan puasa pada hari itu.

Jika dia masih berada di situ (di Singapura) sehingga Hari Raya, maka hendaklah diqada hari tersebut.

PUASA DAN PELAYARAN



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 192 Bahagian Akhir

Manakala jika dia balik ke Brunei sebelum Hari Raya dan dia berpuasa cukup bilangan seperti mana bilangan puasa penduduk di Brunei, maka tidaklah dikenakan qada.

ii) Jika seorang membuat pelayaran dari Brunei pada 1 Ramadan di mana anak bulan Ramadan telah kelihatan pada 29 Syaaban, menuju ke Singapura dan sampai pada hari yang sama, lalu dia dapati penduduknya belum lagi berpuasa disebabkan anak bulan Ramadan tidak kelihatan pada 29 Syaaban, maka dalam hal ini ada dua pendapat yang boleh dipilih:

a) Imam Ar-Ramli Rahimahullah Taala mengatakan, hendaklah dia berbuka sebagaimana keadaan penduduk di mana dia berada, dan tidak dikenakan qada satu hari yang dia berbuka itu, jika dia berpuasa bersama mereka sebanyak 29 hari.

b) Imam Ibnu Hajar Rahimahullah Taala mengatakan, tidak boleh baginya berbuka, kerana puasanya itu berdasarkan penglihatan anak bulan dengan yakin, maka tidak harus dia menyalahinya hanya dengan semata-mata

sampai ke suatu tempat yang lain yang mana anak bulan tidak kelihatan. Oleh itu dia hendaklah meneruskan puasanya itu.

iii) Sekiranya seseorang membuat pelayaran dari Brunei menuju ke Singapura pada 30 Ramadan, dan sampai di situ pada waktu malamnya. Apabila sampai di situ didapati penduduknya baru selesai berpuasa dua puluh sembilan hari dan akan berpuasa lagi keesokan harinya untuk menggenapkan bilangan tiga puluh hari (disebabkan anak bulan Syawal tidak sabit kelihatan). Dalam hal ini, menurut pendapat yang *ashah* (yang lebih sahih) hendaklah dia juga ikut berpuasa bersama penduduk negeri itu, kerana dengan kedatangannya ke negeri tersebut menjadikan dia sebahagian daripada penduduk negeri itu.

iv) Sekiranya seseorang membuat pelayaran dari Brunei pada 1 Syawal (Hari Raya Pertama) menuju ke Singapura. Apabila sampai di situ, dia dapati penduduknya masih berpuasa, maka dalam hal ini hendaklah dia menahan diri, kerana mengikut penduduk tempatan berpuasa, sungguhpun dia sudah berpuasa tiga puluh hari.

Perlu diingat, bahawa adalah wajib dia mengqada hari tersebut sekalipun dia telah berpuasa di Brunei sebanyak 30 hari, kerana dengan berada di negara tersebut dia telah menjadi salah seorang daripada penduduk negara tersebut.

v) Sekiranya seseorang membuat pelayaran dari Brunei pada 29 atau 30 Ramadan, menuju ke Singapura. Apabila sampai di Singapura dia dapati penduduknya sudah mula berhari raya (1

Syawal), maka dalam hal ini hendaklah dia ikut sama berbuka dan berhari raya.

Dalam pada itu, sekiranya bilangan puasanya hanya 28 hari sahaja, maka wajiblah diqada satu hari yang dia berbuka itu bagi mencukupkan bilangan 29 hari.

Sekiranya dia sudah berpuasa sebanyak 29 hari, maka tidaklah perlu diqada satu hari yang dia berbuka itu.

vi) Jika seseorang belayar pada 29 atau 30 Ramadan, dan dia dapati penduduk negeri yang dituju-nya itu sudah berhari raya (1 Syawal), kemudian balik semula pada hari yang sama sebelum sempat berbuka dan berhari raya bersama penduduk negeri yang dituju-nya itu, maka dalam hal ini sebagaimana menurut pendapat yang dicenderungi (al-muttajah), dia masih lagi dianggap berpuasa. (Fath al-'Allam 4/16-18).

PENUTUP

Keringanan berbuka puasa atau tidak berpuasa di bulan Ramadan bagi orang yang membuat pelayaran adalah satu nikmat dan rahmat yang besar yang patut disyukuri. Ia juga merupakan salah satu tanda yang menunjukkan bahawa Islam itu adalah agama yang tidak membebankan penganutnya dan sentiasa menghindarkan kesukaran atau kesulitan. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran." (Surah Al-Baqarah, ayat 185).

WALLAHUAKLAM

ZAKAT FITRAH

DARI Ibnu Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan zakat fitrah untuk membersihkan orang berpuasa dari segala perkataan-perkataan keji dan buruk yang ia lakukan dalam masa ia berpuasa dan untuk menjadi makanan kepada orang-orang yang miskin. (Riwayat Imam Abu Daud dan Ibnu Majah).

Zakat fitrah adalah suatu ibadah yang diwajibkan di bulan Ramadan dan merupakan salah satu faktor yang menyempurnakan ibadah puasa di mana sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan tetapi tidak mengeluarkan zakat fitrah maka ibadah puasanya itu akan menjadi sia-sia.

Kekayaan, kemewahan dan kesenangan hidup merupakan nikmat Allah Subhanahu Wataala ke atas hamba-hamba-Nya. Kekayaan dan kesenangan itu tidak diberikan kepada semua orang, ia hanya diberikan kepada orang-orang tertentu. Kesenangan dan kemewahan hidup melalui kurniaan harta yang banyak adalah semata-mata atas ihsan Allah Subhanahu Wataala iaitu pengurniaan nikmat di mana jika pemiliknya tidak bersyukur atas pengurniaan itu, maka harta yang banyak itu akan menyebabkannya menjadi lebih sesat. Oleh yang demikian, wajib seseorang yang dikurniakan Allah dengan kekayaan dan kesenangan mesyukuri nikmat terse-

but dengan cara mengeluarkan zakat fitrah di bulan Ramadan mengikut kadar yang ditentukan iaitu satu gantang menurut timbangan negeri kita dan ianya boleh dikeluarkan menurut nilai harga iaitu \$2.84 (Beras Wangi) \$1.93 (Beras Siam). Apabila zakat berfungsi dengan betul maka terdapat agihan harta di kalangan masyarakat di mana golongan miskin akan mendapat manfaat dengan kewujudan golongan kaya, dan golongan kaya pula akan mendapat manfaat doa orang-orang miskin.

Sesetengah kita merasakan bahawa apabila mengeluarkan zakat atau bersedekah maka akan mengurangkan harta kita, itu hanyalah pandangan lojik akal fikiran manusia yang bertentangan dengan hikmat Allah Subhanahu Wataala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang tafsirnya:

"Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan: 'Sesungguhnya jika kamu bersyukur pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu dan jika kamu meng-

ingkari (nikmat-Ku) maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih.'"

Harta itu sebenarnya tidak akan berkurangan bahkan semakin bertambah kemuliaannya sebagai kurnia daripada Allah Subhanahu Wataala, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tidaklah sesuatu pemberian itu mengurangi banyaknya harta dan Allah tidak akan menambahkan bagi seseorang itu akan sifat pengampunan-Nya melainkan (orang itu) akan bertambah pula kemuliaannya. Dan juga tidaklah seseorang itu merendahkan diri kerana mengharapkan keredaan Allah melainkan ia akan diangkat pula darjatnya oleh Allah Subhanahu Wataala." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sesiapa yang telah dianugerahkan harta oleh Allah Subhanahu Wataala tetapi tidak menaunkan zakatnya, maka pada Hari Kiamat hartanya akan diberi

متوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

"TIDAKLAH sesuatu pemberian itu mengurangi banyaknya harta dan Allah tidak akan menambahkan bagi seseorang itu akan sifat pengampunan-Nya melainkan (orang itu) akan bertambah pula kemuliaannya. Dan juga tidaklah seseorang itu merendahkan diri kerana mengharapkan keredaan Allah melainkan ia akan diangkat pula darjatnya oleh Allah Subhanahu Wataala."

rupa seekor ular syuja' kemudian ular itu akan dibiarkan membeli lehernya sebagai rantai. Maka ular itu akan menggigit mukanya dari depan dan akan berkata: 'Sayalah hartamu dan khazanahmu yang kamu telah jagu dengan teliti.' (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Oleh yang demikian dalam kita melakukan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan janganlah lupa akan tanggungjawab kita terhadap ibadah-ibadat yang lain khususnya mengeluarkan zakat fitrah pada waktunya, kerana dengan ketiadaannya maka puasa tidak akan sempurna dan menjadi sia-sia sahaja. Sama-samalah kita ingat-mengingati di antara satu sama lain bagi kesempurnaan ibadah yang kita kerjakan selama ini.

MINGGU sudah TEROPONG PELITA telah membicarakan isu sikap pemagut yang telah mencemarkan imej remaja masa kini. Rata-rata tuduhan perlakuan pugut dilontarkan kepada kaum remaja dan belia kerana keterdedahan mereka kepada gejala-gejala pengaruh luar yang kurang sesuai dengan adat dan budaya kita orang Melayu Brunei. Namun dalam isu kali ini TEROPONG PELITA akan membawakan satu dimensi isu yang lain pula iaitu mengenai isu berjimat-jimat dalam perbelanjaan khususnya di bulan Ramadan dan perayaan Aidilfitri yang bakal menjelang. Isu ini diketengahkan kerana menurut penelitian penulis, pada musim inilah penyata perbelanjaan masing-masing menunjukkan ketidakseimbangan malahan ada yang terlebih belanja.

Pada hakikatnya agama kita iaitu agama Islam melarang sama sekali bagi kita untuk bersifat boros dalam segala hal termasuklah berbelanja. Kita dinasihatkan agar berhemat dan 'kulimat' dalam segala hal kerana dengan demikian kita akan menjadi orang yang sentiasa ingat dan berwaspada sambil bersedia bagi satu-satu keadaan khususnya apabila mengalami masalah kewangan atau bekalan, seperti perumpamaan orang tua-tua kitani, 'biar cangkik jangan putus'. Sehingga agama Islam kita mengandaikan bahawa mereka yang memiliki sikap boros itu adalah sahabat kepada syaitan.

Pada penilaian penulis, sikap boros ini juga boleh menjadi punca kepada berlakunya gejala sosial yang tidak sihat. Apabila sikap ini sudah menular dan berakar umbi dalam sesebuah masyarakat, maka masyarakat berkenaan akan menjadi pincang dan lemah. Bayangkanlah jika kita sudah tidak punya wang. Segala pemikiran yang kurang elok dan jahat akan berlegar di fikiran kita, umpamanya mengambil jalan singkat seperti mencuri dan memeras serta mengugut untuk mendapatkan wang dan sebagainya. Perkara sedemikian boleh saja terjadi kerana desakan hidup yang memaksa kita untuk berbuat demikian.

Di bulan yang mubarak, bulan Ramadan inilah yang kita sering dapati orang-orang kita terlebih berbelanja. Ini jelas kerana apabila bulan Ramadan datang, ramai orang akan mengeluh mengenai kewangan. Ramai yang berkata bahawa di bulan Ramadan ini memerlukan kewangan yang cukup khususnya untuk membeli juadah dan apatah lagi untuk membeli persediaan perayaan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sikap sedemikian adalah bertentangan dengan anjuran dan ajaran Islam yang sebenar, khususnya dalam menyambut bulan Ramadan serta Hari Raya Aidilfitri. Kita seharusnya menyambut kedatangan bulan Ramadan dengan penuh syahdu dan semangat serta serba sederhana.

Jika kita fikirkan secara logikanya, bulan Ramadan inilah bulan yang sebenarnya bagi kita untuk melatih diri mengawal nafsu berbelanja apatah lagi nafsu makan. Apa tidaknya, kita tidak makan dan minum di siang hari serta melakukan perkara-perkara

BIJAK BERBELANJA DI MUSIM PERAYAAN

yang membatalkan puasa bulan Ramadan dan ini sudah menjimatkan wang kita. Kita 'bersungai' atau berbuka puasa pada waktu Maghrib hanya memakan sebahagian kecil makanan yang disediakan, sekali gus mengarahkan kita untuk hanya menyediakan makanan yang ala kadar saja dan tidak berlebihan. Memang kita tidak menafikan bahawa pada bulan Ramadan pelbagai juadah yang jarang dijual akan dijual. Tapi sedarlah kita bahawa di bulan Ramadan perjuangan menentang hawa nafsu adalah perjuangan yang maha hebat dan tinggi pahalanya. Namun apa yang kita alami adalah sebaliknya. Wang yang terhemat untuk perbelanjaan makan tengah hari tadi dipergunakan untuk membeli makanan atau benda lain. Pembelian juadah untuk bersungai pula sering melebihi daripada apa yang biasanya sehingga setelah berbuka dan sehingga keesokan harinya, banyak sisa makanan yang terbiar tidak dimakan dan terpaksa dibuang. Bukankah ini sifat membazir dan dilarang oleh agama Islam.

Gejala yang paling ketara sekali yang berakibat daripada masalah kewangan ialah menjadikan kita seorang yang suka berhutang. Sikap suka berhutang adalah satu sifat yang membebaskan bukan saja kepada diri sendiri tetapi kepada keluarga. Menurut penelitian penulis sikap berhutang telah menjadi satu budaya bagi orang

kita. Ini jelas apabila akhbar tempatan baru-baru ini telah menyiarkan mengenai isu ini di muka depan yang menyatakan bahawa peratus peminjam wang di bank-bank adalah meningkat. Menurut akhbar tersebut pinjaman-pinjaman peribadi sejak bulan Mac 2003 telah meningkat dengan mantap dari \$2,479 juta kepada \$3,621 juta pada bulan Jun tahun 2004. Pinjaman peribadi telah meningkat sebanyak 1.5 peratus dari \$3,567 juta pada bulan Mac 2004 kepada \$3,621 juta pada bulan Jun tahun 2004. Menurut akhbar berkenaan yang memetik 'Brunei Economic Bulletin' sebagai berkata bahawa 66 peratus daripada pinjaman berkenaan adalah terdiri daripada pinjaman-pinjaman peribadi yang telah dicatatkan pada bulan Jun 2004.

Menurut akhbar itu lagi, rata-rata mereka yang meminjam adalah kerana untuk biaya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri, membeli kereta, pinjaman gadai janji rumah, perbelanjaan berkahwin, komputer peribadi dan ada juga yang meminjam bagi tujuan biaya melancong. Budaya ini semakin menjadi-jadi berikutan kemudahan dan tarikan pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan yang berbagai-bagai dan kemampuan orang kita untuk membayar semula.

Apa pun tarikannya, yang penting ialah bagaimana sikap kita dalam menangani hal ini. Bulan Ramadan yang mubarak kita



KELOLAAN HAJI DAYANG HAJI KASSIM

juga dianjurkan banyak bermal dan membanyakkan bersedekah. Banyak cara bagi kita untuk menyelamatkan perbelanjaan kita dari sikap boros. Umpamanya saja di sekitar rumah kita. Kita bolehlah membeli pulih perabot-perabot yang masih dapat digunakan daripada membeli yang baru. Begitu juga dengan 'tabir' atau langsir. Jika ianya masih menarik dan sesuai dengan keadaan bilik tamu, biarlah ianya dipakai dulu. Permainan yang sudah kabur warnanya mungkin akan cerah kembali setelah dicuci. Kedudukan perabot, almari dan meja-meja serta hiasan boleh diubah-ubah supaya suasana perubahan dan keceriaan akan wujud.

Kita boleh juga cuba mengubah keadaan bilik tamu dengan membeli cat dan mengecatnya, yang mana akan lebih menyeronokkan keadaan yang nampak seperti baru. Perbelanjaan seumpama ini akan lebih menjimatkan jika dibandingkan dengan membeli kelengkapan baru yang mungkin akan memakan perbelanjaan yang agak tinggi. Keperluan untuk membeli sesuatu yang baru hanya akan kita gunakan apabila benar-benar perlu. Perlu diingat bahawa selepas sahaja menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri, sejumlah wang yang cukup besar juga

diperlukan untuk membiayai peralatan dan pakaian serta bayaran yuran sekolah anak-anak kita, sama ada yang baru bersekolah atau yang meneruskan persekolahan. Jangan sampai persediaan ke arah itu terganggu yang menyebabkan anak-anak kita tertinggal dalam persekolahan mereka.

Dengan yang demikian di bulan baik dan mubarak ini marilah kita meningkatkan azam dan semangat kita untuk berubah dari takuk yang lama kepada takuk yang baru. Mengubah sikap dan pendirian kita dari berbelanja boros kepada berbelanja dengan bijak. Marilah kita sama-sama merenung sejenak mengenai keadaan orang-orang yang di sekeliling kita yang tidak punya apa-apa. Bayangkanlah diri kita dalam keadaan mereka yang dalam keadaan kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Sehubungan dengan itu, marilah kita tanamkan sifat dan sikap berjimat dan berhemat kepada anak-anak dan generasi kita agar masa depan mereka lebih terjamin dan cemerlang. Bantulah diri kita dan masyarakat kita untuk menjadi sebuah masyarakat yang mandiri sepenuhnya. Marilah kita mendidik anak bangsa kita menjadi generasi yang berhemat dan berwawasan jauh.

BICARA IT

Ciri-ciri Wartawan Online

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat

Sumber: Kertas Kerja Profesor Madya Faridah Ibrahim, Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Kursus/Bengkel Penulisan Kewartawanan Berkesan (Jabatan Penerangan)

BICARA IT kali ini merupakan sambungan (dan terakhir) dari siri-siri Kewartawanan Online yang telah disiarkan pada minggu-minggu terdahulu. Semoga akan dapat memberi manfaat dan panduan kepada wartawan-wartawan Online di negara ini.

Dunia Kewartawanan umumnya memerlukan tenaga khusus dalam bidang media massa, komunikasi dan lain-lain bidang berkaitan. Namun apa yang ditekankan bagi wartawan era globalisasi ini ialah mereka mesti celik ilmu, celik budaya dan celik teknologi.

Tanpa ketiga-tiga faktor ini, mereka akan ketinggalan ke belakang kerana masa kini, siapa saja boleh jadi wartawan dan pembekal maklumat asalkan tahu menulis dan mahir komputer.

Berita dan maklumat yang boleh diperolehi dari internet terlalu banyak, ada yang merupakan benar, ada pula yang dimanipulasikan. Justeru tugas wartawan dalam mendapatkan maklumat, memproses dan menyampaikan maklumat serta berita sahih, menjadi semakin mencabar.

Asas dan prinsip kewartawanan yang menghendaki penulisan yang bernas, tepat, bertanggungjawab dan benar masih dituntut kerana orang ramai tetap pentingkan maklumat yang sahih.

Satu cara menghadapi keadaan ini ialah memberi prioriti kepada pendidikan dan latihan dalam bidang kewartawanan yang menitikberatkan aspek profesionalisme, tanggungjawab dan etika. Maka dalam dunia masa kini, wartawan perlu melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

Secara asas, wartawan online perlu memiliki ciri-ciri tertentu untuk berjaya dalam bidang ini, seperti:

- * Berkebolehan mendapatkan maklumat menerusi internet dan tahu enjin carian yang sesuai.
- * Berpengetahuan dalam mengendalikan komputer dengan baik.
- * Pantas menghasilkan berita untuk menepati konsep sebaran maklumat secara segera.
- * Berusaha menganalisis bahan berita dari aspek berlainan daripada media tradisional.
- * Berpengetahuan menulis secara bukan linear dan menyunting.
- * Berkeupayaan menghadapi tekanan kerja lebih kerana organisasi online 'dotcom' mempunyai tenaga kerja yang terhad.
- * Berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengendalikan kamera digital, peralatan video dan audio kerana maklumat Online pentingkan gabungan pelbagai elemen.
- * Bersifat inovatif dan kreatif serta berani berubah seiring perubahan pesat teknologi.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Sambut Aidilfitri seperti yang dituntut oleh ajaran Islam

AIDILFITRI selain Aidiladha adalah antara hari kebesaran Islam. Aidilfitri merupakan hari kemenangan bagi individu Islam yang telah berjaya menghadapi segala cubaan dan dugaan melawan kehendak nafsu dengan keimanan, ketabahan dan kesabaran sepanjang berpuasa di bulan Ramadan.

Sememangnya mengerjakan ibadah puasa selama sebulan dirasakan semakin berbaloi dengan ketibaan Aidilfitri. Di Aidilfitri kita disunatkan mengadakan jamuan terutama kepada golongan fakir miskin. Kita juga disunatkan berpakaian cantik dan baru. Islam tidak melarang kita menyambut ketibaan dan melakukan persiapan awal Aidilfitri asalkan kita mengamalkan sikap berjiwa cermat dan bersederhana.

Laungan 'elakkan pembaziran' sering diperkatakan dan kita sering diperingatkan mengenai. Dalam apa jua upacara atau majlis yang dikendalikan seperti dalam majlis perkahwinan mahupun sambutan Hari Raya, Islam menegah umatnya dari melakukan pembaziran.

Sesungguhnya, pembaziran amat merugikan diri sendiri dan boleh menyebabkan kita terjerumus dalam kesusahan. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Israa' ayat 27 yang tafsirnya: "Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya."

Dalam konteks masyarakat sekarang, ramai yang sedia maklum akan kesan buruk pembaziran itu. Sudah ramai yang pernah mengalami akibatnya, iaitu berdasarkan pengalaman-pengalaman lalu. Namun laungan

'elakkan pembaziran' masih saja tidak diendahkan. Apa yang nyata, pembaziran masih saja berlaku setiap kali tibanya Aidilfitri.

Mengapa pembaziran itu berlaku dan sukar dikikis? Untuk menjawab persoalan ini memaksa kita berpatah balik kepada sikap. Sikap sebilangan individu yang ego, mementingkan status dan suka bermegah-megah, menunjuk-nunjuk dengan perhiasan-perhiasan dan pakaian-pakaian baru dan mahal, kerap kali memaksa dirinya melupai tuntutan Islam. Individu tersebut adalah individu yang tidak suka tewas dalam perlumbaan 'siapa besar'.

Sikap menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah sudah menjadi amalan sebahagian daripada masyarakat kita. Ada yang merasakan kekuk jika tidak melakukan sebarang pembaziran apabila menyambut Aidilfitri.

Mereka akan dengan mudah mengatakan 'Hari Raya hanya setahun sekali'. Dari itu, perhiasan dan perabot seperti langsir, kerusi meja dan sebagainya yang masih elok dan boleh digunakan perlu digantikan dengan yang baru. Inilah sikap buruk sebilangan masyarakat kita. Sedangkan wang yang digunakan itu jika difikirkan boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lebih berfaedah.

Selain itu, aspek yang turut menjadi prioriti adalah sajian kuih-muih, makanan atau menu Aidilfitri. Saban tahun, terdapat sebilangan individu yang sanggup berhabisan membelanjakan wang yang banyak hanya semata-mata untuk membeli atau membuat kuih-muih beraneka macam. Malahan, sekarang aktiviti 'rumah terbuka' yang menyediakan pelbagai

jenis juadah Aidilfitri pula semakin dibudayakan. Walaupun kita tidak dilarang melakukannya, tetapi jika kita sudah terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang jauh dari kemampuan kita atas alasan tidak mahu ketinggalan dengan orang lain, sanggup mengadakan rumah terbuka berpanjangan dengan niat menunjuk-nunjuk, maka kita adalah tidak lain tergolong dalam golongan pemboros.

Kita sewajarnya menyambut Aidilfitri seperti

yang dituntut Islam. Pembaziran semestinya dilakukan kerana segala apa yang dilarang Islam itu ada kebenarannya dan adalah untuk kebaikan kita semua. Menyambut ketibaan Aidilfitri seelok-eloknya dibuat secara sederhana dan ala kadar sahaja.

Untuk mengelakkan pembaziran perlu ada perancangan, perbincangan dan perbelanjaan menyambungnya haruslah mengikut kemampuan diri sendiri. Janganlah kita sanggup berhabis-habisan apatah

lagi menjadi mangsa hutang hanya kerana tidak mahu ketinggalan dengan orang lain. Ingatlah, Aidilfitri hanya diraikan seketika saja. Ada yang penting adalah ketakwaan, keimanan dan keikhlasan kita kepada Ilahi.

MD. HUSSAIN bin Haji Mat Yassin,
No. 44D, Jambatan 6-11, Jeti 4, Kampong Bolkih A. BK 1125.
No. k/p : 00-275455

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Kunjung-Mengunjungi, Ziarah-Menziarahi Memupuk Perpaduan'. Tarikh tutup 3 November 2004.

2. 'Lakukan Aktiviti Berfaedah Di Musim Cuti Persekolahan'. Tarikh tutup 3 November 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

Elakkan berbelanja berlebihan

HARI Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan orang-orang Islam. Ia adalah lambang kemenangan, maka sewajarnya para Muslimin dan Muslimat bergembira menyambut hari lebaran sebagai tanda kesyukuran.

Bagaimanapun seringkali terjadi kealifan, kesilapan dan kewahaman. Dalam suasana yang penuh kegembiraan itu, para Muslimin seolah-olah lupa matlamat mereka menyambut Hari Raya. Hari Raya Aidilfitri seolah-olah bertukar apa menjadi pentas untuk bersuka ria dan pesta tempat bertemunya pelbagai dan seribu satu macam keolahsan dan sikap Muslimin yang jauh dari tuntutan ajaran Islam.

Sebelum menjelang Hari Raya, para Muslimin sudah sibuk membuat pelbagai persediaan untuk menyambut hari lebaran penuh bermakna itu. Bak kata orang 'kita semua mesti baru dan apa jua setahun sekali'. Baju baru, kerusi baru, tabir baru dan bermacam-macam lagi yang baru. Malah dalam saat-saat pendapatan yang genting itu ada juga yang sanggup membeli kereta baru untuk digunakan semasa Hari Raya. Dalam konteks semua baru itu-lah tanpa disedari terjadinya pembaziran. Bila sudah terjadi pembaziran bermakna ia sudah disedari terjadinya pembaziran. Bila sudah terjadi pembaziran bermakna ia sudah bertentangan dengan ajaran Islam. Membazir adalah sahabat syaitan, sedang syaitan itu adalah dilaknat Allah dan musuh Islam. Seandainya ini berlaku sudah tentulah kita tidak menurut ajaran Islam dalam kita bergembira menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Sewajarnya kita dapat mengawal nafsu dan diri dari berbelanja secara berlebihan. Puasa menajir kita sifat sabar dan

zuhud. Sesuatu yang sangat menghairankan ialah amalan berpuasa kelihatannya tidak dapat dipraktikkan sepenuhnya dalam kita menyambut Hari Raya Aidilfitri. Seolah-olah Ramadan dan Aidilfitri adalah dua garis sejajar yang tidak mempunyai hubungan langsung. Sebenarnya amalan berpuasa menyelimi semua aspek kehidupan bukan sahaja semasa Hari Raya Aidilfitri, malahan juga berguna dalam apa jua bentuk kehidupan kita.

Hari Raya Aidilfitri juga seakan-akan sudah menjadi satu 'trend' untuk menjemput sanak-saudara dan sahabat handai menjamu selera di rumah masing-masing. Konsep sekarang ia dipanggil sebagai rumah terbuka. Kita boleh bermaksud berfikir secara konservatif. Memanglah suasana tersebut sangat indah dan berupaya mengeratkan lagi persaudaraan dan tali silaturahmi. Bagaimanapun jika diselami, banyak antara ahli masyarakat kita yang kurang berkemampuan juga 'iski' untuk mengadakannya. Untuk mengadakan rumah terbuka mereka terpaksa menggunakan wang yang sebahagiannya untuk keperluan lain. Kadangkala ia menjejaskan perbelanjaan sekolah anak pada tahun mendatang. Senario seperti ini juga bukanlah tuntutan Islam. Islam itu mudah. Tidakkah perlu untuk kita menyeska diri sendiri semata-mata untuk mengadakan sesuatu yang sifatnya bukan wajib.

Kejelian yang ketara akhir-akhir ini, Hari Raya Aidilfitri juga sudah menjadi titik perituan mudamuda untuk keluar dan berjumpa bersama-sama. Halal dan haram diabaikan. Pakaian menjolok pandangan, seolah-olah Hari Raya Aidilfitri ialah pentas arena menunjukkan fesyen pakaian. Pergaulan nampak semakin kurang terkawal.

Muda-mudi berpelesenan ke mana-mana yang memungkinkannya terjadinya perkara yang melanggar ajaran Islam. Hari Raya Aidilfitri sebenarnya bukan pasport untuk keluar bersama-sama kawan sebagai tanda kesyukuran dan kemenangan kepada Allah.

Sewajarnya Hari Raya Aidilfitri disambut dengan penuh keimanan. Kita

gemakan takbir memuji-muji kebesaran Allah. Kita tunaikan Sembahyang Hari Raya beramai-ramai bagi menyemarakkan erti sebenar Hari Raya. Kita kunjungi ibu bapa dan sanak-saudara untuk memohon ampun dan maaf. Pergaulan perlu dijaga menurut batas-batas Islam. Kita menjamu selera ala kadar dan seadanya yang perlu tanpa mempunyai perasaan

membanding-bandingkan kehebatan semasa kita. Inilah sebenarnya Hari Raya Aidilfitri yang dituntut oleh ajaran Islam. Hari Raya Aidilfitri hari kemenangan kita melawan hawa nafsu.

Abdul Samat bin Banin,
No. 1, Simpang 255,
Kampong Sungai Tlong,
Jalan Madang, Muara.

Aidilfitri hari persaudaraan dan kegembiraan

DIDALAM perjuangan mengekang hawa nafsu sepanjang bulan Ramadan, Allah Subhanahu Wataala membalasnya dengan satu hari iaitu Hari Raya Aidilfitri ataupun Hari Raya Fitrah sebagai hadiah kemenangan kepada umat Islam. Maka adalah wajar ia disambut mengikut lunas-lunas yang telah digariskan oleh syarak.

Umat Islam disunatkan melautkan takbir apabila diumumkan anak bulan Syawal sabit dilihat. Hukum sunat ini berlarutan sehingga imam mengat takbirlah untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Takbir pada hari tersebut bukan hanya untuk memeriahkan suasana bahkan merupakan tanda kesyukuran umat Islam kepada kurniaan anugerah Allah Subhanahu Wataala. Selain ia juga merupakan perkara ibadah. Gajaran pahala akan diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala bagi umat Islam yang menghidupkan lagi malam Aidilfitri dengan perkara-perkara sunat seperti berzikir dan mengerjakan sembahyang terutama sembahyang Sunat Tasbeih kerana malam Aidilfitri adalah malam di antara malam-malam yang sunat dihidupkan serta ditakmirkan.

Bagi kaum lelaki disunatkan mandi iaitu berniat kerana kedatangan Aidilfitri pada Aidilfitri, memakai bawahan yang harum dan harum dan membersihkan diri serta memakai pakaian yang paling elok. Adalah juga disunatkan sebelum pergi ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Hari Raya memakan buah kurma dalam bilangan yang ganjil. Ini bersandarkan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Anas katanya:

"Adapun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak keluar (untuk Sembahyang Sunat Hari Raya) pada Hari Raya Fitrah sehingga Baginda makan beberapa biji kurma."

Menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya adalah perkara penting dan utama bagi menyambut kedatangan Hari Raya. Hal ini bersandarkan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari.

"Sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari (Hari Raya) ialah sembahyang."

Maka dengan yang demikian, perlulah agar semua umat Islam menunaikan sem-

bahyang Aidilfitri ini.

Aidilfitri juga adalah hari persaudaraan dan hari kegembiraan, maka di hari ini disunatkan sesama Islam mengucapkan tahniah serta mendoakan di antara satu dengan yang lain. Berhiber meraihan Aidilfitri berkesepakan ibadah sebagai melahirkan lambang syukur umat Islam kepada Allah Subhanahu Wataala. Maka sama-samalah kita hidupkan malam serta siang Aidilfitri dengan perkara yang disunatkan sama ada yang langsung dijelaskan oleh hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam atau secara ma'fumiyyah dituntut di dalam Islam berpandukan petunjuk Rasulullah. Mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bererti mencintai Allah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali-Imran ayat 31 yang tafsirnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad) jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daki nescaya Allah mengasihi kamu."

Norliza binti Ahmad,
Simpang 424, Blok 124,
No. 17E/A5, Perumahan Co-Gen, Kampong Sungai Bakong, Lumut, K.C 2935.
No. k/p : 30-207708.

MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Sambut Aidilfitri Seperti Yang Dituntut Oleh Ajaran Islam'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

REMAJA

GENERASI SIBER

OLEH H. A. MANAP

KITA sekarang berada di awal bulan November dan kita juga sedang berada di tengah-tengah bulan Ramadan. Hanya beberapa hari sahaja lagi Ramadan akan meninggalkan kita semua. Semogalah apa-apa yang terkandung di bulan yang penuh dengan keberkatan ini sama-sama kita peroleh. Kita yakin di saat ini masing-masing kita sedang sibuk untuk berlumba-lumba berusaha dan beriktikaf di masjid-masjid bagi mendapatkan peluang keemasan untuk memperoleh Lailatulqadar. Kita kuatkan iltizam semoga dengan kegigihan dan kesungguhan kita mencarinya, kita akan tergolong bersama dengan mereka yang mendapat keberkatan dan kemuliaan malam tersebut. Cubalah bayangkan kalau ditakdirkan kita memperolehnya, bukankah ia merupakan satu nikmat yang amat besar yang Allah kurniakan kepada hambanya yang benar-benar mengharap keredaan dan memperoleh malam keberkatan tersebut. Namun di dalam kesibukan dan kesungguhan kita berusaha di tengah-tengah malam dengan ibadat salat tahajjud, salat tasbeih, membaca Al-Quran dan berzikir yang disertai dengan ibadat lain, ada juga yang masih sibuk dengan soal-soal duniawi.

Kesibukan ini memang tidak dapat dielakkan kerana ia sudah menjadi ke-laziman sebahagian kita sebagai menjelang penghujung Ramadan, maka akan terdapat pelbagai aktiviti bagi menyambut kedatangan Syawal. Dulu sebelum dunia kita ini dipenuhi dengan perkembangan dan kemajuan teknologi canggih, lazimnya penghujung Ramadan ini akan dipenuhi dengan suasana menghan-tar dan menerima kad-kad Hari Raya, bagi mengganti diri untuk mengucapkan selamat dan kemaafan pada handai taulan, saudara mara yang jauh dan sebagainya. Namun perubahan mendadak yang kita tempuhi

telah merubah segalanya. Kemajuan teknologi masa kini juga telah merubah cara dan kaedah untuk menyatak sambutan dan perasian kita. Inilah cara kita sebagai generasi siber atau generasi Net masa kini.

Hubungan dan juga jaringan maklumat kini bertukar dan bergolak dalam masa yang begitu pantas dan beberapa detik dalam kehidupan kita. Maklumat di hujung jari bukan sahaja diperolehi dengan segera malahan ia betul-betul menjadi alat pemangkin ilmu yang begitu canggih dan kemaskini. Inilah kebesaran Allah Subhanahu Wataala yang telah menciptakan akal manusia untuk mewujudkan dan mencipta teknologi sedemikian rupa. Implikasi yang kita alami kini sudah mencorakkan kehidupan kita. Jari-jemari kini lebih berperanan untuk mengetik dan menentukan ke mana halaman maklumat yang ingin kita peroleh. Halaman demi halaman menjadi sebahagian dari jutaan informasi yang berligar di setiap ketika. Lantas wujudlah pelbagai kerehah maklumat dengan pelbagai unsur seperti misalnya positif dan negatif. Kalau kita melihat dari sudut positif, teknologi komputer dengan dunia siber, kini menjadi pemangkin ilmu dan pendidikan.

Kita dalam masa yang ter-

lalu singkat boleh sahaja mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan dengan hanya bermain jari-jemari untuk menari di atas jajaran huruf yang terbentang di depan komputer kita. Ketik dan pilih ke mana kita mahu, ia akan muncul sekelip mata di depan layar kaca komputer kita. Inilah adanya dunia yang sedang kita alami yang kita di dalamnya sebagai pemain, penonton, pelakon dan orang yang bertanggungjawab mewujudkan maklumat. Namun dari ratusan ribu maklumat yang ada tidak kurang pula maklumat yang berunsur negatif. Kesannya sangat mendalam dalam kehidupan kita. Misalnya sahaja generasi masa kini boleh sahaja menjadi penyebar maklumat yang meresahkan, kritikan dilemparkan tanpa batasan, nilai bahan maklumat ada kalanya memusnahkan kredibiliti dan wibawa seseorang. Pendeknya kini lebih mudah sebahagian dari kita menjadi penyebar fitnah yang tidak bertanggungjawab, penyalur maklumat yang mengelirukan, melakukan pembobohan fakta yang tidak bersesuaian dan banyak lagi yang akhirnya kita lah sebenarnya berperanan sebagai 'gate keeper'.

Kita perlu bertindak menggunakan akal dan fikiran yang ada lebih rasional

dan terarah. Jika ini kita lakukan, meskipun lambakan maklumat terpapar di setiap jaringan dan tapak halaman, ia tidak akan mudah mempengaruhi diri dan pemikiran kita. Namun jika tidak berhati-hati malahan lebih seronok berkunjung ke tapak halaman yang berunsur negatif dan tidak berfaedah, nescaya akan mudah daya fikir dipengaruhi oleh gejala negatif. Pemikiran yang dicemari oleh pelbagai fakta dan informasi yang tidak menguntungkan mungkin akan menjadikan kita sebagai generasi yang lembap dan tidak bermaya. Cuba bayangkan kalau asyik menerima bahan-bahan negatif dan tidak rasional, akhirnya apa yang ada hanyalah 'mind pollution' yang tidak menguntungkan. Justeru dunia siber yang kita alami sekarang sepatutnya menjadikan kita untuk lebih dewasa, matang dan berwibawa dalam bertindak dan membuat keputusan.

Kita perlu menggunakan akal dan pemikiran yang ada untuk menjadi orang yang pandai memanfaatkan ilmu dan pengetahuan melalui dunia siber yang serba canggih. Hari ini kita dibentangkan dengan pelbagai ham-paran maklumat entah besok mungkin akan ada lagi penemuan-penemuan terbaru yang akan menjadikan kita lebih terikat dan terpengaruh

dengan nilai-nilai yang dibawakannya. Jadi sebelum kita dibawa oleh arus perubahan sekeliling yang ada kita mesti melatih diri kita untuk mampu bertahan dan menapis setiap yang diterima. Tidak dapat dinafikan, generasi muda remajalah yang paling menerima kesan mendalam dari perubahan yang ada. Perubahan sosial juga kini berubah rentak dengan mengikut arus perubahan yang bergolak. Soalnya sekarang jangan kita biarkan kita hanyut dalam dunia siber yang serba mencabar ini. Malahan jadilah orang yang bijak dalam menggunakan dan bergerak dalam dunia siber yang ada. Biarkan kita jadi penentu maklumat dan bukan ajaran maklumat menentukan kita.

Kendatipun demikian pelbagai curahan dan bentangan maklumat kita temui, biar ia dijadikan sebagai sebahagian dari warna kehidupan yang menghiasi cara kita berfikir, bertindak dan berkehidupan. Lantas bermula dari sekarang dan seterusnya kita perlu mempersiapkan diri, agar kita mampu berdepan dengan perubahan demi perubahan yang akan mendatang. Semoga kita tidak akan menjadi generasi yang lemas dan tidak bermaya, sedang perubahan dunia sekeliling semakin 'gah' untuk berligar dalam ruang lingkup kehidupan kita.

Belia disaran libatkan dengan kegiatan keagamaan

Oleh Abu Bakar HAR

TUTONG, 21 Oktober. - Belia-belie adalah digalakkan untuk terlibat dengan aktiviti-aktiviti keagamaan terutama aktiviti masjid, di samping diberi kesedaran, mengenai peranan dalam urusan duniawi dan ukhrawi.

Perkara tersebut merupakan antara misi Program Belia-belie Bertadarus Al-Quran Bulan Ramadan, Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Majlis Belia Brunei.

Merebut ganjaran yang terdapat di bulan al-mubarak ini, seramai 100 orang belia termasuk para belia di sekitar Perpindahan Perumahan Bukit Beruang hadir di majlis tersebut yang berlangsung di Masjid Perpindahan Bukit Beruang di sini.

Antara yang hadir termasuklah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berserta beberapa pegawai yang lain.

Program keagamaan ini juga bertujuan mempertingkatkan hubungan kerjasama pelbagai agensi yang terbabit dengan pembangunan dan tarbiyah khususnya yang berkaitan dengan pembangunan belia.

Selain itu program tersebut juga bertujuan mengasuh belia mengenai kepentingan membaca dan menghayati Al-Quran sebagai pedoman dan panduan hidup.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 20 Oktober 2004

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 642

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 642,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 20 Oktober 2004

Muhamad Kamarul Rizam bin Untong,
 Sekolah Menengah PIHM, Serasa.
 Umur : 12 tahun

Azizan bin Aji,
 Maktab SOAS, BSB.
 Umur : 15 tahun

Muht. Afi Syahmi bin Sa'ad,
 Sekolah Persediaan Arab Beribi, Gadong.
 Umur : 13 tahun

Aspek-aspek utama perlu dikenal pasti dalam proses pengajaran dan pembelajaran

INTRODUKSI

SEBELUM seseorang guru itu memulakan pengajarannya, beberapa aspek utama perlu dititikberatkan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar serta diterima dengan mudah oleh murid.

Antara aspek-aspek tersebut ialah objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada murid, kaedah mengajar, penilaian, maklum balas dan sebagainya. Semua ini berfungsi sebagai penentu kejayaan seseorang guru dalam menyampaikan isi pelajaran dengan baik. Tanpa adanya perancangan yang sistematik, proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan dapat mencapai objektif yang hendak dituju.

Aspek-aspek ini juga diharap dapat mengubah tingkah laku murid melalui aktiviti pembelajaran seperti mendengar, membaca, menulis dan sebagainya. Oleh itu, sama-samalah kita perhatikan beberapa perkara yang sangat penting berlaku sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran.

DEFINISI PENGAJARAN

Dari segi pendidikan, pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang bertujuan untuk mengubah tingkah laku, sikap atau kepercayaan murid. Proses pengajaran melibatkan aktiviti-aktiviti seperti penghuraian, demonstrasi, penggunaan alat bantu mengajar, bersoal jawab dan sebagainya (Mok Soon Sang, 1993).

Menurut Robert Glasier (1962) dalam Mok Soon Sang, proses pengajaran meliputi empat komponen yang penting, seperti yang ditunjukkan di bawah ini:



Setiap proses pengajaran harus ada objektif pengajaran yang ditentukan dengan merujuk kepada pengetahuan yang telah diperolehi oleh murid dan kaedah mengajar yang dirancang dengan tujuan mencapai objektif pengajaran. Selain itu juga, aktiviti penilaian hendaklah diadakan seperti bersoal jawab, menguji dan pemerhatian untuk menentukan pencapaian dan objektif pengajaran. Berdasarkan kepada maklum balas yang didapati daripada aktiviti penilaian, guru boleh menentukan sama ada objektif pengajaran atau kaedah mengajar perlu diubah suai atau tidak (Mok Soon Sang, 1989).

Secara umum, proses pengajaran dari segi pendidikan boleh diringkaskan kepada tiga komponen yang penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian (Mok Soon Sang, 1993). Dalam komponen perancangan, objektif pelajaran, isi pelajaran, penentuan kebolehan sedia ada dan kaedah pengajaran akan diteliti sebelum berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Pendahuluan atau induksi set, alat bantu mengajar, aktiviti pembelajaran, strategi dan penutup adalah termasuk dalam komponen penyampaian. Manakala penilaian pencapaian, maklum balas dan tugas termasuk dalam komponen penilaian.

PERANCANGAN

Objektif Pelajaran

Objektif yang berkaitan dengan satu daripada komponen penting pembelajaran sama ada kognitif, efektif dan psikomotor. Objektif khusus memberikan tumpuan atau fokus kepada jenis pengetahuan atau kemahiran dalam mata pelajaran sejarah yang perlu dicapai, dikuasai atau ditunjukkan kepada murid. Objektif ini bertujuan supaya murid boleh menamakan, menyenaraikan, membanding, mengenal pasti, menyusun, memadam, menghurai, menilai dan sebagainya.

Isi Pelajaran

Isi pelajaran yang hendak disampaikan dalam proses pengajaran haruslah mengikut kurikulum yang boleh dipilih daripada buku teks. Dalam isi

OLEH AL-DEEB

pelajaran ini, dinyatakan segala fakta, konsep, prinsip, masalah dan maklumat yang hendak disampaikan (Rahil, Habibah & Kamariah, 1997). Isi pelajaran juga boleh ditambah yang disampaikan dalam bentuk aktiviti pengayaan, pemuliharaan atau pengukuhan (Mok Soon Sang, 1993).

Kebolehan Sedia Ada

Guru haruslah menentukan kebolehan murid yang sedia ada terlebih dahulu. Isi pelajaran baru yang hendak disampaikan mestilah disediakan berdasarkan kebolehan murid yang sedia ada. Dengan cara ini, barulah murid dapat belajar mengikut kebolehan masing-masing (Mok Soon Sang, 1993 : 194).

PENYAMPAIAN

Induksi Set

Proses induksi set ini dilakukan pada permulaan pelajaran untuk menarik dan menumpukan perhatian murid. Selain menarik perhatian murid dan menimbulkan minat belajar, induksi set juga boleh mewujudkan keadaan yang murid telah bersedia secara mental untuk belajar serta dapat mewujudkan suasana yang lebih kondusif untuk mencapai objektif pelajaran. Jika permulaan pengajaran dilakukan dengan berkesan, murid dengan lebih mudah lagi dapat memusatkan perhatian, berasa senorok untuk belajar, dapat mengimbas kembali pelajaran lepas yang berkaitan dengan pelajaran pada hari tersebut dan dapat mengaitkan pelajaran lepas dengan pelajaran yang baru (Rahil, Habibah & Kamariah, 1997).

Alat Bantu Mengajar (ABM)

ABM perlu diambil kira dan patut disediakan lebih awal sebelum pengajaran bermula. Penggunaan sesuatu alat biasanya mempunyai kaitan dengan isi pelajaran dan aktiviti pembelajaran. ABM yang digunakan dapat membantu guru menyampaikan isi pelajaran dan menggalakkan pembelajaran dengan lancar, aktif dan menarik (Abd. Rahim, 2000 : 46).

Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti pembelajaran murid perlu disusun dan dirancang dengan berkesan. Ia juga perlu melibatkan murid secara aktif sama ada dalam aktiviti berkumpulan atau individu (Mok Soon Sang, 1989). Sesi perbincangan, membaca, mendengar dan pelbagai aktiviti lagi harus diwujudkan sebagai strategi membina minat murid terhadap pembelajaran. Ada beberapa perkara yang patut diambil kira dalam merancang aktiviti pembelajaran iaitu:

- Aktiviti pembelajaran dipilih dan disusun supaya murid dapat belajar secara aktif.
- Ia perlu dirancang supaya memberi peluang kepada setiap murid dan juga bersesuaian mengikut kebolehan murid.
- Ia juga sewajarnya dapat menarik minat dan mengembangkan kemahiran tertentu murid (Abd. Rahim, 2000).

Strategi Penyampaian

Strategi penyampaian mencakupi kaedah dan teknik yang patut digunakan bagi sesuatu sesi penyampaian pengajaran. Pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai akan memastikan keberkesanan atau peningkatan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Guru perlu memastikan strategi yang dipilih adalah yang memusatkan murid dan melibatkan penyertaan murid sepenuhnya (Rahil, Habibah & Kamariah, 1997).

Penutup

Penutup pengajaran adalah tindakan guru untuk membawa sesuatu pelajaran ke penghujung. Penutup selalunya dilakukan dengan sesuatu pernyataan atau proses merumus atau menyatukan pelajaran dengan bantuan murid. Dari itu, penutup menjadi pelengkap pelajaran.

Secara am, penutup boleh digunakan untuk menyatukan dan mengukuhkan konsep atau prinsip yang dipelajari, mengakhiri aktiviti, menyusul filem atau rancangan tv, menutup proses inkuiri dan sebagainya. Kata-kata perangsang atau men-

beri galakan boleh meningkatkan harga diri dan semangat mencuba murid jika diaplikasikan sebagai penutup pengajaran (Rahil, Habibah & Kamariah, 1997 : 106).

PENILAIAN

Pencapaian

Perancangan penilaian untuk menilai kemajuan dan pencapaian murid bagi menentukan sama ada objektif pengajaran telah tercapai atau tidak, perlu dilakukan lebih awal. Di dalam bilik darjah, penilaian yang dilakukan kebanyakannya adalah penilaian formatif (Rahil, Habibah & Kamariah, 1997). Menilai kembali objektif pengajaran, merupakan satu cara yang paling mudah untuk memastikan keberkesanan pengajaran (Abd. Rahim, 2000).

Aktiviti penilaian ini boleh dilakukan melalui ujian formal atau ujian tidak formal, aktiviti soal jawab atau melalui pemerhatian ke atas aktiviti pembelajaran murid. Maklumat-maklumat yang didapati daripada penilaian ini akan dianalisis (Mok Soon Sang, 1993).

Maklum Balas

Aktiviti penganalisaan maklum balas melibatkan kajian terhadap pencapaian objektif pengajaran, kesesuaian strategi pengajaran pembelajaran, kesesuaian pemilihan isi pelajaran, keberkesanan penggunaan alat bantu mengajar dan sebagainya.

Semasa pengajaran, penilaian formatif yang dilakukan berterusan sepanjang pengajaran akan memberi maklum balas kepada guru akan tahap kesediaan murid, akan kemajuan murid atau pencapaian murid. Maklum balas yang diperolehi juga akan menentukan sama ada objektif yang telah disediakan boleh atau sudah tercapai. Maklum balas yang diterima guru perlulah dikaji dengan pantas agar dapat dilakukan pengubahsuaian yang wajar (Rahil, Habibah & Kamariah, 1997: 109).

Tugasan

Perancangan pelajaran yang baik biasanya mengutamakan gerak kerja susulan atau tugasan. Tugasan atau kerja rumah boleh diberikan bagi tujuan mengukuhkan kemahiran dan pengetahuan yang telah diikuti daripada sesuatu rancangan pengajaran di bilik darjah. Langkah ini dapat melatih murid supaya bersedia dengan pelajaran, memupuk cara belajar sendiri, bagi tujuan pengajaran dan diagnosis, iaitu mengatasi kelemahan murid dari segi penguasaan pengetahuan dan kemahiran tertentu (Abd. Rahim, 2000 : 47).

PROSES PEMBELAJARAN

Dalam proses pembelajaran sejarah, kefahaman terhadap sesuatu perkara akan meninggalkan kesan yang kekal kepada murid. Kefahaman ini ditakrifkan sebagai kebolehan atau daya memahami dengan sepenuhnya terhadap perkara yang dibaca atau dipelajari. Ini merupakan suatu proses mendapatkan pengertian daripada komunikasi, sama ada melalui lisan, tulisan

atau simbol tertentu yang merangkumi proses mental yang kompleks.

Pembelajaran Fakta

Pengetahuan sejarah yang amat penting adalah memahami fakta atau isi penting. Fakta juga merupakan idea yang perlu dikuasai dan difahami oleh murid. Pembelajaran di peringkat ini tidak setakat mengingat fakta tetapi yang penting adalah bagaimana fakta sejarah digunakan untuk membantu murid memahami sesuatu perkembangan sejarah dan mengaplikasikan fakta yang dipelajari kepada situasi tertentu khususnya di dalam bilik darjah (Abd. Rahim, 2000).

Kefahaman Konsep

Proses pembelajaran sejarah mengandungi banyak idea yang abstrak dan konsep yang kadangkala sukar difahami. Konsep ini amat penting untuk mencorakkan daya pemikiran dan membentuk daya intelektual murid. Murid tidak akan memahami sesuatu konsep jika tidak mengetahui maksud atau makna perkataan tertentu. Fakta mempunyai kaitan dengan konsep kerana fakta merupakan maklumat atau data yang membantu membentuk, membina dan mengembangkan sesuatu konsep (Abd. Rahim, 2000).

PENUTUP

Setelah diteliti secara terperinci, banyak aspek-aspek penting yang perlu ada semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu bilik darjah. Proses pengajaran melibatkan tiga fungsi utama iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian.

Pada peringkat perancangan, guru menentukan objektif pelajaran, isi pelajaran dan kebolehan sedia ada untuk disampaikan kepada murid. Objektif yang jelas, isi pelajaran mengikut urutan dan kebolehan yang sedia ada murid dapat membantu guru membimbing muridnya ke arah pengajaran yang berkesan.

Pada peringkat penyampaian pula, guru perlu memulakan dengan induksi set yang menarik perhatian dan minat murid, alat bantu mengajar yang boleh memberi kefahaman kepada murid, aktiviti pembelajaran yang berkesan, strategi penyampaian yang efektif serta penutup yang mengukuhkan lagi pengetahuan murid. Di samping aspek-aspek yang tersebut di atas, guru juga perlu memberikan pengalaman yang berguna atau 'gambaran' yang baik kepada murid agar dapat mengekalkan tumpuan dan minat murid terhadap pengajaran guru.

Dalam penilaian pula, ia boleh dilakukan sama ada sebelum, semasa dan sesudah sesi pengajaran guru. Tujuannya ialah untuk mengesan sejauh mana murid dapat menerima isi pelajaran yang diajarkan dan juga menilai keberkesanan pengajaran guru. Dengan penilaian yang sesuai, guru boleh menentukan sama ada objektif pengajarannya terdapat.

Manakala dalam proses pembelajaran pula, murid dikehendaki mempelajari fakta dan juga memahami konsep dalam sejarah. Ini kerana subjek Sejarah adalah sesuatu yang abstrak dan tidak boleh dipelajari dengan mudah. Kefahaman yang mendalam terhadap fakta dan konsep sejarah memberi peluang yang luas untuk murid mendalam bidang sejarah itu sendiri.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid, 1992. *Strategi Pengajaran Sejarah KBSM*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000. *Model dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang, 1989. *Psikologi, Strategi Pengajaran dan Penilaian Matematik*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang, 1993. *Pedagogi 2 : Strategi Pengajaran Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar, 1997. *Pedagogi 2 : Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Liputan
Aliddin HM dan
Siti Aishah HS
Gambar-gambar
oleh Hamadi HM

Anak-anak yatim lahirkan rasa gembira menerima derma

BERAKAS, 21 Oktober. - Sikap pemeduliaan terhadap anak yatim adalah perkara utama bagi mereka dengan mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak-pihak yang tertentu dalam membantu mereka untuk mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan yang sempurna agar menjadi generasi berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran.

Sehubungan itu, sempena bulan Ramadan yang mulia ini, keperluan anak-anak yatim tidak diping-

girkan, malah di sebalik kesibukan dalam membuat persediaan bagi menyambut Syawal yang akan menjelang tiba, pelbagai Majlis Penyampaian Sumbangan diadakan di seluruh negara bagi membantu mereka dalam persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan bagi menempuh alam persekolahan di tahun hadapan.

Sempena Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Seluruh Negara yang berlangsung di Pusat Persidangan

Antarabangsa baru-baru ini, wakil PELITA BRUNEI sempat menemui beberapa orang anak yatim yang hadir di majlis tersebut.

Menurut Dayang Siti Maryam binti Awang Haji Jaafar, berumur 12 tahun dari Kampung Pengkalan Gadong menyatakan bahawa melalui sumbangan derma tersebut, beliau akan membeli barang keperluan bagi persiapan Hari Raya nanti dan selebihnya akan menyimpan wang pemberian tersebut ke dalam bank.

Manakala bagi Dayang Esmawati binti Lamat, berumur 17 tahun berasal dari Kampung Lambak 'A' Berakas menyatakan dengan adanya majlis seperti itu, mereka tidak rasa dipinggirkan bahkan anak-anak yatim senasib beliau terus-menerus menerima sumbangan dari pelbagai pihak.

Beliau juga menyatakan Aidilfitri pada tahun ini hanya disambut secara sederhana dengan membuat sedikit sebanyak persiapan di samping membantu ibu membuat kerja rumah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.



PENYAMPAIAN sumbangan Skim Hadiah Galakan Pelajar-pelajar Cemerlang IBB Untuk Anak-anak Yatim 2004 disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah IBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad (atas dan bawah).



"Menabung duit sedikit-sedikit untuk keperluan masa hadapan, bahkan dapat juga menolong meringankan beban ibu dalam menanggung belanjaaan sekolah sehari-hari," jelas Awang Md. Rafi bin Haji Nasir, berumur 17 tahun dari Kampung Berakas 'A'.

Bagi Awang Muflihataullah @ Hibaturrahman bin Marzuki, berumur 10 tahun dari Kampung Lumapas pula melahirkan rasa kegembiraan kerana melalui sumbangan peralatan sekolah yang diberikan, beliau mendapat segala peralatan sekolah serba baru dan dengan pemberian tersebut akan mendorong beliau untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dalam bidang pelajaran.

Melalui sumbangan-sumbangan dan derma-derma yang telah diberikan, jelas menunjukkan bahawa hal-ehwal golongan yang bernasib baik seperti anak-anak yatim di negara ini juga diberi perhatian berat untuk mereka terus kekal menghadapi kehidupan, di samping menjadikan mereka sebagai sebahagian dari generasi berpendidikan cemerlang untuk kepentingan pembangunan negara jua.



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan derma dari Tabung Anak-anak Yatim kepada seorang pegawai yang mewakili sebuah daerah.



ISTERI Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan derma kepada anak-anak yatim Daerah Brunei dan Muara.



RASA bersyukur melalui perhatian yang berterusan oleh pelbagai pihak ... Dayang Esmawati binti Lamat, berumur 17 tahun berasal dari Kampung Lambak 'A' Berakas.



DAYANG Siti Maryam binti Awang Haji Jaafar, berumur 12 tahun dari Kampung Pengkalan Gadong.



MENABUNG duit sedikit-sedikit untuk keperluan masa hadapan ... Awang Mohd. Rafi bin Haji Nasir.



AWANG Muflihataullah @ Hibaturrahman bin Marzuki, berumur 10 tahun dari Kampung Lumapas.

SIRI MINDA KREATIF

JUAL DAN JADIKAN IDEA AWDA SENDIRI ATAU IDEA ORANG LAIN
SEBAGAI (BAHAN) KOMODITI MAKLUMAT

MUNGKIN selama ini awda tidak pernah memikirkan atau mengetahui bahawa apa yang awda miliki dan ketahui sebenarnya merupakan harta atau aset utama di dalam hidup awda. Perkara tersebut mungkin mengenai pengetahuan awda, pelajaran awda, kemahiran awda kerana tiap-tiap orang memiliki kemahiran tersendiri. Ianya juga mungkin mengenai hobi, seperti berbasikal, menonton, bersiar, mengumpul setem, memancing, menyanyi, dan seumpamanya. Pengetahuan pula mungkin mengenai jahitan, membaiki kereta, cuci kereta, membaiki peralatan elektronik, menggunakan komputer, menaip dan sebagainya.

Dengan memiliki semua ini, jika diolah dengan betul tidak mustahil awda boleh menjadi kaya pada suatu hari nanti atau awda mungkin akan menjadi seorang jutawan kerana semua itu merupakan sumber emas yang sudah ada dalam diri awda yang masih belum digali lagi. Maknanya awda tidak perlu lagi terkejar-kejar kesana-kemari untuk mencari benda yang awda sendiri belum pasti sebaliknya jika awda mahu menyedilidiki apa apa yang awda ketahui ia boleh menjadi telaga emas. Bagaimanakah caranya untuk menggalikan emas dan membina kekayaan dari dalam diri yang sudah sedia ada itu?

Dengan itu eloklah awda membuka fikiran dan 'minda' awda terlebih dahulu sebelum awda pergi lebih jauh lagi. Dapatkan FAKTA dan CONTOH bagaimana 'ramai orang yang telah mencipta kekayaan melalui apa yang mereka ada dan ketahui'. Tanpa perlu membuang masa lagi cuba lihat kepada kerjaya seorang konsultan atau penasihat kewangan, perniagaan, kerjaya, kesihatan, peribadi dan lain-lain lagi. Penasihat perniagaan misalnya memberi khidmat nasihat mengenai cara memulakan perniagaan, memilih jenis perniagaan, mencari nama perniagaan, cara memasarkan produk dan sebagainya. Agensi perkhidmatan kewangan, mereka hanya menjadi agen penyelesaian masalah orang lain.

Begitu juga penasihat atau perunding kerjaya yang mengajar awda cara memohon pekerjaan, menghadapi temu duga, mereka mengadakan kursus dan seminar dengan mengenakan bayaran tertentu bergantung kepada jenis kerja. Doktor dan peguam juga begitu, mereka cuba menyelesaikan masalah orang lain melalui khidmat nasihat mengenai kesihatan, ubat-ubatan, rawatan dan bagi seorang peguam pula mereka memberi khidmat mengenai cara membuat perjanjian jual beli, pinjaman, wasiat kematian mengenai harta dan lain-lain. Malah para tabib dan tukang urut, refleksiologi, dukun dan bomoh dan pengamal perubatan Islam, tradisional atau moden, juga adalah bertindak sebagai PENYELESAI MASALAH dan PEMBERI MAKLUMAT. Ya! Mereka semua mengenakan bayaran, melalui khidmat dan maklumat yang mereka berikan.

Marilah kita lihat pula kepada majalah-majalah yang tajuknya beribu-ribu jenis, akhbar harian dan

Cetusan minda Ummi Salmah

mingguan yang menerbitkan berbagai isu dan cerita. Stesen televisyen dan radio yang berbagai jenis, mereka menyiarkan berbagai rancangan, berita, rencana, iklan-iklan dan lain-lain. Pakar motivasi memberi nasihat mengenai pengurusan masa dan kerjaya, semua bidang ini adalah orang yang boleh membuat wang. Bagaimanakah mereka melakukannya? Mereka adalah ejen 'PEMBERI MAKLUMAT', mereka telah belajar mengenai kerjaya mereka sebelumnya. Kemudian mereka mencipta kekayaan melaluinya.

Mentor saya, Saudara Mohd. Hamidin Salihin juga telah membina kerjayanya dan telah memperoleh pendapatan yang sangat lumayan dengan menjadi EJEN MAKLUMAT tetapi dengan cara yang lebih mudah dan tidak perlu memiliki pejabat atau apartmen syarikat, tidak perlu menemui pelanggan atau bercakap dengan mereka. Sistem ini mempunyai cara yang lebih mudah dan menguntungkan dengan MENJUAL MAKLUMAT yang mudah dari rumah. Setiap hari kita menggunakan maklumat di dalam kehidupan, tanpanya kita tidak akan dapat menikmati kehidupan yang sempurna. Contohnya jika seorang petani hanya mahu menggunakan cara lama sahaja untuk bertani tanpa mahu mencari kaedah dan pengetahuan baru, maka dia bukan sahaja akan ketinggalan dari segi pendapatan malah dia

juga akan semakin kurang tenaga dan upaya kerana kekurangan tenaga lantaran cabaran usia yang semakin meningkat dan akan menjejaskan produktiviti. Sebaliknya jika dia mencari pengetahuan dan menggunakan kaedah pertanian baru dan moden sudah pasti dia akan memperoleh pendapatan berlipat kali ganda dan masih mempunyai masa yang banyak di samping tenaga yang tetap stabil.

Setelah menyedari hakikat industri MAKLUMAT sangat penting dan mempunyai ramai pelanggan. Sebab itulah saya menceburi bidang 'ejen dan penyulur MAKLUMAT' ini secara sampingan dahulu dan akan tiba masanya saya akan berundur diri daripada 'berkerja dengan orang lain' yang selama ini MEMBELENGGU saya 'sentiasa dalam suasana TEKANAN KERJA dan STRESS' kerana kerena BOSS (Boss Always Right) dan JOB (Just Obey Boss/Just Over Broke). Apa lagi kita tidak tersenarai dalam 'KRONI' BOSS di pejabat. Kita dilayan seperti 'peminta sedekah' dan disingkirkan 'tanpa keadilan'. Tanpa 'rela' atau 'rela paksa' kita terpaksa terus 'makan gaji' dan menjadi 'banduan kerjaya' (POW) Prisoner Of Work!

Industri perniagaan di rumah ini amat mudah dan praktikal, di mana kita hanya menjadi PENYEDIA MAKLUMAT kepada sesiapa sahaja yang berminat, salah satu maklumat yang saya edarkan

BEKERJA BIJAK

(WORK SMART)

ialah MAKLUMAT SEPERTI yang ada di tangan awda sekarang. Iaitu 'MENEBITKAN BUKU' berupa 'RAHSIA SISTEM KEWANGAN 'WORK SMART'. Biang Penulisan adalah bakat dan minat saya. Dan IMPIAN serta FOKUS saya sekarang ialah MENJADIKANNYA 'INTELLECTUAL PROPERTY' yang AMAT BERHARGA bagi saya untuk dijadikan sebagai MODAL UTAMA saya dalam INDUSTRI PERUSAHAAN MAKLUMAT dan BEKERJA DI RUMAH!

Dulu saya juga PEMBURU MAKLUMAT seperti ini. Dengan menjual idea awda, idea orang lain, menjadikannya MAKLUMAT BERHARGA dan BERKUALITI, awda PASTI BOLEH memperoleh pendapatan yang SANGAT BESAR DAN LUMAYAN seperti yang saya lakukan sekarang. Saya benar-benar merasakan KEHEBATAN DIRI SAYA ... SAYA SENGUH MERASA PUAS BEKERJA SENDIRI ... DI RUMAH SENDIRI ...

MASA itu 'EMAS'

Tidak ada jalan pintas dan mudah di dunia ini untuk berjaya, tetapi awda boleh mengikuti jalan dan pertunjuk daripada orang-orang yang telah berjaya, di mana awda tidak perlu membuang masa sukar seperti yang pernah mereka lalui dahulu. Adalah suatu hakikat bahawa di dalam perjalanan ke destinasi kejayaan dan kekayaan, awda akan menempuh pelbagai rintangan dan cabaran. Awda, saya dan semua orang pasti pernah merasakannya. Cuma jenis dan caranya saja berbeza. Sebagai contoh, ketika mula mengayuh basikal, terasa berat dan banyak tenaga digunakan, kadangkala kita rebah dan mendapat luka. Tetapi apabila basikal telah mula meluncur di jalan raya, kita hanya mengayuh de-

ngan sedikit tenaga dan basikal bergerak ringan dan pantas, maka mudahlah kita mengawalinya untuk menuju destinasi.

Demikian juga kereta, kapal laut, kapal terbang ... bermula dengan kepayahan dan apabila berhasil perjalanan jadi lancar dan laju. Begitu pula usaha kita ke arah meraih kejayaan dan kebebasan wang serta masa, pada mulanya kita bersusah payah, cabaran bukan kepalang, tetapi setelah kita berpengalaman dan mahir segalanya seperti 'makan kacang goreng'. Demikian dalam usaha PENYEBAR & EJEN MAKLUMAT ini. Kita bersabar, tawakal, istiqamah (konsisten), 'tidak berhenti di tengah jalan', awda akan menemukan jalan keluar dan menikmati usaha awda.

Saya sangat terkesan dengan Cerita Rakyat 'Perlumbaan Arnab dan Kura-kura'. Watak arnab yang agresif, 'ego', angkuh, pendek akal, membuatnya mudah 'ngalil', 'lelah' dan 'hilang daya tahan', akhirnya ia 'jenuh' dan 'tertidur lena' di tengah jalan. Sementara watak Arnab, yang 'rendah hati', 'cool', 'releaks', 'percaya diri', matlamat dan fokus untuk selamat sampai sahaja, walau lambat asal selamat, akhirnya berjaya menamatkan perlumbaan dan berjaya.

"I Walk Slowly But I Never Walk Backward." - Abraham Lincoln.

Tetapi biasanya rintangan yang paling besar adalah datangnya dari diri kita sendiri. Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ketika seorang sahabat mengatakan, sewaktu pulang dari Peperangan Badar:

"Sesungguhnya Peperangan Badar ini Jihad yang amat besar!", disangkal oleh Baginda: "Bukan! Jihad yang paling besar ialah Jihaadun Nafs." Iaitu Jihad melawan hawa nafsu kita, kerana kita berjuang dan berjihad untuk menundukkannya setiap waktu dalam hidup kita. Pergelutan antara Nafsu Ammarah (jahat) dengan Nafsu Almutmainnah sentiasa berperang mengarah dan menghalang kita daripada melakukan maksiat atau kebaikan.

Sikap kita adalah musuh dan kawan kita. Jika sikap kita positif kehidupan kita membawa rahmat. Jika sikap kita negatif kehidupan kita menjadi laknat. Seperti bila telah nampak terang-jelas akan peluang yang diberikan, kita suka ber-

tangguh, mahu mencari masa yang sesuai, suka mendengar cakap orang gagal dan melayani sikap malas. Kita asyik memberi alasan, orang melakukan meraih pendapatan dan kejayaan.

Firman Allah Taala, dalam Surah Al-Asr, ayat 1 hingga 3, tafsirnya:

"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat menasihati supaya menaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran."

Pepatah Melayu ada menyatakan bahawa 'Masa itu Emas'. Malah nilai masa itu melebihi nilai emas.

"Satu minit di masa depan lebih berharga dari seribu tahun yang telah lampau. Terlewat satu minit kadang-kadang tidak dapat dikejar dengan seribu tahun. Kelalaian sesaat mungkin merugikan buat selama-lamanya." - Pujangga.

Harta yang paling berharga dikurniakan Allah kepada hamba-hambanya ialah 'NIKMAT MASA'. Iaitu masa 24 jam sehari semalam. Belum pernah didengar bahawa ada manusia di planet bumi ini memiliki masa lebih dari 24 jam. Tetapi yang anehnya, masih ramai orang mendakwa bahawa mereka tidak memiliki masa yang mencukupi sedangkan masa yang dimilikinya juga sama-sama banyak dengan orang lain. Tetapi mengapa orang lain boleh hidup berjaya dan memiliki kekayaan sedangkan orang yang tidak punya masa ini pula tetap gagal dan tidak berharta? Awda boleh memilih sama ada untuk menjadi orang yang ada masa dan ada wang atau ada wang tiada masa, ada masa dan tiada wang, atau ada masa, ada wang dan kebebasan ...

Masa adalah nara sumber dan aset awda yang paling berharga! Cuba bandingkan harga kita dengan masa!

Katakan gaji awda ialah B\$2,000 sebulan '30 hari = \$66.66/hari '24 jam = \$2.77/jam '60 minit = \$0.046/minit '60 saat = \$0.00077/saat.

Nilai diri saya dan awda 1 jam bekerja 'makan gaji', dengan gaji sebulan B\$2,000 ialah B\$2.77.

Berapa harga ayam di pasar? B\$3.50 satu kilo!

Di mana harga diri kita yang 'bekerja untuk orang lain'?

Harga ayam di pasaran lebih mahal dari harga diri

Rahsia 4 Bahagian Akhir

kita!

Sedangkan Allah menciptakan kita umat yang terbaik di atas muka bumi! Sebagai Khalifah di muka bumi? Di kurniakan akal fikiran! Kenapa kita meletakkan 'HARGA DIRI' kita di bawah makhluk haiwan? Itu baru ayam betul! Ayam tidak betul, bagaimana? Kita hina 'Bapa Ayam', kita hina 'Ibu Ayam'. Berapa pendapatan mereka? Mereka lebih kaya dari kita. (Contoh ...).

(Manisnya Iman PELITA BRUNEI! Tetapi mendapatkan rezeki yang halal adalah yang diterima dan direndai oleh Allah).

Sedangkan Allah Taala menilai diri awda sebagaimana firman-Nya tafsirnya:

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang di lahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) ..." (Surah Ali 'Imran, ayat 110).

"Mencari rezeki yang halal itu adalah wajib" (Riwayat Abdullah Masud).

"Mencari rezeki yang halal itu adalah suatu jihad." (Riwayat Ibnu Abbas).

"Sesungguhnya sebaik-baik usaha itu adalah usaha yang dilakukan oleh seseorang dengan tangannya sendiri." (Mumad Imam Ahmad).

"Dunia ini adalah ladang untuk akhirat." (Hadis).

Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Jika sekiranya penduduk sesuatu negeri beriman dan bertakwa, pastilah kami (Allah) akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya mereka sendiri." (Surah Al-A'raf, ayat 96).

"Barang siapa yang bertakwa kepada Allah, Allah akan melimpahkan dari masuluh hidup dan diberi rezeki dari sumber yang tidak diduga." (Surah Al-Thalaq, ayat 2-3).

Sastera dan Budaya

سسترادان يودايا

OLEH ANAK TANJUNG

NEGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang berfalsafahkan Melayu Islam Beraja yang tertua, kaya dengan adat dan tradisinya sendiri. Walaupun zaman terus beredar, namun adat istiadat yang diwarisi sejak turun-temurun masih diamalkan dan dipertahankan kerana sebahagian besar adat istiadat tersebut masih relevan dengan kehidupan masa kini, yang ketara adat seperti taat kepada raja, agama Islam dan bersopan santun masih wujud. Semua atur cara dalam upacara beradat istiadat memberi makna tersendiri dan menggambarkan ketinggian budi dan sopan santun masyarakat Brunei yang diwarisi turun-temurun.

Adat ditakrifkan sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun dan menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat sehingga merupakan satu hukum yang patut dipatuhi. Ia berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud 'kebiasaan' manakala istiadat ialah kebiasaan, resam, adat berbagai-bagai adat dan kebiasaan. Adat istiadat ialah peraturan-peraturan hidup yang lazim dipakai sejak dahulu kala yang mengandungi adat yang banyak dipengaruhi oleh kepercayaan corak hidup dan agama.

Era pula bermaksud jangka masa yang tertentu dalam sejarah yang dianggap mempunyai suatu keistimewaan manakala teknologi ialah aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktik dalam industri, pertanian, perubatan dan perniagaan. Dasar-dasar dan asas-asas adat istiadat ialah persatuan dan perpaduan rakyat,

taat setia, adat yang mengandungi adab, asli turun-temurun dan bersendikan agama, boleh dimodenkan tanpa menghilangkanan keasliannya dan menurut kemampuan dan ekonomi sesebuah negara.

Pada umumnya adat itu terbahagi kepada empat kategori iaitu:

Adat Yang Teradat

Merujuk kepada undang-undang dasar yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

Adat Yang Diadatkan

Merujuk kepada himpunan nilai dan kepercayaan yang dicipta oleh manusia, sejak manusia mewujudkan masyarakat.

Adat Istiadat

Merujuk kepada cara-cara yang diajarkan dan diterima umum sebagai sah dan stabil demi melaksanakan institusi-institusi yang dilindungi.

Adat Resam

Merujuk kepada tabiat sosial yang diadakan dan ia mudah diubah dan inilah yang banyak mengalami perubahan dari masa ke semasa.

Ciri-ciri sesuatu adat itu hendaklah, pertama, senang diterima yang bermaksud sesuatu adat yang sedia lahir bersama setiap individu sesuatu masyarakat. Kedua, adat itu resam yang bermaksud sebagai satu resam yang diamalkan, adat itu hendaklah bukan satu peraturan atau undang-undang bertulis. Ketiga, adat itu bersifat setempat yang bererti adat itu milik sesuatu kelompok masyarakat, dan yang terakhir adat itu tidak statik atau beku iaitu adat bukanlah satu peraturan statik atau beku. Ia hidup subur dan boleh

PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENGHADAPI ERA TEKNOLOGI

berkembang dengan mengambil mana-mana unsur kebudayaan dan kemajuan yang sesuai dengan peradaban orang-orang Brunei.

Adat istiadat di Brunei telah diwarisi secara lisan dan wujud dari dahulu lagi dengan tertubuhnya Kesultanan Melayu Brunei. Berdasarkan bukti yang terdapat dalam mukadimah 'Gelaran Yang Dikurniakan' menunjukkan bahawa adat istiadat Brunei wujud sebelum agama Islam bertapak di negara lagi. Adat istiadat di Negara Brunei Darussalam itu terbahagi kepada dua bahagian:

(1) Adat Istiadat Diraja

Contoh: Istiadat Perpuspaan, Istiadat Perkahwinan Diraja, Istiadat Berkhatan Diraja, Istiadat Pengurniaan Gelaran dan sebagainya.

(2) Adat Istiadat Masyarakat Melayu Brunei

Contoh: Adat Basuh Kaki bagi masyarakat Tutong, Adat Makan Tahun bagi masyarakat Kedayan, Adat Berambil-ambilan bagi Masyarakat Melayu

Brunei dan sebagainya.

Negara Brunei Darussalam adalah negara yang paling lama mengamalkan sistem beraja atau 'monarchy' sudah setentunya melalui pelbagai proses kehidupan dan banyak mengumpulkan pengalaman, di samping menempuh proses pertukaran masa dan kekuasaan seperti dijajah Inggeris dan Jepun serta beberapa pengaruh agama. Tanpa kita sedari secara langsung dan tidak langsung adat istiadatnya telah mengalami perubahan.

DI ANTARA CONTOH ADAT YANG MASIH KEKAL DAN TIDAK LAGI DIPRAKTIKKAN

i) Adat yang masih dikekalkan seperti Adat Basuh Kaki puak Tutong dan Adat Mandi Berlatat.

ii) Adat yang masih dikekalkan tetapi diubah mengikut kesesuaian tanpa merombak keasliannya. Ini bermaksud adat yang diubah suai mengikut peredaran zaman tetapi keasliannya tetap dipertahankan. Contohnya dalam Adat Makan Tahun yang mana pada masa dahulu dilakukan setelah selesai musim menuai padi tetapi sekarang disesuaikan dengan unsur Islam di mana diselenggarakan dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Tahliil.

iii) Adat yang dihapuskan kerana bertentangan dengan hukum syarak seperti Adat Mandi Safar yang bertujuan membuang sial dan bala. Adat ini tidak dipakai lagi kerana menentang qadqad dan qadar yang ditetapkan oleh Allah.

Kita juga mendapati adat istiadat yang dilaku-

kan hari ini lebih ringkas dan cepat. Ini adalah kerana faktor zaman sains dan teknologi yang banyak mempengaruhi kehidupan kita sehari-hari. Melalui perubahan dari segi politik, sosial dan ekonomi akibat peredaran masa itu tadi sedikit sebanyak mempengaruhi adat istiadat kita. Contohnya dalam Adat Perkahwinan bangsa Melayu Brunei. Jikalau di masa dahulu orang tua yang bertanggungjawab dalam mencari jodoh untuk anak mereka, tetapi sekarang adat itu tidak digunakan pakai lagi kerana anak itu sendiri yang memilih jodoh masing-masing. Jika pada masa dahulu upacara perkahwinan bermula dari Adat Merisik hingga Adat Mulih Tiga Hari, yang dirasakan memakan masa yang agak lama. Kadangkala majlis tersebut dilakukan hingga seminggu atau sebulan. Contohnya Adat Bersuruh dijalankan pada minggu pertama kemudian disambung dengan Adat Menghantar Berian pada minggu keduanya. Tetapi zaman sekarang kebanyakan adat atau majlis tersebut diadakan serentak dalam sehari. Contohnya Adat Mengantar Berian, Bertunang dan Akad Nikah diadakan dalam masa sehari sahaja.

Dalam Adat Istiadat Diraja pula kita lihat perubahan ketika Majlis Perpuspaan. Semasa perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Marhum Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin pada 31 Mei 1951, baginda menaiki usungan yang diangkat iaitu disahab di atas bahu oleh peng-

angkat yang ditentukan. Manakala dalam Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Ogos 1968, baginda juga menaiki usungan yang sama tetapi usungan tersebut diberikan roda yang ditarik oleh orang tertentu.

Arus pemodenan pada masa ini membawa dua kesan terhadap perkembangan adat istiadat di negara ini, iaitu:

1) Kesan positif yang dapat menjimatkan perbelanjaan, tidak membazir dan memudahkan bagi yang tidak berkemampuan.

2) Kesan negatif yang mengurangkan hubungan silaturahim di antara penduduk kampung dengan adanya kemudahan seperti kem, catering dan sebagainya membuatkan manusia malas dan pupusnya adat istiadat nenek moyang yang diwarisi zaman-berzaman. Walaupun adat istiadat di negara kita semakin terhakis, berkurangan dibuat atau dilaksanakan namun pelbagai usaha telah dibuat dalam memperbaikannya selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) agar ia tidak pupus ditelan zaman. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

1) Mengadakan bentuk pertandingan dan rancangan-rancangan yang berhubung kait dengan adat istiadat di Negara Brunei Darussalam seperti Adat Istiadat Perkahwinan Diraja, adat puak-puak di negara ini dan sebagainya.

2) Adat kerjasama di antara penduduk kampung seperti sikap bergotongroyong hendaklah sentiasa

diamalkan. Penglibatan anak-anak muda adalah penting kerana mereka adalah bakal pewaris adat istiadat di masa akan datang.

3) Melalui penerapan mata pelajaran MIB di institusi-institusi pendidikan, agar menimbulkan rasa tanggungjawab di kalangan pelajar. Selain itu pengajaran guru juga penting supaya dapat menarik minat para pelajar untuk mempelajarinya.

4) Peranan ibu bapa adalah penting dalam membentuk anak-anak dengan mendedahkan mereka kepada warisan adat istiadat kita.

5) Komitmen dan kesedaran diri sendiri terhadap pentingnya adat dalam membudayakan kehidupan amatlah perlu dalam mempertahankan adat istiadat di negara ini.

Adat yang digalakkan dalam berpegang kepada falsafah MIB adalah adat yang bersendikan agama dan tidak berlawanan dengan syarak, harus sederhana dan disesuaikan dengan kemampuan ekonomi. Prinsip dan asas tidak boleh hilang jika disesuaikan dengan peredaran zaman dan tiap-tiap majlis hendaklah disusun menurut adat yang bersendikan agama.

Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini yang berlandung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam sewajarnya berusaha mempertahankan, mempelajari dan memelihara budaya bangsa sendiri di dalam negara menuju era teknologi, agar perkembangan adat dan teknologi ini akan dapat dilihat sejajar dan seiringan dalam pembangunan negara.

NEGARA Brunei Darussalam adalah negara yang paling lama mengamalkan sistem beraja atau 'monarchy' sudah setentunya melalui pelbagai proses kehidupan dan banyak mengumpulkan pengalaman, di samping menempuh proses pertukaran masa dan kekuasaan seperti dijajah Inggeris dan Jepun serta beberapa pengaruh agama. Tanpa kita sedari secara langsung dan tidak langsung adat istiadatnya telah mengalami perubahan.

CELESTIAL

OLEH NONITAHANI JOHAN

ASSILA mengeluh lesu. Dia duduk sendirian dalam kereta api yang mula meninggalkan landasan. Dia sedang dalam perjalanan untuk berjumpa dengan seorang lelaki asing yang bergelar ayah. Dia tidak dapat membayangkan bagaimana perasaannya nanti apabila berdepan dengan ayahnya. Dia ingin pergi jauh, cuma dia perlu menyempurnakan hasrat dan amanat emak terlebih dahulu.

Selama ini, dia mencari-cari siapa sebenarnya orang yang bergelar ayah yang telah menyebabkan dia terlahir di dunia ini? Bertahun-tahun dia memendam perasaan untuk berdepan sekali gus memuntahkan segala ganjalan dalam hatinya. Dia geram, sedih, terluka. Hidupnya bersama emak bersulamkan derita dan air mata. Dan sesungguhnya keperitan dan kegetiran yang dilaluinya bersama emak, takkan

terlupakan.

Assila membesar dengan penghinaan, kerana dia tidak mempunyai seorang ayah. Dia sering dihina dan dipermalukan. Sudah puas dia berendam air mata, sehingga dia tidak terdaya untuk menangis lagi. Dia bertekad untuk mencari ayah, bukan untuk mengemis kasih sayang. Tetapi untuk mencari jawapan. Kenapa Assila dan emak ditinggalkan? Kenapa Assila beribik Abdullah, sedangkan dia mempunyai ayah kandung? Kenapa? Dia cuma ingin tahu agar hatinya yang terluka akan sembuh.

Emak jarang sekali bercerita tentang ayah. Assila pun tidak ingin berbicara mengenainya. Untuk apa membicarakan orang yang telah membuang mereka bukan? Cuma Assila terkilan, sehingga dia berusia 22 tahun, langsung tidak pernah sekalipun ayah menjenguknya, memeluknya, apatah lagi memberinya kasih sayang. Sedangkan ayah tahu akan kehadirannya. Kenapa langsung tidak tergerak hati ayahnya untuk mengasih? Begitu bekukah hati ayah Assila?

Assila kasihkan emak. Hanya emak yang menjadi benteng kekuatan Assila. Dia tetap tabah harungi keperitan. Dia sudah lali dengan umpat keji. Dia sudah maklum dengan tingkah manusia yang suka mencemooh. Assila pasrahkan semua pada Tuhan. Masih jelas di ingatan, beberapa tahun lepas, sewaktu di kolej, Assila dipermalukan di depan orang ramai oleh rakan sekelasnya, Arini. Dia tidak tahu kenapa Arini begitu membencinya, dia tidak pernah menyakiti hati sesiapa, tapi kenapa hatinya dilukai? Dia masih ingat dengan kata-kata Arini.

"Korang bukan tak tau, dia tu anak luar nikah. Anak haram. Tak layak nak bersekolah di sini. Nanti dia pula buat hal. Manalah tau, kut-kut mengandung pula, kan ke malu kolej kita nanti," lantang suara Arini hingga ramai orang yang sedang berada di perpustakaan menoleh dan berbisik-bisik. Hati Assila cukup terhisir. Tapi dia cuba tabahkan hati. Dia tahan dengan penuh kesedihan.

"Tak sedar diri, dia ingat, orang akan anggap dia tu alim pasal selalu pakai tudung. Jangan haraplah."

"Orang dari kampung memang macam tu, datang kolej bukan nak belajar, tapi cari boyfriend. Nak ikut jejak maklah tu. Ialah kan, kat mana jatuhnya kuah kalau tak ke nasi? Betul tak?" Arini menjeling Assila. Dia semakin meluat bila nampak Irwan menghampiri Assila yang sedang tergegas dekat rak buku.

"Assila nak cari buku apa, biar Wan carikan?" Irwan menghampiri dengan senyuman. Dia ikhlas untuk menolong. Dia senang dengan Assila, seorang gadis pendiam, tetapi tabah dan cekal. Dia tahu Assila sering dicemooh dan dikeji. Namun dia tetap berani dan teruskan kehidupannya. Sesungguhnya dia mengagumi Assila.

"Tak apa Wan, Assila boleh cari sendiri," ujar Assila sambil menoleh. Sudah sering kali Irwan cuba untuk mendekatinya, menghulur tali persahabatan, namun Assila sedar, dia tidak ditakdirkan untuk mempunyai sahabat. Dia sudah jemu untuk menyayangi seorang sahabat, yang akhirnya akan berlalu meninggalkannya setelah tahu kisah hidupnya. Biarlah dia bersendirian, sekurang-kurangnya dia tidak akan merasai peritnya kehilangan orang yang dikasih.

Irwan membiarkan Assila berlalu. Dia tidak akan memaksa Assila untuk menerima huluhan persahabatan darinya. Dia benar-benar ikhlas. Oleh itu dia juga harap satu hari Assila akan terimanya dengan keikhlasan. Dia akan sabar menanti pintu hati Assila terbuka untuknya.

Irwan adalah senior



NUR ASSILA

Assila dan Arini. Dia berjumpa Assila untuk pertama kali pada minggu orientasi. Mata yang redup dan wajah teduh Assila menarik perhatiannya. Assila sering bersendirian, seolah-olah tanpa teman. Dia begitu pendiam. Begitu misteri. Irwan suka merenung Assila dari kejauhan, Assila nampak ayu dengan tudung yang tidak pernah lepas dari kepalanya. Berulang kali dia cuba mendekati Assila, namun Assila terlalu dingin dan bersahaja. Dia menjawab sekadar perlu sahaja. Namun dia tidak akan berputus asa. Dia akan terus berusaha melembutkan hati Assila.

Mulanya Irwan beranggapan Assila seorang yang sombong. Angkuh. Dia selalu nampak Assila di perpustakaan, dia begitu tekun dan bersahaja. Seolah-olah hanya dia yang wujud ketika itu. Dia jarang sekali ke kantin. Habis kuliah, dia terus ke perpustakaan, kalau tidak pun balik ke asrama. Dia tidak keluar bersiar-siar seperti orang lain. Dia tidak pernah lepak dengan kawan-kawan. Irwan semakin tertarik untuk mengetahui kehidupan dan peribadi Assila. Hingga

akhirnya dia terdengar bisik-bisik rakan yang mengatakan Assila anak luar nikah. Dia beristighfar panjang. Kenapalah mulut manusia terlalu celupar menyatakan sesuatu yang belum pasti kebenarannya. Tidakkah mereka tahu betapa besar dosanya memfitnah dan mengumpat orang lain. Sekiranya hal itu benar sekalipun, itu bukan ukuran untuk menilai peribadi Assila. Dia semakin menghormati Assila. Dia masih mampu teruskan kehidupan dengan tabah. Sesungguhnya Assila seorang gadis yang istimewa.

Irwan cuba merapati Assila, meskipun mengambil masa yang lama, namun akhirnya keikhlasan Irwan membuahkan hasil. Assila mula bersikap terbuka dan ramah terhadap Irwan. Meskipun ketara masih menjaga jarak agar mereka tidak terlalu mesra. Kadangkala mereka belajar dan ke kantin bersama. Assila cukup terharu dengan keikhlasan Irwan. Setiap kali dia memerlukan, Irwan pasti berada di sisinya. Selama ini dia ingat dia keseronangan, namun ternyata Tuhan begitu pemurah. Dia telah bukakan pintu hati seorang lelaki untuk menemani Assila

hadapi hidup yang bergelora ini. Assila teruskan hidup dengan berani, di sisinya Irwan berdiri dengan tabah dan setia. Sekalipun Irwan telah tamat belajar dan mula bekerja di pejabat ayahnya, dia selalu datang untuk berjumpa Assila di kolej.

Lain halnya dengan Arini. Dia begitu benci pada Assila. Dia cemburu, kenapa Assila yang menjadi perhatian Irwan. Sudah lama Arini menyukai Irwan, sejak dari minggu orientasi lagi. Dia selalu nampak Irwan bercakap dengan Assila. Dia sakit hati. Apa kelebihan Assila? Apa kekurangannya? Arini anak tunggal Dato Mokhtar yang ternama. Dia cantik, aktif dan kaya. Tapi tidak mampu menarik perhatian Irwan. Sedangkan Assila hanya orang kampung, miskin, kolot dan sombong. Dia geram pada Assila. Kebetulan rakan Arini berasal dari kampung yang sama dengan Assila, jadi dia tahu cerita mengenai Assila. Dialah yang memberitahu Arini mengenai Assila.

Assila tidak kisah dengan cemoohan. Dia sudah kenyang dengan umpat keji. Dia serahkan segala-galanya pada Allah. Dia lebih tahu. Dia teruskan

belajar dengan tabah. Dia ingin bahagiakan emak. Sudah puas emak derita. Emak seorang diri di kampung. Dia amat risau. Tapi kata emak, Assila mesti belajar untuk masa depan. Emak boleh jaga diri. Assila pergi dengan restu emak.

Masa berlalu tanpa terasa. Setiap hujung minggu Assila pulang menjenguk emak. Emak begitu gembira melihat Assila. Assila belajar dengan tekun dan tabah. Dia salah seorang pelajar terbaik kolej. Dia tidak akan sia-siakan titik peluh emak.

Assila tulikan telinga dengan umpat keji Arini. Sekalipun hatinya terhisir, namun dia reda dengan ujian Tuhan. Bukan sekali dua Arini menghina, malah berkali-kali. Tapi dia cuma berdiam diri. Seringkali Irwan yang menolongnya ketika Arini menghina. Irwan membencinya semangat dan kekuatan untuk terus bertahan. Dia cukup berterima kasih dengan Irwan kerana menolongnya.

Dugaan Tuhan datang bertimpa. Tika dia sedang menduduki peperiksaan akhir, emak sakit tenat. Bergesang Assila pulang ke kampung. Ketika sedang menunggu teksi, Irwan datang. Dan Assila tanpa pikir panjang menerima pelawaan Irwan untuk menghantarnya ke hospital. Takdir Tuhan siapalah yang tahu. Sesampai di hospital, emak telah pergi. Assila termangu, segalanya bagai mimpi. Dia terkaku di hadapan tubuh emak yang kaku. Air matanya jatuh berderai. Dia peluk emak. Dia cium emak. Kenapa emak tinggalkan Assila? Assila tiada sesiapa di dunia ini. Assila cuma

ada emak. Kenapa?

Assila patah semangat. Dia dah kehilangan segala-galanya. Dia ingin meratap menung. Tapi segalanya tersimpan di sudut hati yang berdarah. Irwan setia di sisi. Dia tahu kesedihan Assila. Dia ingin membalut duka di hati Assila tapi dengan cara apa? Dia cuma dapat berdiri di samping Assila, beri kekuatan dan dorongan untuk Assila bangkit semula. Dia tidak akan tinggalkan Assila keseronangan. Hadapi dugaan getir ini. Assila amat bersyukur kerana Irwan berada di sisinya pada ketika dia benar-benar perlukan seseorang. Dia menangis dalam pelukan Irwan, menumpahkan duka dan pilu yang merejam. Assila sedar dia tidak boleh terus terlalai. Dia perlu bangkit untuk teruskan perjuangan.

Ketika mengemas segala barang-barang emak, Assila terjumpa dua pucuk surat. Satu untuk Assila dan satu lagi untuk Mokhtar Ahmad Daud. Siapa agaknya lelaki ini? Kenapa ada surat untuknya dari emak? Assila buks surat dari emak, Assila baca dengan titisan air mata yang gugur tanpa henti.

"Assila, anak emak, maafkan emak kerana menyebabkan Assila terseksa. Bukan niat emak untuk merahsiakan segalanya dari Assila. Emak sedar Assila hidup terhin, tapi emak bangga kerana Assila dapat hadapinya dengan tabah. Emak sedih kerana membebaskan Assila. Sesungguhnya Assila anak yang baik. Assila tidak pernah melukakan hati emak. Emak harap Assila teruskan perjuangan ini walaupun setelah emak tiada. Assila mesti belajar dengan tekun, angkatlah darjat keluarga kita yang terhina sekian lama. Maafkan emak tidak dapat memenui Assila, sesungguhnya emak restui segala perjuangan Assila. Doa emak untuk Assila tidak pernah terhenti. Ada satu perkara yang mesti emak beritahu pada Assila iaitu tentang ayah Assila. Sebenarnya Assila bukan anak luar nikah, Assila ada ayah. Setelah emak tiada carilah ayahmu dan sampaikan surat emak untuknya. Jangan berendam dengan ayahmu, sayang. Terlah banyak yang telah berlaku sehingga emak dan Assila tersingkir dari kehidupan ayah. Ayah seorang lelaki yang baik, cubalah maafkan dia biarpun ia memakan masa yang lama untuk melupakan kelakuan di hati. Emak restui keputusan Assila, jika Assila marahkan ayah, emak faham. Cuma kalau boleh jumpalah ayah sekali. Lepas tu, Assila boleh tentukan sama ada mahu bersama ayah atau tidak. Sekiranya Assila masih terluca dengan perbuatan ayah, emak akan tunggu sehingga hati Assila terhibat semula dan maafkan ayah. Cuma ini harapan emak. Assila jaga diri baik-baik. Kasih emak untuk Assila tidak pernah surut. Dan doa emak agar Assila berjaya

Lihat muka 13

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SYAER RAMADAN

Bersyukur kita di bulan Ramadan
dipanjangkan umur dikurniakan Tuhan
kita beramal penuh keimanan
semoga ibadat dapat keberkatan.

Di bulan Ramadan kita berpuasa
lapar dahaga tidak terasa
itu tandanya orang bertakwa
memanaikan perintah Yang Maha Esa.

Menahan nafsu di siang hari
perintah Allah jangan diingkari
banyak dugaan di sana sini
iman dan takwa melindungi diri.

Puasa itu diperintahkan Allah
penuh rahmat melimpah-limpah
kerjakan ia dengan tabah
janji Allah tiada berubah.

Segera berbuka kita disunatkan
lewatkan bersahur pula lakukan
tersirat makna dalam perbuatan
sembahyang Subuh segera tunaikan.

Lepas Isyak kita bertarawih
bertadarus pula mencari lebih
malam Ramadan beramal salih
dapat pahala bertindih-tindih.

Lailatulqadar pergilah cari
seribu bulan pahala diberi
rahmatnya Allah tidak terperi
kepada hamba-Nya tidak dimungkiri.

Berpuasa itu mendekatkan diri
dua kesenangan yang Allah beri
kesenangan berbuka bagi roh hewani
kesenangan ketika bertemu-Nya nanti.

Di bulan Ramadan Nuzul Al-Quran
Kitab Suci kurniaan Tuhan
Malaikat Jibril menjadi utusan
kepada Nabi Muhammad ia diwahyukan.

Genap sudah sebulan puasa
kini menjelang pula Hari Raya
membayar fitrah jangan pula lupa
tanda ibadat selamat sempurna.

Jura

MENGHARAP

Di Kota Suci
Madinah Al-Munawarah
bingkas genangan air matak
gugur bersama ketenangan
dalam kesyahduan
aku datang menziarahimu
sejahtera buatmu wahai Kekasih Allah.

Hatiku sayu kian terhiris
di bumi Arafah kering tandus
bersama keinsafan dan kekesalan
mengharap sekubut keampunan
kesempurnaan agama
kecukupan nikmat dan keredaan agama Allah.

Di Mina aku berjuang
berkorban untuk sebuah kesetiaan
melontar tiga jumrah syaitan durjana
mengenang satu pengorbanan
yang bukan calang-calang
membuat syaitan kecundang.

Kuteruskan lagi sebuah perjalanan
bersama sebak di tangkai hati
ingin menjamah Rumah Allah
kiblat muslimin muslimat
Mekah Al-Mukarramah.

Aku menyahut seruan-Mu ya Allah
bersama jutaan umat Islam sedunia
terimalah kedatanganku
dengan mengharap haji yang mabrur.

Maya Brunei

PEMERGIANMU

Sembilan bulan dalam kandungan
ibu derita dan sengsara
namun hati ibu tetap tabah
kerana kau bakal permata hidupnya.

Genap waktunya
lahirlah kau di bumi ini
sengsara ibu perit sekali
saat-saat kau dilahirkan.

Ibu mengucap beberapa kali
pohon pada Ilahi
agar kau dan ibu selamat.

Tapi sayang
seribu kali sayang
harapan ibu berkecai
kehadiranmu yang ibu nantikan
derita pula ibu terima
kehadiranmu tidak bernyawa.

Sekali lagi ibu derita
kau pergi buat selamanya
tinggallah ibu dengan kenangan.

Pemergianmu adalah seruan Ilahi
syukur kau pergi masih suci
dalam hati yang masih terguris
doa ibu sentiasa diiringi
agar roh dan jasadmu dicucuri rahmat.

Azmi KBA

AL-QURAN MUKJIZAT NABI

Al-Quran Kalamullah
mukjizat Nabi yang tiada taranya
begitu tinggi dan indah bahasanya
tiada terpinda!
malah terpelihara berkekalan
Al-Quran tetap kukuh sepanjang zaman.

Mukjizat Nabi terbukti nyata
menjana perpaduan
memberi hidayat dan keberkatan
memandu kehidupan manusia
ke arah yang lebih cerah dan sempurna
dalam rahmat abadi-Nya.

Al-Quran mukjizat Nabi
wahyu Tuhan Rabbul Izzati
di dalamnya tertulis ajaran benar
menjadi pelita hidup
tempat kita bertegak
dan berpaut selamanya
ke jalan yang diredai-Nya.

Al-Quran mukjizat Nabi
Kitabullah yang suci
petunjuk nyata wahyu dari Tuhan
kerana itu muslimin dan muslimat
patuhi dan hayati ajaran Al-Quran
untuk kesejahteraan umat
selamat di dunia, bahagia di akhirat.

HAMPARAN

Kita di sini
tidak dapat lari
atau ingkar dari tanggungjawab
amar makruf nahi mungkar
adalah hamparan yang mesti dijejaki
dengan mata terbuka atau terpejam
berpaksikan takwa, iman dan ihsan
berperisaikan As-Sunnah dan Al-Quran
jalan hakiki menuju Siratal Mustaqim
tempat tersurat kemenangan mutlak
selamat di dunia, bahagia di akhirat.

Rahim M. S.

KELUARGA IMPLAN

Lelaki dan wanita,
dua warga dunia,

tinggal serumah sebagai keluarga,
teringin anak penjalin saudara.

Diusaha dicuba,
daya berdua,
tapi tiada hasilnya jua
tinggal serumah masih berdua.

Setahun dua,
masa berlalu,
berbini dua,
si suami mahu.

Rumah dulunya Syurga,
hilang cahaya tiada bermaya,
yang dulu hidupnya berdua,
kini bertiga bersama si kedua.

Tahun tiga,
tahun empat,
masih juga tiada dapat,
kuota ditambah mengikut syahwat.

Asal hidup berdua,
kemudian bertambah tiga,
hajut masih tak dapat,
kini sudah berbini tiga.

Si suami senyum macam nak gila,
tak dapat anak tidak mengapa,
kini isteriku sudah tiga.

DIARI SEORANG GURU

Matahari bersinar lagi
tanda bermula hari ini
dua puluh empat jam jarak sehari
hidup sebagai guru lelaki.

Jam sepuluh, loceng berbunyi
tanda rehat sekolah ini
perut kosong mula berbunyi
kerana mahu minta diisi.

Jam menunjukkan dua belas tengah hari
cuaca hangat di panas mentari
riuh-rendah penuntut berlari
menuju rumah diri sendiri.

Pen merah di jari mula menari,
menyemak kerja yang penuntut beri
ini dia rutinku setiap hari
esok dan lusa masih jua begini.

HILANG KAWALAN DIRI

Jatuh, bagunku di sini,
seorang anak sejati.

Di dunia ini kuberdiri,
hidupku seorang diri.

Jangan dituduh kupentingkan diri,
aku memang bersifat begini.

Kalau kau seorang yang berani,
mari ke mari...!!!!

Arman

LAILATULQADAR

Lailatulqadar ...
malam tiada tandingan seribu bulan
malam penuh keistimewaan
malam penuh rahsia.

Bulan Ramadan ...
bulan yang mulia
tersimpan seribu rahsia
Lailatulqadar tiada siapa tahu
setiap amalan dapat ganjaran.

Tercari-cari bilakah dia
sepuluh malam ganjil terakhir
jadi lekuran semua
amalan berterusan pasti menemuinya.

Riniah

PENGANGGURAN

Tiga bulan sudah berlalu
aku masih menaja diri
mengusung ijazah yang baru kuperolehi
dengan harapan dapat mencari rezeki
yang sesuai dengan layaknya diri.

Kulihat saku penuh berisi
kini tinggal nota-nota kecil
hati mengeluh bertanya-tanya
adakah masanya belum tiba lagi
atau aku yang terlalu memilih.

Enam bulan kini berlalu
aku masih merenung nasib diri
cubaan demi cubaan kalahkan
janji demi janji kudengari
namun tiada satu mengena diri.

Ayah mulai bisik-bisik
ibu tak henti-henti meleter
percuma kataku
rezeki belum sampai agaknya
menunggu lagi tiga purnama.

Aku yakinkan diri ini
masanya mungkin belum tiba
aku santai, aku tenang
usaha tiada pernah jemu
tiba masanya nanti
tiada istilah pengangguran lagi
dalam menajar cita-citaku.

Dakwat Biru

DI DALAM RAHSIANYA

Melihat sendiri diri berdiri
susuk imej peribadi
untuk yang terbaik
berusaha ditempuh dirempuh
seperti berkayuh di dasar lautan
demi mencari diri tercici.

Di atas air yang becak itu
sambil mendayung
dalam diri berfikir
aku menadah tangan memohon
ingin beriman dan bertakwa
mencari cahaya imej supaya terpancar kemilau
sebersih hati di jiwa
seputih rohani yang halus dirasa.

Melihat sendiri diri berdiri
di depan cermin
aku bertekad menghampiri-Nya
ingin bersama
di dalam rahsia-Nya
mendekati diri sebagai manusia
bercinta dan menyerah untuk kekasih-Nya.

Haji Mat Noor Matussin

JANGAN SESEKALI

Jangan sesekali
kau lafazkan
tusukan tajam
apa lagi hinaan
pada hati itu
pada jiwa lembut itu.

Jangan sesekali
kau hamburkan
bicara pedih menghiris
hingga menyinggung permata budi
terendahkan murnian kasih
jangan ...
jangan ...

Kerana
sekali hati itu kau punahkan
jiwa itu kau guriskan
ingatlah janji Tuhan
kerana balasan akan ditunaikan
di sini.

Ingatlah reda ibu
penentu kesudahannya.

Husaimy



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 3 NOV	PAGI	10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	2.55	SPORT	6.03	BEDUK DAN AZAN		Keredaan'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.55	SWITCHING KITCHEN	3.25	RESIPI PILIHANKU	MAGHRIB	9.30	JASA MU
	6.02	KEBANGSAAN	11.30	LIPUTAN SEMASA	3.45	AZAN ASAR	GADGET AND GIZMOS	10.00	NEWS AT 10
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	12.00	SIARAN TAMAT		TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	SINAR	10.30	THE INVESTIGATOR II
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			4.15	JEJAK RASUL SR. 9	MALAM		
	9.00	BERITA	PETANG		4.45	DRAMA - 'Dari Fail Mahkamah Syariah'	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.20
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	2.00	LAGU KEBANGSAAN	5.15	IHYA RAMADAN	7.14	AZAN ISYAK	12.40
KHAMIS 4 NOV	10.00	RANCANGAN HARI INI	2.02	TILAWAH AL-QURAN	5.30	RAMADAN KARIM	7.30	LENSA PELAJAR	
			2.15	SUSUNAN RANCANGAN	5.30	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	
			2.25	GILLETTE WORLD OF	5.45		8.50	DRAMA - 'Menuju	3.40
									DOA DAN SIARAN TAMAT
JUMAT 5 NOV	PAGI	10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	2.15	SUSUNAN RANCANGAN	6.02	BEDUK DAN AZAN	9.30	WAYANG PILIHAN - 'Double Cross'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	MASAKAN TRADISI (DAPUR WARISAN)	2.25	INFORAMA	MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.02	KEBANGSAAN	11.30	SIMPOSIUM INTEGRITI	3.10	SEMINAR K-EKONOMI	TREASURE HUNTER	10.30	WAYANG PILIHAN - Sambungan
	6.12	TILAWAH AL-QURAN		DALAM PERKHIDMATAN AWAM	3.26	AZAN ASAR	FIQHUL MIRATS		TADARUS
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	SIARAN TAMAT	3.45	SAJIAN ORIENTAL	MALAM		
	9.00	BERITA			4.15	JEJAK RASUL SR. 9	7.00	WARTA ISLAM	11.30
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		4.45	DRAMA - 'Dari Fail Mahkamah Syariah'	7.14	AZAN ISYAK	12.40
SABTU 6 NOV	10.00	RANCANGAN HARI INI	2.00	LAGU KEBANGSAAN	5.15	IHYA RAMADAN	7.30	SURAH-SURAH PILIHAN	
	10.15	THE LEGEND OF ZORRO	2.02	TILAWAH AL-QURAN	5.30	RAMADAN KARIM	8.00	BERITA NASIONAL	
					5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Yang Tersohor'	3.40
									DOA DAN SIARAN TAMAT
AHAD 7 NOV	PAGI	10.55	WONDERFUL WORLD OF PLANT	2.30	AN NUR - Siaran Langsung	6.02	BEDUK DAN AZAN		WADAH KEPIMPINAN RAJA
